KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



SEJARAH

TAHUN 6

SEKOLAH KEBANGSAAN

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
KSSR
(SEMAKAN 2017)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia
mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (SEMAKAN 2017)

SEJARAH

TAHUN 6 SEKOLAH KEBANGSAAN



PENULIS

Ahmad Salehee bin Abdul
Sharifah Afidah binti Syed Hamid
Ishak bin Saidoo

EDITOR

Rohaida binti Baharudin
Rosmiza binti Ismail
Ahmad Sayuti bin Mohd Yusob

PEREKA GRAFIK

Rahimah binti Badulu

ILUSTRATOR

Rosli bin Husin
Ali Seteria bin Has

DBP
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2021

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri: 0003

KK 959-221-0102011-49-3279-20101
ISBN 978-983-49-3279-4

Cetakan Pertama 2021
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2021

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk pada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-2147 9000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-2147 9643
Laman Web: http://www.dbp.gov.my

Reka Letak dan Atur Huruf:
Attin Press Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Taip Teks: 13 poin

Dicetak oleh:
Ultimate Print Sdn. Bhd.,
Lot 2, Jalan Sepana 15/3,
Off Persiaran Selangor Seksyen 15,
40200 Shah Alam, Selangor.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah, Kementerian Pendidikan Malaysia
  - Prof. Dr. Ishak bin Saat (Pengerusi)
  - Prof. Datin Dr. Mahani binti Awang@Musa
  - Prof. Dr. Sivamurugan Pandian
  - Prof. Dr. Ismail bin Ali
  - Prof. Madya Dr. Neilson Ilan anak Mersat
  - Prof. Madya Dr. Zuliskandar bin Ramli
  - Dr. Ho Hui Ling
- Jawatankuasa Penyemakan Pruf Muka Surat dan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawatankuasa Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arkib Negara Malaysia
- Kementerian Luar Negeri Malaysia
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
- Lembaga Kemajuan Negeri Sabah (LKNS)
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
- Bahagian Hal-Ehwal Sabah dan Sarawak Jabatan Perdana Menteri (BHESS)
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.

KANDUNGAN

UNIT 1 PEMBENTUKAN MALAYSIA 2

UNIT 2 NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA 20

UNIT 3 RUKUN NEGARA 34

UNIT 4 KAUM DI MALAYSIA 50

UNIT 5 AGAMA DAN KEPERCAYAAN 76

UNIT 6 PERAYAAN MASYARAKAT DI MALAYSIA 92

UNIT 7 PEMIMPIN NEGARA MALAYSIA 106

UNIT 8 KEMAJUAN EKONOMI MALAYSIA 124

UNIT 9 SUKAN KEBANGGAAN MALAYSIA 142

UNIT 10 MALAYSIA DAN DUNIA 160

RUJUKAN 177

PENDAHULUAN

Buku teks *Sejarah Tahun 6 SK* ditulis berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penulisan buku teks ini memberikan penekanan terhadap penerapan nilai murni, semangat patriotik, elemen kewarganegaraan dan nilai-nilai sivik. Penekanan ini perlu bagi melahirkan murid yang berdaya saing dan berwawasan serta mempunyai semangat jati diri sebagai warganegara Malaysia yang sayang dan cinta akan negaranya.

Kandungan dalam buku teks ini disusun dengan menekankan kepelbagaian kaedah pembelajaran seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, kontekstual, kajian kes, kajian masa depan, pembelajaran di luar bilik darjah, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi serta mengaplikasikan kemahiran pembelajaran abad ke-21.

Pembelajaran sejarah akan lebih menyeronokkan dengan penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan didik hibur yang membolehkan murid melahirkan pemikiran sejarah yang lebih kritis, kreatif dan inovatif. Selain itu, terdapat aktiviti yang memerlukan murid membuat kajian bagi mendapatkan maklumat. Aktiviti kajian ini bertujuan untuk memberikan pengalaman dan kemahiran kepada murid dengan lebih berkesan. Murid diharap akan dapat menghayati sejarah secara empati untuk membentuk jati diri yang mantap dan memiliki pemikiran yang terbuka bagi menghayati ilmu sejarah.

Buku teks *Sejarah Tahun 6 SK* ini merupakan kesinambungan daripada buku teks *Sejarah Tahun 5 SK*. Tema buku teks *Sejarah Tahun 6 SK* ialah Kemakmuran Negara Kita dan dibahagikan kepada tiga tajuk utama, iaitu:

Tajuk 10: Negara Malaysia

Tajuk ini membincangkan hal yang berkaitan dengan pembentukan Malaysia dan tokoh yang terlibat. Tajuk ini juga menerangkan asal usul nama negeri-negeri di Malaysia. Maklumat yang dimuatkan melalui tajuk ini bertujuan untuk melahirkan perasaan bangga dan menghargai negara dalam kalangan murid. Selain itu, murid juga diharapkan mampu menghayati prinsip dan matlamat Rukun Negara yang menjadi asas dalam pembentukan jati diri dan juga alat perpaduan bagi melahirkan murid yang bertanggungjawab.

Tajuk 11: Kita Rakyat Malaysia

Tajuk ini membincangkan masyarakat pelbagai kaum di negara kita. Selain itu, murid didedahkan dengan pelbagai budaya dan kesenian yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia. Melalui penerangan tentang kepelbagaian budaya ini, murid didedahkan tentang perlunya bersikap toleransi, menghormati budaya dan kesenian kaum lain bagi membentuk perpaduan dalam kalangan murid dan negara.

Tajuk 12: Pencapaian dan Kebanggaan Negara

Tajuk ini menjelaskan pencapaian dan kebanggaan negara dalam pelbagai bidang yang meliputi pemimpin negara, kemajuan ekonomi, pencapaian sukan, dan pelibatan Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa. Melalui peranan pemimpin dan kerjasama rakyat dalam merealisasikan pencapaian ini akan mendorong murid untuk lebih menghargai jasa pemimpin dan menanamkan perasaan hormat-menghormati dalam pelbagai kaum. Murid juga didedahkan dengan pelibatan negara pada peringkat antarabangsa dan kepentingannya kepada negara kita. Memahami dan menghayati topik ini dapat menimbulkan semangat patriotik dan kewarganegaraan yang kental dalam kalangan murid pada peringkat sekolah.

Tiga tajuk dalam buku teks *Sejarah Tahun 6 SK* ini dibahagikan kepada 10 unit yang dapat berdiri sendiri sebagai satu modul. Setiap unit dalam buku ini dibincangkan mengikut Standard Pembelajaran yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 6. Pada akhir halaman buku teks ini, senarai rujukan yang digunakan dalam penulisan dipaparkan bagi memudahkan guru membuat rujukan.

Bagi memudahkan guru dan murid menggunakan buku ini, beberapa ikon digunakan.



Sinopsis

Gambaran umum tentang pembelajaran dalam sesuatu unit.



Apakah yang akan anda pelajari?

Menyatakan kandungan pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid.



Nilai Teras Sivik

Elemen utama nilai-nilai murni yang diterapkan kepada murid.



Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

Murid boleh menganalisis secara kritis dan analitis terhadap sumber dan peristiwa sejarah dengan mengaplikasikan Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah, iaitu elemen asas sejarah, konsep masa, susunan dan kronologi masa, bukti signifikan, imaginasi dan empati, isu dan masalah masa lalu, perbandingan masa lalu dan mencari sumber.



KBAT

Soalan berbentuk aras tinggi diberikan untuk merangsang pemikiran murid tentang peristiwa sejarah yang berlaku.



Memupuk minat dan mencintai sejarah khazanah negara melalui pembelajaran di institusi muzium.



TAHUKAH ANDA?

Mengandungi maklumat tambahan bagi membantu murid memahami sesuatu perkara dengan jelasnya dan mendalam.



CEPAT JAWAB

Mengandungi soalan yang perlu dijawab oleh murid berdasarkan pemahaman terhadap peristiwa sejarah. Soalan diajukan secara ringkas dan sederhana.



I2.4.3
KI2.4.7

Standard Pembelajaran dan Elemen Kewarganegaraan

Petunjuk kualiti pembelajaran dan pencapaian yang diperoleh murid dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu tajuk. Elemen kewarganegaraan ini dijelmakan secara tersurat dan tersirat sama ada dalam teks, soalan ataupun dalam pelbagai bentuk aktiviti.



FIKIR DAN JAWAB

Menyediakan pelbagai bentuk latihan bagi mengukur pemahaman murid berkenaan dengan kandungan yang telah dipelajari daripada unit tersebut.



CINTA AKAN NEGARA

Terdapat tiga unsur yang ditekankan, iaitu nilai, patriotisme dan iktibar. Murid akan menilai kembali pembelajaran dalam unit dan mengaitkannya dengan tindakan pada diri sendiri, tindakan pada masyarakat dan tindakan pada negara. Murid akan berasa bangga sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai identiti nasional.



GLOSARI

Menjelaskan maksud sesuatu perkataan yang sukar difahami untuk memberikan kefahaman kepada murid.



AKTIVITI

Mengandungi pelbagai aktiviti berdasarkan konsep pembelajaran akses kendiri dan pembelajaran luar bilik darjah. Contohnya, i-Think, Jom Buat, Kajian Kes, Kajian Masa Depan, Pembelajaran Abad Ke-21 dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

NOTA GURU

Membantu guru melaksanakan pembelajaran dan pengajaran secara efisien bagi setiap unit.

IMBAS SAYA

Imbas kod menggunakan alat peranti untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam bentuk video atau dokumen lain.



IMBAS KEMBALI

Terdapat pada akhir setiap unit sebagai kesimpulan bagi membantu murid mengimbas kembali topik-topik yang telah dipelajari.



Imbas kod


Google Play Store atau App Store

menggunakan alat peranti untuk mendapatkan maklumat penggunaan Realiti Terimbuh (Augmented Reality-AR) pada halaman berkenaan.

Buku teks *Sejarah Tahun 6 SK* ini diharap dapat membantu meningkatkan pengetahuan murid terhadap ilmu sejarah melalui proses pembelajaran yang menyeronokkan. Secara tidak langsung murid dapat melengkapkan pengetahuan dan kemahiran serta mengamalkan nilai-nilai murni, seterusnya murid dapat menguatkan semangat jati diri dan bangga sebagai warganegara Malaysia yang sayang dan cinta akan negaranya.



KEMAKMURAN NEGARA KITA



UNIT 1

PEMBENTUKAN MALAYSIA



Yang di-Pertuan Agong menyampaikan Titah Ucapan Diraja di Stadium Merdeka dan disaksikan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Sinopsis

Pembentukan Malaysia melibatkan penggabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura dalam satu sistem kerajaan Persekutuan. Unit ini membincangkan idea dan sebab-sebab pembentukan Malaysia oleh pemimpin tempatan dan British. Selain itu, turut dibincangkan ialah langkah-langkah, tokoh-tokoh dan negeri-negeri yang terlibat serta cabaran dalam pembentukan Malaysia.



Lord Cameron Cobbold (kiri) bersama-sama dua ahli suruhanjaya British.

Sekembali Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dari London selepas perundingan tentang Malaysia.

Apakah yang akan anda pelajari?

1. Idea pembentukan dan sebab-musabab pembentukan Malaysia.
2. Langkah-langkah ke arah pembentukan Malaysia.
3. Tokoh-tokoh dan negeri-negeri yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.
4. Cabaran ke arah pembentukan Malaysia.

Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

AKPS

1. Mengkaji sebab-musabab pembentukan Malaysia.
2. Meneroka kesahan bukti tokoh yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.
3. Membuat imaginasi cabaran yang dihadapi dalam pembentukan Malaysia.

Nilai Teras Sivik

- Hormat-menghormati
- Kasih sayang



Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu (Kumpulan Sabah).



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj melaungkan "merdeka" sebanyak tujuh kali pada Pemasyhuran Malaysia.

Sumber: Ghazali Shafie, 2015. *Memoir Ghazali Shafie: Penubuhan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Idea dan Sebab-sebab Pembentukan Malaysia

Idea awal pembentukan Malaysia dicadangkan oleh pemimpin tempatan dan pihak British. Idea ini melibatkan gabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei.

Idea Pembentukan Malaysia





2 Cikgu, cadangan awal oleh Lord Brassey, Pengarah British North Borneo Company (Syarikat Borneo Utara British) pada tahun 1887. Beliau mencadangkan penggabungan Sarawak, Sabah, Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat.

3 Tokoh-tokoh tempatan seperti Ibrahim Haji Yaakob dan Harun Aminurrashid juga memperjuangkan idea penggabungan melalui konsep Melayu Raya pada tahun 1938.

TAHUKAH ANDA?

Melayu Raya

- Konsep penggabungan merangkumi Tanah Melayu, Singapura, seluruh Kalimantan, Kepulauan Filipina dan Kepulauan Indonesia.

4 Cikgu, terdapat juga idea daripada Malcolm MacDonald, Gabenor Jeneral British di Asia Tenggara pada tahun 1951. Beliau mengadakan beberapa perbincangan dengan pemimpin Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura berkaitan dengan penggabungan ini.

10.1.1

NOTA GURU

- Bimbing murid menyatakan idea pembentukan Malaysia dan menyusun idea tersebut secara kronologi.

Sebab-sebab Pembentukan Malaysia

Terdapat beberapa sebab pembentukan Malaysia. Antaranya termasuklah untuk menjamin keselamatan negara, mencapai keseimbangan kaum, mempercepat kemerdekaan dan membangunkan sosioekonomi.

Menjamin Keselamatan Negara

- Singapura menghadapi ancaman komunis yang boleh menggugat keselamatan Persekutuan Tanah Melayu.
- Selain Singapura, Sarawak turut berhadapan dengan ancaman komunis.
- Ancaman komunis dapat dibendung melalui pembentukan Malaysia. Persekutuan Tanah Melayu mempunyai pengalaman bagi menghadapi ancaman komunis.

Mencapai Keseimbangan Kaum

- Penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura sahaja akan menyebabkan berlaku ketidakseimbangan antara kaum.
- Penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah dan Brunei menjadikan bilangan penduduk seimbang antara kaum.

Sumber: Mohd bin Samsudin, 2016. *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.




PAK-21 Mangkuk Ikan Emas (Goldfish Bowl)

1. Bentukkan empat kumpulan mengikut sebab-sebab pembentukan Malaysia.
2. Setiap kumpulan akan mencari maklumat tambahan mengikut tajuk, sebab dan faedah yang diperoleh.
3. Bincangkan kepentingan menghargai jasa pemimpin dan kebijaksanaan pemimpin. Bentangkan dapatan masing-masing.



K10.1.6



Idea pembentukan Malaysia telah lama dikemukakan oleh pemimpin tempatan dan pihak British. Idea ini muncul disebabkan oleh cabaran dan keadaan ketika itu. Oleh itu, wajarlah kita menghargai jasa dan kebijaksanaan pemimpin yang mencetuskan idea ini.

10.1.1

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami sebab-sebab pembentukan Malaysia dari pelbagai aspek.

Langkah-langkah ke Arah Pembentukan Malaysia

Beberapa langkah diambil oleh para pemimpin bagi menjayakan pembentukan Malaysia. Langkah tersebut termasuklah mengadakan lawatan ke negeri yang terlibat, menubuhkan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM), menubuhkan Suruhanjaya Cobbold, menubuhkan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) dan mengadakan referendum.

27 Mei 1961
1. Tunku Abdul Rahman mengumumkan cadangan pembentukan Malaysia di Hotel Adelphi, Singapura.

Julai 1961
2. Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan ke Sarawak untuk menerangkan kepada pemimpin tempatan tentang idea pembentukan Malaysia.

23 Julai 1961
3. Penubuhan JSKM bertujuan untuk meyakinkan pemimpin Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia.

17 Januari 1962
4. Suruhanjaya Cobbold dibentuk bagi mendapatkan reaksi penduduk di Sarawak dan Sabah.

21 Jun 1962
5. Suruhanjaya Cobbold menyerahkan laporan reaksi tersebut kepada British dan Persekutuan Tanah Melayu. Laporan ini mendapati dua pertiga penduduk Sarawak dan Sabah menyokong pembentukan Malaysia.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.



CEPAT JAWAB

Apakah tujuan penubuhan Suruhanjaya Cobbold?

IMBAS SAYA

Pameran maya pembentukan Malaysia



Ahli Suruhanjaya Cobbold dari kiri Tun Muhammad Ghazali Shafie, Tan Sri Wong Pow Nee, Lord Cameron Cobbold, Sir David Watherston dan Sir Anthony Abell.
Sumber: Memorial Negarawan, Arkib Negara Malaysia.



Majlis menandatangani Perjanjian Malaysia di London pada 9 Julai 1963.
Sumber: Memorial Negarawan, Arkib Negara Malaysia.



Delegasi JSKM semasa mesyuarat di Kuala Lumpur.
Sumber: Memorial Negarawan, Arkib Negara Malaysia.

30 Ogos 1962

6 Mesyuarat JAK persediaan diadakan. JAK dianggotai oleh wakil British, Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah. Jawatankuasa ini bertujuan untuk menyediakan rangka perlembagaan bagi melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah.

1 September 1962

7 Rundingan dilakukan antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura. Referendum, iaitu pemungutan suara rakyat diadakan di Singapura. Keputusan referendum menunjukkan rakyat Singapura bersetuju dengan pembentukan Malaysia.

9 Julai 1963

8 Perjanjian Malaysia ditandatangani di Malborough House, London.

12 Ogos 1963

9 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), mewujudkan United Nations Malaysia Mission (UNMM) untuk mengesahkan persetujuan penduduk Sarawak dan Sabah.

16 September 1963

10 Pemasyhuran Malaysia diadakan di Kuala Lumpur, Kuching, Sarawak, Kota Kinabalu, Sabah dan City Hall, Singapura.

Pembentukan Malaysia telah membawa banyak iktibar kepada kita. Kesungguhan, permuafakatan dan keprihatinan semua pihak mewujudkan kegemilangan dan kemakmuran kepada negara kita.



Ahli Perwakilan Penilai Bangsa-Bangsa Bersatu.
Sumber: Memorial Negarawan, Arkib Negara Malaysia.



NOTA GURU

- Bimbing murid memahami langkah pembentukan Malaysia secara kronologi.

Tokoh dan Negeri yang Terlibat dalam Pembentukan Malaysia

Permuafakatan yang wujud antara pemimpin menjadi obor kejayaan pembentukan Malaysia. Kesungguhan dan kerjasama semua pihak membawa kejayaan sehingga terbentuknya Malaysia.

Tokoh dalam Pembentukan Malaysia



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

- Pemimpin United Malays National Organisation (UMNO).
- Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu.
- Mengetuai perwakilan Persekutuan Tanah Melayu dalam Perjanjian Malaysia di London.



Tun Abdul Razak Hussein

- Pemimpin United Malays National Organisation (UMNO).
- Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu.
- Memainkan peranan dalam JAK.



Tun Temenggung Jugah anak Barieng

- Pemimpin Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA).
- Menganggotai JSKM.
- Salah seorang yang menandatangani Perjanjian Malaysia yang diadakan di London pada tahun 1963.




PAK-21 Kerusi Panas (Hot Seat)

1. Aktiviti susulan selepas murid membuat bacaan teks di atas.
2. Seorang murid dipilih untuk duduk di kerusi yang disediakan dan menjadi mana-mana tokoh yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.
3. Tokoh tersebut akan menjawab semua soalan daripada murid lain.
4. Murid juga diminta untuk menyatakan kepentingan permuafakatan dalam Pembentukan Malaysia.
5. *Hot Seat* terus dimainkan dengan penggiliran murid yang seterusnya sebagai tokoh lain.



K10.1.5







Tun Datu Mustapha Datu Harun

- Pemimpin United Sabah National Organisation (USNO).
- Memberikan penjelasan tentang pembentukan Malaysia kepada penduduk Sabah.

Lee Kuan Yew

- Pemimpin People's Action Party (PAP).
- Menyokong idea pembentukan Malaysia bagi membendung ideologi komunis di Singapura.

Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan

- Pemimpin Sarawak National Party (SNAP).
- Memainkan peranan penting untuk membentuk Perikatan Sarawak dan menyokong usaha pembentukan Malaysia.





Donald Stephens (Tun Muhammad Fuad Stephens)

- Pemimpin United National Kadazan Organization (UNKO).
- Mencadangkan penubuhan JSKM untuk menjayakan rancangan pembentukan Malaysia.



Datu Bandar Abang Haji Mustapha

- Pemimpin Parti Negara Sarawak (PANAS).
- Menyokong pembentukan Malaysia.
- Salah seorang yang menandatangani Perjanjian Malaysia yang diadakan di London pada tahun 1963.



Tun Muhammad Ghazali Shafie

- Pemimpin United Malays National Organisation (UMNO).
- Menganggotai Suruhanjaya Cobbold.
- Memainkan peranan penting dalam pembentukan Malaysia, terutama semasa bertugas sebagai Ketua Setiausaha Tetap Kementerian Luar.





Tan Sri Wong Pow Nee

- Pemimpin Malayan Chinese Association (MCA).
- Wakil Persekutuan Tanah Melayu dalam Suruhanjaya Cobbold.
- Menemu ramah dan meneliti memorandum penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia.

Tun V. T. Sambanthan

- Pemimpin Malayan Indian Congress (MIC).
- Meneliti draf laporan Suruhanjaya Cobbold bersama-sama Jawatankuasa Kabinet Persekutuan Tanah Melayu.



AKTIVITI Kajian Kes

Hasilkan satu kajian kes berkaitan dengan tokoh yang berjasa dalam pembentukan Malaysia.

"Muafakat Membawa Berkat". Kaitkan kata-kata hikmat ini dengan usaha pemimpin negara dalam pembentukan Malaysia.

10.1.3

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali tokoh-tokoh pembentukan Malaysia dengan lebih mendalam.

Kajian Dokumen

Dokumen yang berikut ialah dokumen Pemasyhuran Malaysia.
Kaji dokumen tersebut dan jawab soalan di bawah.



Dokumen Pemasyhuran Malaysia dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi.

Pemasyhuran Malaysia

Dengan nama Allah Yang Maha Murah lagi Maha Mengasihani, segala puji-pujian bagi Allah Tuhan seru sekalian alam dan selawat dan salam bagi junjungan kita Nabi Muhammad dan bagi sekalian keluarga serta sahabat-sahabatnya.

Bahawasanya oleh kerana suatu perjanjian yang diperbuat pada sembilan hari bulan Julai tahun seribu sembilan ratus enam puluh tiga antara Persekutuan Tanah Melayu, United Kingdom, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura, maka telah dipersetujui bahawa hendaklah disekutukan Negeri Sabah, Negeri Sarawak, dan Negeri Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu yang mengandungi Negeri Pahang, Negeri Terengganu, Negeri Kedah, Negeri Johor, Negeri Sembilan, Negeri Kelantan, Negeri Selangor, Negeri Perak, Negeri Perlis, Negeri Pulau Pinang dan Negeri Melaka dan bahawa persekutuan itu hendaklah dinamakan "MALAYSIA".

Dan bahawasanya oleh kerana pihak-pihak dalam perjanjian yang tersebut telah bersetuju bahawa mulai daripada penubuhan Malaysia maka Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Negeri Singapura hendaklah tamat daripada menjadi jajahan takluk Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen tiada lagi mempunyai kedaulatan dan kuasa dalam ketiga-tiga buah negeri itu:

Dan bahawasanya oleh kerana telah dimasyhurkan suatu perlembagaan bagi Malaysia yang akan menjadi kanun yang muktamad di dalamnya:

Dan bahawasanya oleh kerana perlembagaan yang tersebut itu diadakan syarat bagi menjaga keselamatan hak-hak dan keutamaan-keutamaan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja serta hak-hak asasi dan kebebasan sekalian rakyat dan bagi menggalakkan keamanan dan kemesraan di dalam Malaysia sebagai kerajaan yang mempunyai Raja yang berperlembagaan dan yang berdasarkan demokrasi cara berparlimen:

Dan bahawasanya oleh kerana perlembagaan yang tersebut itu telah disahkan oleh suatu undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen Persekutuan Tanah Melayu dan Parlimen United Kingdom maka telah berjalanlah kuat kuasa perlembagaan itu pada enam belas hari bulan September tahun seribu sembilan ratus enam puluh tiga.

Maka dengan nama Allah Yang Maha Murah lagi Maha Mengasihani, saya TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ IBNI ALMARHUM SULTAN ABDUL HAMID HALIM SHAH, Perdana Menteri Malaysia dengan persetujuan dan perkenan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Yang Terutama Yang di-Pertuan Negara Singapura, Yang Terutama Yang di-Pertua Negara Sabah dan Yang Terutama Gabenor Negeri Sarawak dengan ini MENGISYTIHAR dan MEMASYHURKAN bagi pihak umat Malaysia bahawa mulai daripada enam belas hari bulan September tahun seribu sembilan ratus enam puluh tiga bersamaan dengan dua puluh lapan hari bulan Rabiulakhir tahun Hijrah seribu tiga ratus lapan puluh tiga, Malaysia yang mengandungi Negeri Pahang, Negeri Terengganu, Negeri Kedah, Negeri Johor, Negeri Sembilan, Negeri Kelantan, Negeri Selangor, Negeri Perak, Negeri Perlis, Negeri Pulau Pinang, Negeri Melaka, Negeri Singapura, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dengan izin dan kehendak Allah Rabbul Alamin akan kekal menjadi sebuah negara demokrasi yang merdeka lagi berdaulat serta berasaskan kebebasan dan keadilan dan sentiasa mempertahankan serta memelihara keamanan dan kemesraan umatnya dan mengekalkan keamanan di antara segala bangsa di dunia ini.

Transliterasi Pemasyhuran Malaysia dalam tulisan Rumi.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.

AKTIVITI Kajian Dokumen


Baca dokumen tersebut.

(i) Siapakah yang menandatangani dokumen tersebut?
(ii) Bilakah tarikh dokumen tersebut ditandatangani?
(iii) Nyatakan negeri yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.
(iv) Huraikan kepentingan mengekalkan kemakmuran dan perpaduan di Malaysia.

K10.1.7

Negeri-negeri yang Terlibat dalam Pembentukan Malaysia

Malaysia dibentuk pada 16 September 1963 hasil gabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura.



Pembentukan Malaysia berjaya mengekalkan kemakmuran negara hingga kini. Oleh sebab itu, pada 16 September setiap tahun, kita menyambut Hari Malaysia sebagai tanda syukur dan bangga atas permuafakatan serta perpaduan rakyat Malaysia.



TAHUKAH ANDA?

Brunei menolak penyertaan dalam Malaysia. Pemisahan Singapura daripada Malaysia berlaku pada tahun 1965.

Bagaimanakah anda meraikan Hari Malaysia pada setiap tahun ?

10.1.3

NOTA GURU

- Bimbing murid mengetahui negeri-negeri yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.

Cabaran ke Arah Pembentukan Malaysia

Proses pembentukan Malaysia melalui pelbagai cabaran. Bermula dengan usaha untuk menjelaskan matlamat pembentukan Malaysia sehinggalah menghadapi penentangan daripada negara Indonesia dan Filipina.



Tunku Abdul Rahman ketika Mesyuarat Ketiga JSKM.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Tunku Abdul Rahman dan pemimpin negara kita telah berusaha untuk meyakinkan masyarakat akan tujuan pembentukan Malaysia.

Penolakan rancangan pembentukan Malaysia oleh Sarawak United People's Party (SUPP) kerana mahu membentuk sebuah persekutuan sendiri terdiri daripada Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Dari tahun 1963 hingga tahun 1966, Indonesia mengisytiharkan konfrontasi terhadap Malaysia kerana menganggap pembentukan Malaysia mengancam kedudukan negaranya.



Berita Harian, 18 September 1963.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Cabaran seterusnya datang daripada negara Filipina. Filipina mendakwa Sabah sebahagian daripada wilayahnya.

"Carik-carik bulu ayam, akhirnya bercantum juga". Hubungan tegang Malaysia dengan Indonesia dan Filipina akhirnya kembali pulih. Ketegangan hubungan dapat ditangani hasil permuafakatan pemimpin negara-negara tersebut. Kerjasama antara negara dijalinkan demi kemakmuran dan perpaduan serantau.

Pada 16 September 1963, terbentuklah Malaysia setelah melalui pelbagai cabaran. Sebagai rakyat Malaysia, kita sewajarnya berasa bangga akan kesungguhan setiap warga bagi menjayakan pembentukan Malaysia ini.

AKTIVITI

Dengan menggunakan pelbagai sumber, cari cabaran-cabaran lain yang dihadapi dalam usaha membentuk Malaysia.

GLOSARI

Konfrontasi bermaksud pertentangan dengan sesuatu pihak.

NOTA GURU

- Bantu murid mencari cabaran-cabaran lain yang dihadapi ke arah pembentukan Malaysia.

10.1.4



IMBAS KEMBALI

Idea dan Sebab-sebab Pembentukan Malaysia

- Idea daripada tokoh British dan tempatan
- Sebab-sebab pembentukan Malaysia:
  - Menjamin keselamatan negara
  - Mencapai keseimbangan kaum
  - Mempercepat kemerdekaan
  - Membangunkan sosioekonomi

Langkah-langkah ke Arah Pembentukan Malaysia

- Tunku Abdul Rahman mengumumkan cadangan pembentukan Malaysia
- Lawatan ke Sarawak
- Penubuhan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)
- Penubuhan Suruhanjaya Cobbold
- Suruhanjaya Cobbold menyerahkan laporan kepada British dan Persekutuan Tanah Melayu
- Mesyuarat Jawatankuasa Antara Kaum persediaan diadakan
- Rundingan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura
- Perjanjian Malaysia di London
- Penubuhan United Nations Malaysia Mission (UNMM)
- Pemasyhuran Malaysia pada 16 September 1963

Tokoh dan Negeri yang Terlibat dalam Pembentukan Malaysia

1. Tokoh yang terlibat:
   - Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
   - Tun Abdul Razak Hussein
   - Tun Temenggung Jugah anak Barieng
   - Tun Datu Mustapha Datu Harun
   - Lee Kuan Yew
   - Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan
   - Donald Stephens (Tun Muhammad Fuad Stephens)
   - Datu Bandar Abang Haji Mustapha
   - Tun Muhammad Ghazali Shafie
   - Tan Sri Wong Pow Nee
   - Tun V.T. Sambanthan
2. Negeri-negeri yang terlibat dalam pembentukan Malaysia ialah Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura.


Cabaran ke Arah Pembentukan Malaysia

Cabaran dari dalam dan luar negara.

Unit ini membincangkan idea, sebab, langkah dan negeri-negeri yang terlibat serta cabaran dalam pembentukan Malaysia. Tokoh yang berusaha merealisasikan pembentukan Malaysia juga dibincangkan agar murid lebih menghargai sejarah negara. Unit seterusnya akan membawa kita mengenali negeri-negeri di Malaysia dengan lebih mendalam.

FIKIR DAN JAWAB

A Bantu rakan anda mencari negeri-negeri yang terlibat dalam pembentukan Malaysia. Bulatkan pada negeri tersebut.



B Susun secara kronologi langkah pembentukan Malaysia.

Peristiwa	Nomborkan mengikut kronologi
1. Perjanjian Malaysia ditandatangani di Malborough House, London.	
2. Penubuhan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia.	
3. Referendum diadakan di Singapura.	
4. Pemasyhuran Malaysia diisytiharkan di Kuala Lumpur, Sarawak, Sabah dan Singapura.	
5. Tunku Abdul Rahman mengumumkan cadangan pembentukan Malaysia di Hotel Adelphi, Singapura.	

IMBAS SAYA
Fikir dan jawab



CINTA AKAN NEGARA

Mengetahui sejarah pembentukan Malaysia mendorong kita berasa bangga akan kesungguhan dan permuafakatan pemimpin sehingga membawa kejayaan kepada negara.



Diri
Sebagai rakyat, kita perlu menyuburkan semangat patriotik dan menghargai perjuangan pemimpin yang banyak berjasa kepada kita.

Masyarakat
Mengetahui sejarah pembentukan Malaysia dapat membentuk semangat bersatu padu bagi mempertahankan kedaulatan negara.

Negara
Permuafakatan perlu dipertahankan demi kesejahteraan negara yang kita cintai.



UNIT 2 NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA



Sinopsis

Malaysia terdiri daripada 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan. Unit ini membincangkan negeri-negeri di Malaysia. Negeri-negeri ini mempunyai seorang ketua negeri dengan gelaran tersendiri. Selain itu, unit ini menerangkan ibu negeri dan bandar diraja. Setiap negeri mempunyai bendera, lagu dan jata sebagai lambang kemegahan dan kedaulatan.

Apakah yang akan anda pelajari?

1. Nama negeri-negeri di Malaysia.
2. Ketua-ketua negeri bagi negeri-negeri di Malaysia.
3. Ibu negeri dan bandar diraja.
4. Bendera, lagu dan jata sebagai lambang negeri.

Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

AKPS

1. Mengkaji asal usul nama negeri-negeri di Malaysia.
2. Membuat interpretasi maksud lagu negeri sebagai lambang negeri.
3. Mencari persamaan pemilihan sesebuah daerah sebagai bandar diraja di dalam sesebuah negeri.

Laut China Selatan

Sabah

Wilayah Persekutuan Labuan

Sarawak

Nilai Teras Sivik

- Hormat-menghormati
- Bertanggungjawab

Nama Negeri-negeri di Malaysia

Setiap negeri di Malaysia mendapat nama dengan cara yang tersendiri. Terdapat pelbagai sumber yang mencatatkan asal usul nama negeri di Malaysia sama ada secara bertulis ataupun lisan.



Perlis

- Nama Perlis dipercayai berasal daripada perkataan Siam, "prow-lowy" yang bermaksud "kelapa hanyut".
- Nama Perlis juga dikatakan berasal daripada "peroleh" yang dikaitkan dengan peristiwa Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II mengurniakan mandat kepada Raja Syed Hussin Jamalullail kerana membantu Perlis menentang Siam.

Sumber: Hazman Hassan dan Mohd Kasturi Nor Abd. Aziz, 2021. *Salasilah Perlis Asal Usul Pemerintahan Jamalullail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kedah

- Nama Kedah dikatakan berasal daripada perkataan "Kheddah", bermaksud perangkap gajah.
- Terdapat juga pendapat yang mengatakan nama Kedah daripada perkataan Arab, "Qadah" yang bermakna cawan atau gelas berkaki yang kerap dijual oleh pedagang Arab di Alam Melayu.
- Tulisan-tulisan Tamil mencatatkan Kedah sebagai "kadaram" atau "kalagam".



Sumber: Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, 2016. *Sejarah Kedah Dua Millenia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.



Pulau Pinang

- Nama asal Pulau Pinang ialah Pulo Ka Satu. Namun begitu, bagi orang Melayu dari Kedah, mereka menggelarnya Tanjong Penaga berdasarkan pokok penaga yang banyak terdapat di pulau tersebut.
- Nama Pulau Pinang juga dikaitkan dengan buah pinang yang merupakan bahan dagangan penting.

Sumber: Noriah Mohamed, Muhammad Haji Salleh dan Mahani Musa, 2006. *Sejarah Awal Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

"Tak kenal maka tak cinta". Kaitkan peribahasa ini dengan rasa cinta akan negeri anda.



Perak

- Nama Perak dikatakan bersempena dengan "kilatan ikan di dalam air" yang berkilau seperti perak.
- Terdapat juga pandangan yang mengaitkan nama Perak dengan warna bijih timah putih berkilat yang banyak terdapat di negeri itu.

Sumber: Raja Masittah Raja Ariffin, Che Ibrahim Salleh, Norazlina Mohd Kiram dan Hasnah Mohamad, 2016. *Etimologi Nama Negeri di Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.



Selangor

- Nama Selangor dikatakan bersempena dengan pokok mentagau yang banyak terdapat di kuala sungai ketika itu. Pedagang yang singgah di kuala sungai ini kemudiannya menyebut kuala selangau, akhirnya menjadi Kuala Selangor.
- Nama Selangor juga dikaitkan dengan sejenis serangga, iaitu selangur (sangur) yang banyak terdapat di sungai ketika itu.

Sumber: Buyong Adil, 1981. *Sejarah Selangor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Negeri Sembilan

- Nama Negeri Sembilan terbentuk daripada gabungan sembilan buah luak. Luak asal pada tahun 1773, iaitu Sungai Ujong, Jelebu, Rembau, Johol, Jelai, Ulu Pahang, Naning, Segamat dan Klang.
- Perkataan negeri dikatakan berasal daripada perkataan "nagari" dalam dialek Minangkabau yang bermaksud wilayah.

Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 1987. *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*.Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd.



Sumber: Lembaga Muzium Negeri Sembilan.



Melaka

- Mengikut sumber Arab, nama Melaka disebut "Malakat" yang bermaksud perhimpunan para pedagang.
- Nama Melaka juga dikatakan bersempena dengan nama pokok tempat Parameswara berehat ketika menyaksikan kejadian pelanduk putih kecil menendang anjing pemburuannya.

Sumber: Zakiah Hanum, 1989. *Asal Usul Negeri-negeri di Malaysia*. Kuala Lumpur: Times Books International.



Johor

- Nama Johor dikatakan berasal daripada perkataan Arab, " Jauhar" bermaksud batu permata yang bernilai.
- Nama Johor juga disebut dalam naskhah *Sulalatus Salatin* sebagai Ujong Tanah.

Sumber: Zakiah Hanum, 1989. *Asal Usul Negeri-negeri di Malaysia*. Kuala Lumpur: Times Books International.



Pahang

- Nama Pahang diambil bersempena dengan nama pokok mahang.
- Dalam *Sulalatus Salatin*, nama Pahang dikenali sebagai Inderapura atau Pura. Pura bermaksud bandar atau pekan.

Sumber: Buyong Adil, 1984. *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Terengganu

- Nama Terengganu dikatakan berasal daripada sebutan "taring anu", iaitu taring besar seperti gading gajah atau binatang liar lain yang dijumpai di Pulau Duyong.
- Nama Terengganu juga bersempena dengan perkataan "terangnya ganu" yang dikaitkan dengan pelangi.

Sumber: Muhammad Salleh Haji Awang, 1992. *Sejarah Darul Iman hingga 1361H=1942M*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu.



PAK-21 Jalan Galeri (Gallery Walk)

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan dikehendaki mencari maklumat tentang asal usul nama negeri dan keistimewaan setiap negeri.
3. Dengan menggunakan peta buih i-Think, tuliskan cara menyatakan rasa bangga terhadap warisan negeri-negeri di Malaysia.
4. Tampal hasil tugasan dalam kelas. Murid dari kumpulan lain akan meletakkan komen tentang hasil tugasan kumpulan lain dengan menggunakan nota pelekat.

AKTIVITI

Kesahan bukti

Dengan melakukan kaedah temu bual, cari bukti asal usul nama tempat tinggal dan negeri anda.

K10.2.7



Kelantan

- Nama Kelantan dikatakan berasal daripada perkataan "kilatan", iaitu cahaya terang yang dilihat oleh masyarakat Melayu Patani. Perkataan kilatan ini lama-kelamaan menjadi Kelantan.
- Nama Kelantan juga bersempena dengan nama pokok "gelam hutan" atau "kelam hutan" yang ditemukan di pesisir pantai negeri Kelantan dahulu.

Sumber: Arba'iyah Mohd Noor. "Perkembangan Pendidikan Islam di Kelantan" dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah (Malaysia In History)*, Vol. 36, hlm. 68-83, 2008.

Sarawak

- Nama Sarawak dikaitkan dengan Sungai Serak. Nama ini lama-kelamaan berubah menjadi Sungai Sarawak bersempena dengan sejenis galian bijih yang disebut sarawak.
- Terdapat juga pendapat yang mengatakan nama Sarawak diambil daripada panggilan Portugis yang dikaitkan dengan "cerava", iaitu sejenis logam antimoni.

Sumber: S. Baring Gould, 2019. *A History of Sarawak*. Kuala Lumpur: Silverfish Books.



Sabah

- Nama Sabah dikaitkan dengan "pisang saba" yang banyak ditanam di pantai barat Sabah sebagai sumber makanan.
- Nama Sabah juga tercatat dalam dokumen sejarah bertajuk "Maharajah of Sabah" pada tahun 1877.

Sumber: P. J. Rivers. "The Origin of 'Sabah' and A Reappraisal of Overbeck as Maharajah" dlm. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* Vol 77. No 1 (286), 2004.



TAHUKAH ANDA?

- Wilayah Persekutuan terdiri daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- Nama Kuala Lumpur dikaitkan dengan muara sungai yang dipenuhi lumpur akibat kegiatan melombong bijih timah di Sungai Gombak dan Sungai Klang.
- Nama Labuan dikatakan berasal daripada perkataan "labuhan" yang bermaksud tempat persinggahan kapal.
- Nama Putrajaya bersempena dengan nama Tunku Abdul Rahman Putra, manakala jaya bermaksud kemenangan atau menuju ke puncak.

Terdapat pelbagai sumber tentang asal usul nama negeri di dalam negara kita. Apabila mengenali nama-nama ini, kita akan lebih berasa bangga akan warisan alam yang sering dikaitkan dengan nama sesuatu tempat.



10.2.1

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali asal usul nama negeri-negeri di Malaysia, terutama daripada sumber lisan dan sumber tulisan.

Ketua-ketua Negeri di Malaysia

Ketua negeri merupakan tonggak utama pemerintahan sesebuah negeri. Gelaran yang berbeza-beza antara ketua negeri memperlihatkan keunikan negara kita.

Sultan atau Raja

Gelaran sultan digunakan di Kedah, Perak, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Gelaran raja pula digunakan di Perlis.



Istiadat pertabalan Raja Perlis, DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.
Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia.

Yang di-Pertuan Besar

Gelaran ini digunakan di Negeri Sembilan.



DYMM Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.
Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia.

Yang di-Pertua Negeri

Gelaran ini digunakan di Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Sabah.



Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri Sarawak.
Sumber: Utusan Borneo.



Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar Datuk Haji Mahiruddin dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah.
Sumber: Utusan Borneo.

Sikap menghormati dan taat setia kepada raja dapat dipupuk dengan mengenali ketua negeri.



TAHUKAH ANDA?

Ketua negeri bagi Wilayah Persekutuan ialah Yang di-Pertuan Agong.

Apakah kepentingan taat setia dan menghormati ketua negeri?

NOTA GURU


- Bantu murid mengenali gelaran ketua-ketua negeri di Malaysia.



10.2.2
K10.2.5

Ibu Negeri dan Bandar Diraja

Setiap negeri di Malaysia mempunyai ibu negeri. Terdapat beberapa buah negeri yang mempunyai bandar diraja.





Ibu negeri merupakan pusat pentadbiran bagi sesebuah negeri. Ibu negeri ini berkembang disebabkan oleh pembangunan pentadbiran, mempunyai kemudahan asas dan institusi pendidikan serta menjadi tempat tumpuan pekerjaan.

Bandar diraja ialah bandar yang terdapat warisan sejarah. Contohnya, istana, bangunan pembesar, kedai lama, muzium dan galeri serta monumen.



Sebagai rakyat yang cinta akan negara, kita perlulah mengenali ibu negeri dan bandar diraja di negara kita. Kita mestilah memelihara dan memulihara serta menghargai warisan sejarah yang terdapat di situ.

Cadangkan langkah-langkah untuk memelihara dan memulihara warisan sejarah negeri seperti istana atau bangunan pentadbiran yang lama di negara kita.



TAHUKAH ANDA?

Wilayah Persekutuan tidak mempunyai ibu negeri dan bandar diraja.





10.2.3
K10.2.7

NOTA GURU


- Bimbing murid mengenali ibu negeri dan bandar diraja yang terdapat di negara kita.

Bendera, Lagu dan Jata sebagai Lambang Negeri

Sebagai negeri berdaulat, setiap negeri di Malaysia mempunyai bendera, lagu dan jata tersendiri. Lambang-lambang ini membentuk identiti negeri masing-masing.

Bendera	Lagu	Jata
 Terengganu	Selamat Sultan 	
 Perlis	Aamiin-Aamiin 	
 Selangor	Duli Yang Maha Mulia 	
 Negeri Sembilan	Berkatlah Yang di-Pertuan Besar 	
 Johor	Lagu Bangsa Johor 	

Sumber: Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri.

Bendera	Lagu	Jata
 Kelantan	Selamat Sultan 	
 Perak	Allah Lanjutkan Usia Sultan 	
 Kedah	Allah Selamatkan Sultan Mahkota 	
 Pahang	Allah Selamatkan Sultan Kami 	
 Sabah	Sabah Tanah Airku 	
 Sarawak	Ibu Pertiwiku 	




CEPAT JAWAB

Namakan negeri yang menggunakan lambang pokok padi dalam jata negerinya.

Maklumat bendera, lagu dan jata negeri

IMBAS SAYA

KPM

Bendera	Lagu	Jata
 Melaka	Melaka Maju Jaya 	
 Pulau Pinang	Untuk Negeri Kita 	
 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  Wilayah Persekutuan Labuan  Wilayah Persekutuan Putrajaya	Maju dan Sejahtera 	

Sumber: Setiausaha Kerajaan Negeri.

Mengenali bendera, lagu dan jata setiap negeri menjadikan kita lebih sayang dan setia akan negara. Sebagai rakyat, kita perlu menghormati setiap identiti yang menjadi lambang kemegahan negeri.

Apakah kepentingan menghormati lambang negeri?



PAK-21 *Rally Table*

1. Guru memainkan lagu negeri tertentu.
2. Murid dalam kumpulan secara bergilir-gilir mendengar lagu negeri tersebut dan cuba memahami maksud liriknya.
3. Murid perlu menerangkan maksud lirik lagu tersebut kepada ahli kumpulan lain.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali bendera, lagu dan jata negeri di negara kita.



10.2.4
K10.2.6




IMBAS KEMBALI

Nama Negeri-negeri di Malaysia

- Perlis
- Kedah
- Pulau Pinang
- Perak
- Selangor
- Negeri Sembilan
- Melaka
- Johor
- Pahang
- Terengganu
- Kelantan
- Sarawak
- Sabah
- Wilayah Persekutuan

Ibu Negeri dan Bandar Diraja



Ketua-ketua Negeri di Malaysia

- Sultan atau Raja
- Yang di-Pertuan Besar
- Yang di-Pertua Negeri

Bendera, Lagu dan Jata

Setiap negeri mempunyai bendera, lagu dan jata sebagai identiti negeri tersebut.

Unit ini membincangkan nama negeri-negeri di Malaysia, ketua-ketua negeri, ibu negeri dan bandar diraja yang terdapat di negara kita. Selain itu, turut dibincangkan ialah bendera, lagu dan jata sebagai lambang negeri di Malaysia. Unit ini mampu menaikkan rasa cinta akan negara dengan lebih mendalam. Unit seterusnya akan membincangkan Rukun Negara yang membentuk jati diri rakyat Malaysia.

FIKIR DAN JAWAB

Isikan petak kosong dengan nombor bendera pada negeri dan Wilayah Persekutuan di bawah.

1 
2 
3 
4 
5 
6 
7 
8 
9 
10 
11 
12
13 
14 



Sarawak	Pahang	Kedah
Terengganu	Perlis	Negeri Sembilan
Johor	Kelantan	Melaka
Pulau Pinang	Sabah	Wilayah Persekutuan
Selangor	Perak	

IMBAS SAYA
Fikir dan jawab



CINTA AKAN NEGARA

Mengenali setiap negeri mampu melahirkan semangat patriotik dan bangga akan keistimewaan Malaysia di persada dunia.



Diri
Mengenali nama negeri, bendera dan jata dapat menyuburkan perasaan sayang akan negara.

Masyarakat
Masyarakat yang sayang akan negara dan rajin berusaha mampu meningkatkan imej negara di persada dunia.

Negara
Apabila kita dikenali di persada dunia, maka negara kita akan terus maju dan dihormati masyarakat dunia.

UNIT 3

RUKUN NEGARA

LIMA PULUH TAHUN
RUKUN NEGARA
1970 - 2020



Sinopsis

Rukun Negara merupakan ideologi negara yang dibentuk untuk memupuk keharmonian dan perpaduan kaum. Unit ini membincangkan sebab-sebab Rukun Negara diperkenalkan, matlamat serta prinsip Rukun Negara yang perlu difahami dan dihayati oleh setiap warganegara Malaysia. Unit ini juga menjelaskan peranan Rukun Negara dalam kehidupan harian rakyat negara ini.

Apakah yang akan anda pelajari?

1. Sebab-sebab pengenalan Rukun Negara.
2. Matlamat dan prinsip Rukun Negara.
3. Peranan Rukun Negara dalam kehidupan harian.

Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

AKPS

1. Memahami isu dan masalah pada masa lalu dengan mengkaji sebab musabab pembentukan Rukun Negara.
2. Membuat interpretasi tentang matlamat dan prinsip Rukun Negara.
3. Menerangkan perubahan dan kesinambungan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Nilai Teras Sivik

Bertanggungjawab



Ahli Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).
Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Latar Belakang Rukun Negara

Rukun Negara merupakan ideologi negara bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan rakyat. Rukun Negara menjadi panduan dan amalan rakyat Malaysia. Rukun Negara mempunyai latar belakang dan sejarah pembentukannya yang unik.

1 Murid-murid ...,
Rukun Negara dimasyhurkan sebagai Pengisytiharan Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Keempat. Rukun Negara diisytiharkan bersempena dengan ulang tahun Hari Kebangsaan yang ke-13 pada 31 Ogos 1970.



2 Siapakah yang tahu latar belakang pembentukan Rukun Negara?

3 Saya tahu cikgu,
Rukun Negara dibentuk setelah pentadbiran negara dijalankan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) selepas peristiwa 13 Mei 1969.

4 Cikgu,
Rukun Negara dirangka dan diperkenalkan oleh Jawatankuasa Rukun Negara yang terletak di bawah Majlis Perundingan Negara (MAPEN) pada 4 Mac 1970.

5 Tahniah, Damia dan Zaniza! Bagus, nampaknya kamu semua mengetahui latar belakang Rukun Negara dengan amat baik.

TAHUKAH ANDA?

MAPEN dianggotai oleh 66 orang wakil daripada Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), kerajaan negeri, parti politik, wakil Sarawak dan Sabah, kumpulan agama, badan profesional, perkhidmatan awam, akhbar, guru serta kesatuan sekerja dan majikan.

IMBAS SAYA

MAGERAN

Sebab-sebab Pengenalan Rukun Negara

Terdapat beberapa sebab yang membawa kepada pembentukan Rukun Negara. Antaranya termasuklah perbezaan kegiatan ekonomi, pengasingan tempat tinggal dan perbezaan fahaman politik.

1 Perbezaan Kegiatan Ekonomi

- Pentadbiran British membawa masuk pekerja dari luar untuk bekerja dalam sektor ekonomi.
- Masyarakat diasingkan dari segi kegiatan ekonomi utama dan mewujudkan jurang ekonomi yang tidak seimbang.
  - Orang Melayu – Pertanian sara diri.
  - Orang Cina – Perlombongan dan perniagaan.
  - Orang India – Perladangan.

2 Pengasingan Tempat Tinggal

- Orang Melayu tinggal di kampung dan di kawasan pedalaman. Orang Cina tinggal di kawasan bandar, manakala orang India pula tinggal di kawasan ladang.
- Pengasingan tempat tinggal ini menyebabkan kurangnya peluang berinteraksi antara masyarakat.

3 Perbezaan Fahaman Politik

- Perbezaan fahaman politik merenggangkan hubungan kaum di negara kita.
- Keadaan ini membawa kepada suasana yang tidak harmoni sehingga mencetuskan rusuhan kaum, iaitu peristiwa 13 Mei 1969.

Sumber: Rukun Negara Malaysia. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.



Petempatan orang Melayu.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Orang India bekerja di ladang getah.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Orang Cina bekerja di kawasan lombong bijih timah.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Rukun Negara diperkenalkan untuk mengukuhkan perpaduan dan semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat. Kita bertanggungjawab untuk menghayati dan mencapai matlamat dan prinsip Rukun Negara bagi mewujudkan keamanan dan kesejahteraan.



NOTA GURU

- Bimbing murid untuk memahami sebab-sebab pengenalan Rukun Negara.

Matlamat dan Prinsip Rukun Negara

Rukun Negara mempunyai lima matlamat dan lima prinsip yang menjadi pegangan hidup rakyat Malaysia. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum.

Matlamat

Bahawasanya negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
- Memelihara satu cara hidup demokrasi;
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Prinsip

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita
tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN



Sumber: Malaysia, 2020. *50 Fakta Rukun Negara*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

NOTA GURU

- Bimbing murid untuk memahami dan mengamalkan matlamat serta prinsip Rukun Negara.

Prinsip Pertama

Kepercayaan kepada Tuhan

Kepercayaan kepada Tuhan bermaksud agama sebagai pegangan utama rakyat Malaysia. Prinsip ini dapat melahirkan rakyat yang menghormati amalan beragama masyarakat lain. Selain itu, prinsip ini juga dapat menyatupadukan masyarakat di Malaysia yang berbilang kaum.









Masyarakat Malaysia mempunyai pegangan agama masing-masing.

Mengapakah amalan beragama penting dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum seperti yang dinyatakan dalam prinsip Rukun Negara?



Prinsip Kedua

Kesetiaan kepada Raja dan Negara

Kesetiaan kepada raja dan negara bermaksud setiap warganegara Malaysia memberikan sepenuh taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara. Prinsip ini menjadikan masyarakat Malaysia bersatu padu dan mempunyai semangat patriotik.



Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong bersemayam di atas Singgahsana Istana.



Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan memeriksa Kawalan Kehormat Utama Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD).

CEPAT JAWAB

Siapakah Ketua Utama Negara Malaysia?

Sumber: Parlimen Malaysia.

Prinsip Ketiga

Keluhuran Perlembagaan

Keluhuran perlembagaan bermaksud Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi negara. Melalui konsep ini, tiada institusi yang dapat mengatasi ketertinggian Perlembagaan Persekutuan. Keluhuran perlembagaan juga menuntut rakyat Malaysia menerima, mematuhi dan mempertahankan kemuliaan perlembagaan.



Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen ke-14 pada 18 Mei 2020.
Sumber: Parlimen Malaysia.





CEPAT JAWAB

Apakah maksud keluhuran perlembagaan?



PAK-21 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Dengan menggunakan sumber Internet yang sahih, setiap kumpulan diminta mencari maklumat berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan.
3. Setiap kumpulan membentangkan hasil dapatan.



Istana Kehakiman, Putrajaya.

Prinsip Keempat

Kedaulatan Undang-undang

Kedaulatan undang-undang bermaksud setiap rakyat Malaysia perlu menghormati dan mematuhi segala undang-undang yang ditetapkan. Kepatuhan kepada undang-undang dapat menjamin keharmonian masyarakat dan keselamatan negara. Sebagai rakyat yang taat setia kepada negara, kita perlulah mempertahankan kedaulatan undang-undang negara.



Kompleks Mahkamah Tinggi Johor Bahru, Johor.



Kompleks Mahkamah Kuching, Sarawak.

Mengapakah kita mesti mengamalkan matlamat dan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan?

CEPAT JAWAB

Mengapakah kita perlu mematuhi undang-undang negara?

K10.3.5

Prinsip Kelima

Kesopanan dan Kesusilaan

Kesopanan dan kesusilaan bermaksud amalan nilai murni yang melambangkan keperibadian rakyat Malaysia. Amalan nilai murni dapat membentuk masyarakat yang berdisiplin, berakhlak mulia serta hidup dalam suasana yang harmoni. Masyarakat juga saling memahami antara satu sama lain serta saling bekerjasama.





PAK-21 Kedai Kopi (Cafe)

1. Seperti suasana di kafe, murid duduk secara berkumpulan di sebuah meja.
2. Guru memberikan tajuk perbincangan "Kesopanan dan kesusilaan menjadi amalan hidup rakyat Malaysia". Apakah kepentingan kita menghayati prinsip Rukun Negara ini?
3. Murid membincangkan tajuk tersebut dan membentangkannya.

AKTIVITI

Hasilkan peta i-Think yang kreatif tentang lima prinsip Rukun Negara.

Rukun Negara sebagai ideologi negara menjadikan rakyat Malaysia mempunyai nilai keperibadian yang baik. Rukun Negara menjadikan masyarakat berbilang kaum hidup bersatu padu dan aman. Oleh itu, amat penting untuk kita mengamalkan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan harian.

10.3.2

Peranan Rukun Negara

Rukun Negara berperanan untuk mewujudkan rakyat Malaysia yang bersatu padu dan bersikap toleransi. Rukun Negara menjadi panduan untuk rakyat memupuk semangat setia kawan dan taat setia akan negara.

Meraikan Kepelbagaian Agama dan Kepercayaan



AKTIVITI Penulisan Pantas

Dalam masa lima minit, catatkan kebaikan yang kita peroleh sekiranya berpegang teguh pada ajaran agama.

NOTA GURU

- Bimbing murid untuk memahami peranan Rukun Negara dalam kehidupan rakyat Malaysia.

Membentuk Masyarakat Malaysia yang Patriotik

Rukun Negara dapat membentuk masyarakat Malaysia yang mempunyai semangat cinta akan negara. Semangat patriotik dapat melahirkan rakyat yang taat setia dan sanggup berkorban demi negara. Patriotisme juga melahirkan rakyat yang menghormati lambang kedaulatan negara seperti bendera Jalur Gemilang, Jata Negara dan lagu *Negaraku*.



Semangat patriotik disemai sejak kanak-kanak.

Memupuk Sikap Menghormati Undang-undang

Rukun Negara dapat membimbing rakyat daripada terlibat dengan kegiatan jenayah yang menggugat keselamatan negara kita. Kepatuhan kepada undang-undang dapat mewujudkan keamanan dan kesejahteraan.



Kempen Anak Muda Bebas Dadah.
Sumber: www.aadk.gov.my.

Mengukuhkan Perpaduan Masyarakat

Masyarakat Malaysia perlu mengamalkan semangat permuafakatan dan bersikap toleransi. Rakyat dibimbing untuk memahami dan menghormati budaya kaum lain melalui Rukun Negara.

Mengapakah undang-undang penting kepada sesebuah negara?





Menerapkan Nilai Murni

Rukun Negara memupuk masyarakat Malaysia agar mereka mempunyai nilai kesopanan yang tinggi dan berbudi pekerti mulia. Nilai ini mewujudkan hubungan yang harmoni dan saling menghormati dalam kalangan masyarakat.

Membentuk Jati Diri Masyarakat Malaysia



Rukun Negara membentuk jati diri yang unggul dalam kalangan masyarakat Malaysia. Rukun Negara juga berperanan untuk membentuk individu yang mempunyai integriti.

Sifat integriti mempengaruhi kecemerlangan dalam pendidikan, kerjaya dan kehidupan. Sifat ini juga dapat menghindari kita daripada melakukan amalan negatif. Contohnya, meniru dalam peperiksaan.



Rukun Negara mewujudkan semangat bertolak ansur, bekerjasama dan saling memahami antara pelbagai kaum di negara ini. Rakyat Malaysia perlu menghayati kepentingan Rukun Negara dalam membentuk jati diri.

Mengapakah Rukun Negara penting dalam membentuk jati diri rakyat Malaysia?

GLOSARI

Integriti bermaksud mempunyai sikap kejujuran yang tulen dan tidak berubah.


CEPAT JAWAB

Mengapakah nilai murni penting dalam kehidupan bermasyarakat?

10.3.3
K10.3.6

IMBAS KEMBALI

Latar Belakang Rukun Negara



Sebab-sebab Pengenalan Rukun Negara

- Perbezaan kegiatan ekonomi
- Pengasingan tempat tinggal
- Perbezaan fahaman politik

Matlamat dan Prinsip Rukun Negara

- Lima matlamat
- Lima prinsip
  - KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
  - KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
  - KELUHURAN PERLEMBAGAAN
  - KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
  - KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Peranan Rukun Negara

- Meraikan kepelbagaian agama dan kepercayaan
- Membentuk masyarakat Malaysia yang patriotik
- Memupuk sikap menghormati undang-undang
- Mengukuhkan perpaduan masyarakat
- Menerapkan nilai murni
- Membentuk jati diri masyarakat Malaysia

Unit ini menerangkan sejarah pembentukan dan sebab-sebab Rukun Negara diperkenalkan. Pemahaman terhadap matlamat dan amalan prinsip Rukun Negara dapat melahirkan warganegara yang bersemangat patriotik. Semangat patriotik membantu kita memahami masyarakat Malaysia yang akan dipelajari dalam unit seterusnya.



FIKIR DAN JAWAB

Berdasarkan pengetahuan anda, padankan prinsip Rukun Negara dengan situasi yang berikut:

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kesetiaan kepada raja dan negara
- Keluhuran perlembagaan
- Kedaulatan undang-undang
- Kesopanan dan kesusilaan

	Prinsip	Situasi
1		Amsyar merupakan seorang murid yang tinggal agak jauh dari sekolahnya. Amsyar menggunakan basikal untuk pergi dan balik sekolah. Sepanjang perjalanannya, Amsyar sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya demi memastikan keselamatan dirinya.
2		Ketika balik dari sekolah selepas aktiviti kokurikulum, Mardiana melihat seorang nenek yang bertongkat menghadapi masalah ketika ingin melintas jalan. Mardiana telah memimpin nenek tersebut sampai ke seberang jalan dengan selamat.
3		Ethan merupakan seorang graduan dalam bidang undang-undang dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau merupakan seorang ahli Parlimen Malaysia. Ethan terlibat dalam proses penggubalan undang-undang di dalam Parlimen Malaysia.
4		Keluarga Geetha merupakan keluarga yang mementingkan hubungan yang baik dengan jiran tanpa mengira kaum. Pada suatu hari, bapa Geetha telah dimasukkan ke hospital kerana demam panas. Geetha sekeluarga dan jirannya berdoa mengikut kepercayaan masing-masing agar bapanya kembali pulih seperti sediakala.
5		Sarjit Singh terpilih untuk mengikuti latihan komando di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia. Beliau amat berminat dalam bidang ketenteraan. Beliau rela berkorban demi mengekalkan kemerdekaan dan mempertahankan kedaulatan negara tercinta.

IMBAS SAYA
Fikir dan jawab



CINTA AKAN NEGARA

Menghayati dan mengamalkan Rukun Negara dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu, harmoni dan sejahtera. Rukun Negara perlu dijadikan panduan hidup semua warganegara Malaysia.



Masyarakat
Masyarakat yang saling memahami dan bertolak ansur mewujudkan keharmonian serta kesejahteraan.

Diri
Menghayati dan mengamalkan Rukun Negara menjadikan kita sebagai individu yang berbudi bahasa dan saling menghormati.

Negara
Keharmonian dan kesejahteraan masyarakat dapat mengukuhkan kestabilan dan kemajuan negara.

UNIT 4

KAUM DI MALAYSIA



Sinopsis

Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum yang hidup dengan harmoni. Unit ini membincangkan kepelbagaian kaum di Malaysia, petempatan dan kegiatan ekonomi, alat muzik, tarian, permainan serta cerita rakyat yang terdapat dalam masyarakat di negara kita.

Apakah yang akan anda pelajari?

1. Kepelbagaian kaum di Malaysia.
2. Petempatan serta kegiatan ekonomi masyarakat Malaysia dahulu dan kini.
3. Alat muzik dan tarian tradisional masyarakat Malaysia.
4. Jenis permainan tradisional masyarakat Malaysia.
5. Cerita rakyat berunsur tempatan dalam masyarakat di Malaysia.

Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

AKPS

1. Menerangkan perubahan dan kesinambungan petempatan serta kegiatan ekonomi masyarakat Malaysia dahulu dan kini.
2. Mengembangkan kreativiti permainan tradisional.
3. Mencari persamaan alat muzik tradisional antara kaum di Malaysia.

Nilai Teras Sivik

- Kegembiraan
- Hormat-menghormati



Kepelbagaian Kaum di Malaysia

Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum yang berbeza dari segi keturunan, agama dan kebudayaan. Antara kaum yang terdapat di Malaysia termasuklah Melayu, Cina, India, Orang Asli, Iban, Melanau, Kadazandusun, Bidayuh, Bajau dan Iranun. Sebagai rakyat kita perlu menghargai keunikan ini demi kemakmuran bersama.



Melayu

- Mendiami Alam Melayu dan bertutur menggunakan bahasa Melayu, mengamalkan adat istiadat Melayu serta beragama Islam.
- Kaum Melayu juga dikenali melalui pakaian tradisional, iaitu baju kurung bagi perempuan dan baju Melayu bagi lelaki.



Cina

- Kebanyakan kaum Cina bertutur menggunakan bahasa Mandarin, di samping dialek lain antaranya Hokkien, Hakka dan Kantonis.
- Kaum Cina juga dikenali melalui pakaian tradisional, iaitu ceongsam bagi perempuan yang biasanya diperbuat daripada kain lembut seperti sutera, manakala pakaian bagi lelaki ialah changsan.



India

- Kebanyakan kaum India bertutur menggunakan bahasa Tamil. Terdapat juga yang menggunakan bahasa Telugu dan Malayalam.
- Pakaian kaum India bagi perempuan ialah sari, manakala doti bagi lelaki.



Iban

- Merupakan kaum terbesar di Sarawak. Kaum ini bertutur dalam bahasa Iban apabila berkomunikasi.
- Pakaian yang mempunyai tenunan pua kumbu merupakan busana tradisional wanita Iban yang digayakan ketika perayaan Hari Gawai dan majlis perkahwinan. Baju lelaki Iban antaranya termasuklah baju burung dan kelambi.




AKTIVITI

Secara berpasangan, bincangkan sebab kita mesti menghargai keunikan budaya tempatan.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal pasti identiti setiap kaum melalui pelbagai sumber.




11.1.1
K11.1.7

Kadazandusun





- Merupakan kaum terbesar di Sabah. Kaum ini bertutur mengikut dialek sukuan masing-masing.
- Pakaian tradisional kaum ini yang unik juga berbeza-beza antara etnik. Pakaian ini biasanya digayakan ketika majlis rasmi seperti majlis perkahwinan dan semasa sambutan Pesta Kaamatan.



Muzium Seni Kraf Orang Asli.



Orang Asli

- Di Semenanjung Malaysia, Orang Asli terbahagi kepada tiga kumpulan terbesar, iaitu Negrito (Semang), Senoi dan Melayu Proto.
- Keistimewaan mereka terletak pada pengekalan ciri tradisional seperti kemahiran kraf tangan, penghasilan ubat-ubatan herba dan penggunaan bahasa mengikut suku.

IPIM

Muzium Seni Kraf Orang Asli terletak di Jalan Damansara, Kuala Lumpur. Muzium ini dapat membantu kita mengekalkan warisan budaya kesenian masyarakat Orang Asli.

Arahan:

1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan untuk membuat dan menyiapkan kajian yang berikut:
   (a) Latar belakang suku kaum Orang Asli dan demografinya.
   (b) Kediaman dan kegiatan harian.
   (c) Alat muzik dan perhiasan pakaian.
   (d) Kepercayaan dan kematian.
2. Selepas lawatan, setiap kumpulan dikehendaki membentangkan dapatan masing-masing.

Baba dan Nyonya

- Di Melaka, kaum ini wujud hasil perkahwinan pedagang dari China dengan penduduk tempatan. Mereka menggelar diri sebagai "Baba" bagi lelaki, manakala perempuan disebut "Nyonya". Mereka bertutur menggunakan dialek Melayu Baba.
- Cara hidup, percakapan, adat dan tradisi serta makanan masyarakat ini banyak berasimilasi dengan budaya tempatan. Pakaian tradisional mereka ialah kebaya bersulam dan berkain batik sarung.



Sumber: Tan Chee-Beng, 2021. *The Baba of Melaka*. Selangor: SIRD.



Chetti

- Kaum Chetti wujud hasil perkahwinan pedagang India dengan penduduk tempatan. Kebanyakan mereka berada di Melaka. Bahasa pertuturan mereka ialah bahasa Melayu kreol.
- Pakaian tradisional kaum ini ialah kebaya bersulam dan berkain batik sarung yang dipakai ketika mengadakan pesta keramaian.

Sikh



- Bahasa Punjabi ialah bahasa ibunda masyarakat Sikh.
- Pakaian lelaki Sikh ialah baju panjang hingga lutut bersama-sama seluar (tahmat/tamba) dan sarban. Wanita Sikh pula memakai salwar kameez, iaitu pakaian yang dipakai bersama-sama dupatta atau selendang.



Siam

- Petempatan kaum ini bertumpu di Kedah, Kelantan, Perlis, Pulau Pinang dan Perak.
- Mereka bertutur menggunakan bahasa Siam dan Melayu. Kaum ini menyambut perayaan Songkran pada tahun baharu mereka dan mengenakan pakaian tradisional semasa menghadiri upacara keagamaan di wat.

Serani

- Kaum Serani juga dikenali sebagai orang Eurasia hasil perkahwinan campur orang Portugis dengan penduduk tempatan. Mereka menggunakan bahasa Kristang dan bahasa Inggeris.
- Kaum ini mempunyai bahasa, adat resam dan muzik yang unik. Tariannya yang paling popular ialah branyo dan frapeirra.





PAK-21 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Dengan menggunakan sumber Internet yang sahih, setiap kumpulan diminta mencari maklumat tentang keunikan kaum-kaum lain di Malaysia.
3. Murid membentangkan hasil dapatan.



GLOSARI

Kreol bermaksud bahasa yang terbentuk daripada campuran dua bahasa yang berlainan.

Kaum Lain di Sarawak

- Di Sarawak terdapat pelbagai kaum, antaranya termasuklah Melayu, Bidayuh, Kenyah, Kelabit, Melanau, Bisaya, Kedayan, Kayan, Penan dan Lun Bawang.
- Keunikan masyarakat yang pelbagai kaum ini jelas dilihat melalui perbezaan bahasa, agama, kepercayaan, pakaian tradisional dan budaya masing-masing.



Melayu | Kenyah | Melanau | Bidayuh

Kaum Lain di Sabah

- Di Sabah juga terdapat pelbagai kaum, antaranya termasuklah Bajau, Bisaya, Murut, Kedayan, Iranun, Rungus, Suluk, Melayu Brunei dan Orang Sungai.
- Mereka juga unik dari segi bahasa, agama dan budaya.



Murut | Rungus | Iranun | Bajau Sama

Keunikan Malaysia terletak pada kewujudan pelbagai kaum yang hidup bertoleransi. Mengetahui, mempelajari dan berkongsi maklumat tentang pelbagai kaum mampu melahirkan masyarakat yang cinta akan tanah air.

Mengapakah bertoleransi antara kaum dikatakan asas perpaduan?

11.1.1
K11.1.6
K11.1.8

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kepentingan menghargai keunikan budaya tempatan dan berkongsi maklumat tentang kepelbagaian kaum di Malaysia.

Malaysia Makmur



Malaysia mempunyai bentuk muka bumi yang sesuai untuk petempatan penduduknya. Hasil sumber alam yang banyak menyebabkan muncul pelbagai kegiatan ekonomi. Sebelum merdeka, petempatan penduduk berdasarkan kegiatan ekonomi yang berbeza atau pekerjaan masing-masing.

Dahulu

Masyarakat Melayu

- Tinggal di kampung, persisiran pantai dan sungai.
- Bekerja sebagai petani, nelayan, peniaga kecil-kecilan dan terlibat dalam perkhidmatan awam.

Masyarakat Cina

- Tinggal di pekan dan bandar.
- Bekerja sebagai pelombong dan peniaga.

Masyarakat India


- Tinggal di kawasan ladang dan di pinggir bandar.
- Bekerja di ladang, peniaga kecil-kecilan dan pekerja pelabuhan.

Masyarakat Orang Asli

- Tinggal di pedalaman, terutama di Perak, Selangor, Pahang, Kelantan dan Terengganu.
- Mengusahakan kegiatan kraf tangan, berburu dan mengutip hasil hutan.



Aktiviti menangkap ikan.



Kilang memproses getah.

Kaum di Sarawak

- Kaum Bidayuh, Kenyah dan Kelabit tinggal di kawasan pedalaman dan mengusahakan padi sawah, padi bukit serta mengutip hasil hutan.
- Kaum Iban dan Bisaya tinggal berhampiran dengan lembah sungai dan menjadi petani.
- Kaum Melayu, Melanau dan Kedayan tinggal di kawasan persisiran pantai dan bekerja sebagai pedagang, pembuat perahu dan pengusaha sagu.

Kaum di Sabah

- Kaum Murut tinggal di pedalaman dan bekerja sebagai petani serta mengutip hasil hutan.
- Kebanyakan kaum Kadazandusun dan Rungus tinggal di pedalaman. Kaum Kadazandusun mengusahakan padi, manakala kaum Rungus terkenal dalam seni perusahaan kreatif.
- Kaum Bajau pula bekerja sebagai petani atau nelayan.
- Kaum Melayu Brunei, Iranun dan Suluk tinggal di kawasan persisiran pantai dan bekerja sebagai nelayan, pembuat perahu serta pedagang.

Kini

Setelah merdeka dan pembentukan Malaysia, negara kita semakin makmur. Pemimpin merancang pelbagai dasar untuk pembangunan negara.

Usaha menangani kegiatan ekonomi berasaskan kaum menampakkan kejayaan. Sikap toleransi berjaya diterapkan dalam masyarakat sehingga mereka mampu bekerja bersama-sama dan tinggal dalam satu kawasan perumahan.



Sikap masyarakat yang mementingkan kesejahteraan negara melebihi kepentingan diri berjaya membentuk Malaysia yang bersatu padu. Kemakmuran ekonomi yang dikecapi membolehkan rakyat Malaysia hidup bersama dan aman tanpa pemisahan tempat tinggal.

11.1.2
K11.1.6

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami petempatan dan kegiatan ekonomi masyarakat Malaysia dahulu dan kini.

Alat Muzik dan Tarian Tradisional dalam Masyarakat Malaysia

Alat muzik dan tarian merupakan seni yang wujud berabad-abad lamanya. Kaum-kaum di negara kita mempunyai alat muzik dan tarian yang unik serta menarik. Warisan ini membentuk identiti negara kita yang tersendiri. Terdapat alat muzik dan tarian di negara kita yang dipengaruhi oleh unsur dari Timur Tengah, China, India dan Alam Melayu.

Alat Muzik

Kebanyakan alat muzik ini menunjukkan kebijaksanaan penciptanya kerana menggunakan sumber alam dan bahan semula jadi seperti kulit haiwan, tumbuh-tumbuhan serta bahan galian.

Masyarakat Melayu



Angklung

Angklung diperbuat daripada buluh yang diikat pada rangka yang disebut ancak.



Gambus

Gambus diperbuat daripada jenis kayu keras seperti kayu pokok nangka.



Nafiri

Nafiri diperbuat daripada logam, lazimnya perak. Bahagian serombong nafiri agak leper dan diukir motif bunga.



Geduk

Geduk merupakan sejenis gendang dua muka. Kedua-dua mukanya diperbuat daripada belulang lembu atau kerbau yang dipasak dengan kayu nibung.



AKTIVITI

Cipta alat muzik yang diperbuat daripada bahan terpakai seperti straw dan tin serta sumber alam seperti daun pisang, daun kelapa dan batang padi.

Mengapakah kita perlu menghargai keunikan alat muzik dalam budaya tempatan?

Sumber: Nik Mustapha Nik Mohd Salleh, 2009. *Alat Muzik Tradisional dalam Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali alat muzik mengikut kaum di Malaysia.

Masyarakat Cina



Gendang

Gendang ini berfungsi apabila diketuk dengan menggunakan dua pemukul. Badannya diperbuat daripada kayu keras.



Bo

Bo juga dikenali sebagai po yang berupa sepasang piring bulat yang rata. Biasanya bo diperbuat daripada kepingan gangsa.



Liu Qin

Liu qin merupakan alat muzik bertali. Pemetiknya diperbuat daripada tanduk atau plastik.



Seruling

Seruling atau zhudi merupakan alat yang diperbuat daripada sebatang buluh. Badannya mempunyai lapan lubang yang akan menghasilkan bunyi.

Masyarakat India



Pullangkulal

Pullangkulal diperbuat daripada buluh. Semasa ditiup akan menghasilkan bunyi apabila jari menutup dan membuka lubang pada buluh tersebut.



Talam

Talam diperbuat daripada logam gangsa. Talam mengeluarkan bunyi apabila dilagakan.



Mattalam

Mattalam ialah gendang dua muka yang ditutupi dengan kulit kambing. Badannya diperbuat daripada kayu dan diikat dengan tali.



Veenai

Veenai diperbuat daripada kayu keras dan mempunyai ukiran pada seluruh badannya. Veenai mempunyai tujuh tali logam yang menghasilkan bunyi ketika dipetik.


Sumber: Pertubuhan Kesenian dan Kebudayaan India Malaysia.

Masyarakat Sarawak



Sape

Sape banyak dimainkan oleh kaum Kayan, Kelabit dan Kenyah. Sape diperbuat daripada kayu meranti dengan dipasang tali bagi menghasilkan bunyi apabila dipetik.



Engkerurai

Engkerurai terkenal dalam kalangan kaum Iban. Alat muzik ini diperbuat daripada batang buluh yang dipasang pada buah labu kering.



Engkerumong

Engkerumong terkenal dalam kalangan kaum Iban, Bidayuh dan Melanau. Alat muzik ini tergolong dalam keluarga gong yang diperbuat daripada gangsa.



Gendang

Gendang satu muka ini dikenali sebagai ketebong oleh kaum Iban. Gendang ini diperbuat daripada kayu belian dan tapang. Bahagian mukanya ditutupi dengan kulit kambing atau kulit kijang.

Masyarakat Sabah




Kulintangan

Kulintangan merupakan sekumpulan gong kecil yang diperbuat daripada logam. Alat muzik ini banyak dimainkan oleh kaum Bajau dan Kadazandusun.



Sompoton

Sompoton terkenal dalam kalangan kaum Kadazandusun. Sompoton diperbuat daripada buluh yang dilekatkan dengan lilin kelulut pada labu kering.



Tongkungon

Tongkungon terkenal dalam kalangan kaum Kadazandusun. Alat muzik ini diperbuat daripada buluh poring yang berbuku di kedua-dua hujungnya.



Tontog

Tontog merupakan gendang bujur yang diperbuat daripada batang pokok merbau. Alat muzik ini banyak terdapat dalam kalangan kaum Rungus. Alat muzik ini juga dikenali dengan nama yang berbeza mengikut kaum.

Alat-alat muzik tradisional yang dimainkan oleh pelbagai kaum di negara kita berjaya melahirkan warisan seni muzik yang menarik. Sebagai generasi yang akan mewarisi negara, kita wajarlah menghargai keunikan alat muzik yang terdapat di negara kita.


Tarian Tradisional

Masyarakat di Malaysia juga mempunyai pelbagai tarian tradisional. Gerak seni tari yang dipersembahkan oleh setiap kaum mempunyai maksud dan tujuan tertentu.



Tarian Makyung

- Merupakan seni drama yang menggabungkan unsur lakonan, tarian, muzik dan nyanyian.
- Alat muzik yang mengiringi makyung ialah tawak, gong, gendang ibu dan gendang anak, canang, kesi, serunai serta rebab.
- Dahulu, makyung dipertontonkan kepada khalayak ramai di istana dan dalam majlis rasmi negara.



Tarian Zapin

- Dahulunya, tarian ini ditarikan oleh kaum lelaki. Namun begitu, kini turut ditarikan secara berpasangan oleh lelaki dan wanita.
- Alat muzik utama yang mengiringi tarian ini ialah gambus, gendang, rebana dan marakas.
- Zapin ditarikan bertujuan untuk hiburan semasa pesta dan majlis perkahwinan.



Tarian Singa

- Tarian ini dipersembahkan antaranya untuk merayakan Tahun Baharu Cina, pembukaan kedai baharu serta majlis menyambut tetamu kehormat.
- Antara alat muzik yang mengiringinya termasuklah bo, gendang besar dan gong.
- Tarian ini ditarikan sebagai lambang keharmonian, keamanan dan kebahagiaan.

Tarian Bharata Natyam

- Tarian ini ditarikan oleh masyarakat India sejak zaman dahulu.
- Tarian ini berkaitan dengan alam semesta yang dizahirkan melalui gerak tubuh yang membawa maksud tertentu.
- Tarian bharata natyam ditarikan sebagai pembuka tirai dalam persembahan kebudayaan masyarakat India.



Sumber: Pertubuhan Kesenian dan Kebudayaan India Malaysia.



Tarian Ngajat

- Tarian ini dipercayai untuk mengajar kaum Iban di Sarawak cara-cara berperang pada masa dahulu serta untuk tujuan persembahan hiburan dan upacara ritual.
- Alat muzik yang mengiringinya ialah bebendai, ketebong, engkerumong dan tawak.
- Tarian ini dipersembahkan sebagai hiburan semasa perayaan Hari Gawai dan juga untuk upacara ritual.

Sumber: Rohana Sali dan Mohamed Roselan Malek, 1995. *Tarian Tradisional*. Selangor: Penerbitan Prisma Sdn. Bhd.

AKTIVITI

Simulasi

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan dikehendaki mencari maklumat tentang tarian tradisional di Malaysia.
3. Berdasarkan maklumat yang diperoleh, setiap kumpulan dikehendaki mempersembahkan tarian tersebut dan menjelaskan keistimewaannya.
4. Akhir sekali, murid diminta menghuraikan kepentingan perkongsian maklumat tentang kepelbagaian kaum di Malaysia.

K11.1.8

Tarian Sumazau



- Tarian ini ditarikan oleh kaum Kadazandusun di Sabah. Tarian ini dikenali sebagai sumazau oleh kaum Kadazan dan sumayau oleh kaum Dusun.
- Alat muzik utama yang mengiringi tarian ini ialah gong.
- Tarian ini dipersembahkan bagi menghormati semangat padi. Tarian ini juga diadakan semasa Pesta Kaamatan.

Tarian Sewang



- Tarian ini menjadi identiti masyarakat Orang Asli. Penari sewang akan menghiasi diri mereka dengan selempang daripada bunga-bungaan, daun kelapa, daun palas, daun nipah dan kulit kayu.
- Alat muzik yang digunakan ialah buluh centong, gendang, kereb, pensol dan tetawak.
- Tarian ini bertujuan untuk upacara ritual, perubatan dan majlis keramaian.

Tarian Bhangra



- Tarian ini ditarikan oleh masyarakat Sikh.
- Alat muzik utama ialah dram dhol kayu besar, harmonika dan tamborin.
- Tarian bhangra dipersembahkan dalam majlis keluarga dan keramaian.

Pada masa ini, tarian tradisional berjaya menyuntik semangat muhibah dalam kalangan masyarakat Malaysia. Generasi masa ini wajar berasa bangga akan keunikan budaya tempatan dan berusaha untuk memperkenalkan warisan ini bagi mengharumkan nama negara di persada dunia.



NOTA GURU

- Bantu murid mengenali setiap alat muzik dan tarian masyarakat di Malaysia.

Permainan Tradisional Masyarakat Malaysia

Permainan tradisional terdiri daripada permainan anjung, permainan laman dan permainan kawasan lapang. Permainan ini dimainkan oleh golongan kanak-kanak dan dewasa secara individu atau berkumpulan. Permainan tradisional mampu memupuk nilai kerjasama, kreativiti dan persaingan sihat dalam masyarakat pelbagai kaum di negara kita. Terdapat permainan tradisional di negara kita yang dipengaruhi oleh unsur dari Timur Tengah, China, India dan Alam Melayu.

Permainan Anjung

Congkak

- Permainan berpasangan yang memerlukan pemain mengisi "buah" (guli) ke dalam deretan lubang pada sekeping papan yang dinamakan papan congkak.
- Dahulu, lubang congkak dibuat di atas tanah dan buah congkak diambil daripada biji getah atau batu kecil.





Batu Seremban

- Permainan ini melibatkan sekurang-kurangnya dua orang pemain dan biasanya dimainkan oleh golongan perempuan. Alat yang digunakan dalam permainan ini ialah lima atau tujuh biji batu kecil.
- Kesemua batu diletakkan di atas tapak tangan dan dilambung ke udara, kemudian disambut dengan tapak tangan. Jumlah batu yang disambut akan ditimang di belakang tapak tangan dan dikira sebagai mata.
- Batu seremban juga dikenali sebagai selambut dan batu tujuh.

Go atau Weiqi

- Permainan berpapan dimainkan secara berpasangan dengan menggunakan buah hitam dan buah putih.
- Pemain akan mengatur strategi untuk menewaskan lawan dengan menguasai kawasan papan yang lebih besar daripada lawan.



Sumber: Syed Mahadzir, 2009. *Permainan Tradisi Rakyat (Siri Khazanah Budaya)*. Kuala Lumpur: E1 Publication Sdn. Bhd.

Yoyo Cina atau Diabolo



- Permainan ini boleh dimainkan secara perseorangan.
- Memerlukan sebuah yoyo yang diikat pada tali dan dipegang pada kedua-dua batang kayu di tangan. Batang kayu ini membolehkan yoyo berputar pada tali dan mengelakkannya daripada jatuh. Pemain boleh beraksi dengan pelbagai gaya berdasarkan kehandalannya.




Chaturangam

- Merupakan permainan seperti catur yang dimainkan oleh dua orang pemain. Permainan ini umpama simulasi peperangan bagi memperlihatkan kekuatan tentera.
- Kemenangan bergantung pada kejayaan menakluk lawan, terutamanya menewaskan raja.

Paramapadham

- Permainan ini seperti dam ular yang lazimnya dimainkan oleh dua orang hingga empat orang. Pemain akan bergerak mengikut angka buah dadu yang dilemparkan.
- Kemenangan bergantung pada pemain yang sampai ke bahagian penamat dengan pantas.





TAHUKAH ANDA?

Congkak, batu seremban, kabaddi, tating lawi, menyumpit, pistol buluh, sepak raga, ketinting, baling tin dan ketuk keli telah diangkat sebagai warisan kebangsaan negara.

IMBAS SAYA
Permainan tradisional

Permainan Laman



Sepak Raga

- Permainan ini telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Kini, sepak raga dimainkan oleh semua kaum secara berkumpulan.
- Permainan ini bermula dengan salah seorang pemain melambung bola rotan kepada rakannya dengan menggunakan tangan. Rakannya akan menimang bola dengan menggunakan kakinya beberapa kali sebelum menendang ke arah pemain lain. Secara bergilir-gilir rakan akan menimang dan mengawal bola supaya tidak jatuh ke tanah.

Chap Teh

- Merupakan permainan tradisional masyarakat Cina. Masyarakat Melayu pula menyebutnya sebagai tating lawi. Kini, chap teh dimainkan oleh semua kaum.
- Pemain akan menating bola lawi yang diperbuat daripada tiga atau empat helai bulu ayam yang diikat pada kepingan getah atau kertas tebal. Kemenangan dikira berdasarkan tatingan terbanyak.





Kabaddi

- Merupakan permainan laman bagi masyarakat India. Kabaddi dimainkan oleh dua pasukan dengan tujuh orang pemain setiap pasukan.
- Satu pasukan akan menghantar penyerang kepada pasukan lawan bagi menyentuh pihak lawan. Pemain yang berjaya disentuh akan tersingkir lalu memberikan markah kepada pihak lawan.

Permainan Kawasan Lapang



Wau

- Permainan wau lazimnya dimainkan selepas musim menuai. Wau dimainkan oleh dua orang, iaitu seorang memegang wau dan seorang lagi akan memegang tali.
- Apabila angin bertiup, tali akan ditarik melawan arus angin secara menghulur dan menarik tali sehingga wau terbang tinggi.



Tibau

- Permainan tibau dimainkan semasa Pesta Kaul oleh masyarakat Melanau, Sarawak.
- Tibau dibina daripada dua batang kayu yang membentuk piramid dan beberapa batang kayu yang disusun bertingkat-tingkat. Pada bahagian atas piramid terdapat untaian tali daripada rotan yang akan diayun seperti buaian. Pemain akan bergilir-gilir melompat ke atas tibau sehingga tidak berayun lagi.



Sepak Manggis

- Permainan ini kerap dimainkan ketika majlis keramaian, terutama di Kota Belud, Sabah.
- Bungkusan hadiah digantung pada tiang tinggi. Peserta akan cuba menendang bola raga pada hadiah tersebut. Peserta yang berjaya menyepak bola sehingga terkena hadiah tersebut dianggap pemenang. Hadiah berupa wang, makanan atau barangan yang menarik.



Gasing

- Terdapat dua cara bermain gasing, iaitu gasing uri dan gasing pangkah.
- Dalam permainan gasing, terdapat beberapa langkah, iaitu melilit gasing, memusing gasing, memangkah dan mengangkat gasing. Pemainan ini menguji kemahiran pemain memusing gasing supaya berputar dalam jangka masa yang lama.

Kebijaksanaan dan kreativiti masyarakat kita jelas digambarkan melalui pelbagai permainan tradisional. Semangat toleransi dan perpaduan yang dipupuk mampu membentuk warga Malaysia yang menghargai keunikan budaya tempatan.



11.1.4
K11.1.6

NOTA GURU

- Bantu murid mengenali permainan tradisional dalam masyarakat di Malaysia.

Cerita Rakyat Berunsur Tempatan dalam Masyarakat Malaysia

Cerita rakyat merupakan cerita yang wujud dan berkembang dalam masyarakat pada zaman dahulu. Cerita ini disampaikan daripada satu generasi kepada satu generasi secara lisan. Cerita ini tiada pemilik khusus tetapi dimiliki bersama. Kita akan mendapat nasihat dan pengajaran serta hiburan melalui cerita rakyat.



Si Luncai dengan Labu-labunya



1 Kisah Si Luncai bermula apabila dia dijatuhi hukuman oleh raja kerana mempermain-mainkan raja serta pembesar.



2 Pesuruh raja bertindak memasukkan Si Luncai ke dalam guni dan diletakkan di dalam perahu menuju ke tengah laut. Dari dalam guni, Si Luncai dapat melihat beberapa biji labu air di dalam perahu tersebut.



3 Setelah lama pesuruh raja berkayuh, maka berkatalah Si Luncai "Kasihan benar aku melihat kamu berkayuh, mahukah jika aku ajarkan lagu untuk menghilangkan kepenatan kamu semua?" Ajakannya ditolak, namun Luncai mulai menyanyi. "Si Luncai terjun dengan labu-labunya. Biarkan! Biarkan!" Pesuruh raja dan beberapa orang lagi tertarik dengan lagu tersebut dan mereka mulai menyanyi. "Si Luncai terjun dengan labu-labunya" "Biarkan! Biarkan!" Demikian lagu tersebut dinyanyikan berulang kali sehingga mereka leka.



4 Melihat kelekaan mereka, Si Luncai keluar dari dalam guni dan mengisi beberapa biji labu ke dalam guni itu. Kemudian, dua biji lagi diambil lalu dia terjun dari perahu dan berenang menggunakan labu air tersebut. Apabila sampai ke tengah laut, pesuruh raja mencampakkan guni berisi labu yang disangkanya Si Luncai tanpa menyedari Si Luncai telah selamat sampai ke pantai.

Sumber: Othman Puteh dan Aripin Said, 2010. *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.




AKTIVITI Kajian Teks

Baca cerita di atas.

1. Apakah kelebihan yang ada pada Si Luncai?
2. Nyatakan peribahasa yang sesuai dengan sikap Si Luncai.
3. Jelaskan pengajaran daripada cerita ini.

Di Sarawak, terdapat kisah legenda Santubong Sang Puteri.



Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang berasal dari kayangan dan diturunkan ke bumi untuk mendamaikan dua buah kampung yang berjiran, iaitu Pasir Kuning dan Pasir Putih. Mereka dikenakan syarat tidak boleh bergaduh sesama sendiri dan akan menerima padah jika melanggar syarat ini.



Puteri Santubong pandai menenun kain, manakala Puteri Sejinjang mahir menumbuk padi. Mereka berjaya memakmurkan kampung tersebut.



CEPAT JAWAB

Apakah kemahiran Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang?

Sumber: Othman Puteh dan Aripin Said, 2010. *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Pada masa yang sama, kedua-dua orang puteri ini menyukai pemuda yang sama, iaitu Putera Serapi dari Matang. Perkara ini menimbulkan pertelingkahan antara mereka. Kedua-dua puteri ini tidak mahu mengalah. Puteri Sejinjang terus bertindak dengan mengayun antannya dan terkena pipi Puteri Santubong. Puteri Santubong pula membalas dengan menikam batang belidah dan terkena kepala Puteri Sejinjang.



Akibat melanggar sumpah, berlaku kilat sabung-menyabung dan guruh berdentum. Serentak dengan itu, muncul cahaya di langit dan kedua-dua orang puteri kayangan bertukar menjadi gunung.



Pukulan antan yang terkena Puteri Santubong menyebabkan Gunung Santubong menjadi sumbing atau pecah sebelah. Tikaman batang belidah pula menyebabkan kepala Puteri Sejinjang pecah dan bertaburan menjadi Pulau Kera, Pulau Satang dan Pulau Talang-talang.



PAK-21 Bulatan Masa (Circle Time)

1. Murid-murid berada di dalam bulatan.
2. Dalam masa seminit, sebiji bola dihulur daripada seorang kepada seorang yang lain secara bergilir-gilir.
3. Selepas seminit, murid yang terakhir memegang bola tersebut dikehendaki memberikan maklumat tentang sebuah cerita rakyat yang diketahuinya. Permainan diteruskan selepas cerita pertama tamat.

Di Sabah, terdapat kisah legenda Nunuk Ragang.

Legenda Nunuk Ragang menceritakan kemunculan pelbagai kaum di Tambunan dan Ranau, Sabah. Cerita ini bermula dengan kehidupan masyarakat di Sungai Liwagu yang berehat di bawah pohon nunuk. Suatu hari, seekor ayam gergasi berwarna merah dan bertaji emas telah datang ke tempat mereka.





Penduduk kampung itu beramai-ramai menaiki sayapnya dan terbang bersama-samanya.

Di mana-mana ayam itu mengibarkan sayapnya, di situlah orang kampung akan jatuh dan membina petempatan. Akhirnya, mereka terpisah dan mulai membina dialek masing-masing.

Sumber: Jacqueline Pugh-Kitingan dan Cifford Sather. "Storytelling in Sabah and Sarawak" dlm. Ghulam-Sarwar Yousof, 2004. *Performing Arts: Encyclopedia of Malaysia*. Kuala Lumpur: Didier Millet.



GLOSARI

Nunuk ragang bermaksud sejenis pokok kayu ara merah.

Kehebatan cerita rakyat menggambarkan kepelbagaian budaya yang terdapat di negara kita. Warisan cerita rakyat perlu dipertahankan demi generasi akan datang.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami contoh cerita rakyat dan mengambil iktibar daripadanya.





IMBAS KEMBALI

1 Kepelbagaian Kaum di Malaysia:

- Melayu
- Cina
- India
- Iban
- Kadazandusun
- Orang Asli
- Baba dan Nyonya
- Chetti
- Sikh
- Siam
- Serani
- Kaum Lain di Sarawak
- Kaum Lain di Sabah

2 Petempatan dan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Malaysia Dahulu dan Kini:

- Dahulu – petempatan dan kegiatan ekonomi berbeza mengikut kaum.
- Kini – tidak berlaku pengasingan petempatan mengikut kegiatan ekonomi.

3 Alat Muzik dan Tarian Tradisional dalam Masyarakat Malaysia:

- **Alat Muzik**
  - Masyarakat Melayu (angklung, gambus, nafiri, geduk)
  - Masyarakat Cina (gendang, bo, liu qin, seruling)
  - Masyarakat India (pullangkulal, talam, mattalam, veenai)
  - Masyarakat Sarawak (sape, engkerurai, engkerumong, gendang)
  - Masyarakat Sabah (kulintangan, sompoton, tongkungon, tontog)
- **Tarian tradisional** terdiri daripada tarian makyung, tarian zapin, tarian singa, tarian bharata natyam, tarian ngajat, tarian sumazau, tarian sewang dan tarian bhangra.

4 Permainan Tradisional Masyarakat Malaysia:

- Permainan Anjung
- Permainan Laman
- Permainan Kawasan Lapang

5 Cerita Rakyat Berunsur Tempatan dalam Masyarakat Malaysia, contohnya:

- Si Luncai dengan Labu-labunya
- Legenda Santubong Sang Puteri
- Legenda Nunuk Ragang

Unit ini membincangkan keunikan kaum di negara kita yang dapat dilihat dari segi pekerjaan, petempatan, alat muzik, tarian, permainan dan cerita rakyat. Pemahaman unit ini mampu mewujudkan sikap saling menghormati antara kaum dan mengeratkan perpaduan. Unit seterusnya akan membincangkan keunikan penduduk pelbagai kaum dari segi agama dan kepercayaan di negara kita.

FIKIR DAN JAWAB

A Berdasarkan gambar di bawah, jawab soalan yang berikut:


(i)


(ii)


(iii)


(iv)

1. Namakan permainan tradisional dalam gambar di atas.
   (i) _____
   (ii) _____
   (iii) _____
   (iv) _____

2. Cadangkan cara untuk mengekalkan permainan tradisional kepada generasi akan datang.
   _____



B Gambar menunjukkan tarian tradisional di negara kita.

1. Namakan tarian tersebut.
   _____

2. Bersama-sama rakan anda, pelajari teknik tarian ini mengikut langkahnya.

3. Apakah tarian tradisional lain yang anda ketahui di negara kita?
   _____

IMBAS SAYA
Fikir dan jawab



CINTA AKAN NEGARA

Keunikan kepelbagaian kaum di Malaysia dapat dilihat melalui perbezaan alat muzik, tarian, permainan dan cerita rakyat. Keunikan ini mendorong kita supaya lebih menghormati budaya dan adat semua kaum di negara kita.



Diri
Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu mengenali dan menghormati adat serta budaya kaum lain.

Masyarakat
Menghormati adat dan budaya kaum lain akan melahirkan masyarakat yang berakhlak dan bermoral tinggi.



Negara
Warganegara yang berakhlak dan bermoral mampu menjulang nama negara agar dihormati oleh masyarakat dunia.

UNIT 5

AGAMA DAN KEPERCAYAAN



Masjid Putra, Putrajaya.

Sinopsis

Terdapat pelbagai agama dan kepercayaan di Malaysia. Unit ini akan membincangkan kepelbagaian agama dan kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat serta menyatakan kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan. Kedudukan agama lain juga termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, unit ini memberikan maklumat berkaitan dengan rumah ibadat yang terdapat di Malaysia.

Apakah yang akan anda pelajari?

1. Pelbagai agama dan kepercayaan yang terdapat di Malaysia.
2. Kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan.
3. Kedudukan agama lain dalam Perlembagaan Persekutuan.
4. Nama rumah-rumah ibadat di Malaysia.

Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

AKPS

1. Memahami elemen asas sejarah berkaitan dengan pelbagai agama dan kepercayaan di Malaysia.
2. Membuat interpretasi tentang kedudukan agama Islam dan agama lain dalam Perlembagaan Persekutuan.
3. Meneroka bukti signifikan berkaitan dengan rumah ibadat setiap agama di Malaysia.

Nilai Teras Sivik

- Hormat-menghormati
- Kasih sayang



Kuil Dewa Murugan,
Batu Caves, Selangor.



Gereja St. Thomas's Cathedral,
Kuching, Sarawak.



Tokong Poh Aun Keong, Kangar, Perlis.

Agama dan Kepercayaan di Malaysia

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan hidup aman sejahtera. Di samping itu, terdapat pelbagai agama dan kepercayaan yang dianuti oleh rakyat negara kita.

Agama di Malaysia

Terdapat pelbagai agama di Malaysia seperti agama Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan Sikh. Terdapat juga ajaran Konfusius dan Tao. Penyebaran agama tersebut berlaku dengan pelbagai cara, iaitu melalui peranan pemerintah, pedagang dan golongan agama.

Agama Islam

Agama Islam merupakan agama yang merangkumi segala aspek kehidupan. Penganut agama Islam hanya menyembah Allah Yang Maha Esa.

Terdapat dua teras kepercayaan dalam Islam, iaitu Rukun Islam dan Rukun Iman. Ajaran Islam berpandukan kitab suci al-Quran dan Hadis.



Kitab al-Quran



Kitab Bible

Agama Kristian

Penganut agama Kristian percaya bahawa agama ini dibawa oleh Jesus Christ. Bagi penganut agama ini, hari

Ahad dikhaskan sebagai hari untuk melakukan aktiviti keagamaan di gereja. Kitab suci agama ini ialah Bible.

GLOSARI

Hadis bermaksud pengucapan, perbuatan dan pengakuan yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh para sahabat baginda.

CEPAT JAWAB

Namakan kitab suci agama Islam dan agama Kristian.

NOTA GURU

- Bimbing murid untuk memahami ajaran agama dan kepercayaan yang terdapat di Malaysia.

Agama Buddha

Penganut agama ini mengamalkan ajaran yang diasaskan oleh Siddharta Gautama. Beliau dikenali sebagai Buddha. Mereka percaya ajaran Buddha berasaskan Empat Kebenaran Mulia yang dapat dicapai melalui Jalan Lapan Lapis Mulia. Kitab suci penganut agama Buddha ialah Tipitaka.



Kitab Tipitaka



Kitab Veda

Agama Hindu

Penganut agama ini mempercayai Hukum Karma yang berkaitan dengan kelakuan manusia semasa hidup dan kelahiran semula selepas mati. Kitab suci agama Hindu dikenali sebagai Veda.

Agama Sikh

Agama Sikh diasaskan oleh Guru Nanak. Penganut agama ini terdiri daripada kaum Sikh. Tradisi dan ajaran agama ini berkaitan dengan sejarah, masyarakat dan budaya kaum Sikh. Agama Sikh percaya kepada adanya satu Tuhan yang dinamakan Waheguru. Kitab suci agama Sikh dikenali sebagai Sri Guru Granth Sahib.



Kitab Sri Guru Granth Sahib



PAK-21 Kajian Gambar

1. Bentukkan beberapa buah kumpulan.
2. Teliti gambar-gambar kitab suci.
3. Cari maklumat tambahan berkaitan dengan agama yang dianuti oleh masyarakat Malaysia.
4. Bincangkan secara berkumpulan.

Sumber: Mohd Rosmizi Abdul Rahman, 2011. *Agama-agama di Dunia*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.




CEPAT JAWAB


Apakah maksud Hukum Karma?

Ajaran Konfusius

Ajaran Konfusius diasaskan oleh Kung Fu Tze. Penganut Konfusius percaya bahawa ajarannya menekankan prinsip moral yang tinggi seperti perikemanusiaan, kesusilaan dan ketaatan kepada ibu bapa. Ajaran ini terkandung dalam buku Analek.



Buku Analek



Buku Tao Te Ching

Ajaran Tao

Ajaran Tao diasaskan oleh Lao Tzu. Penganut ajaran Tao percaya kepada kepentingan keharmonian hidup dengan alam semesta. Kehidupan setiap manusia ditentukan oleh Tao yang bermaksud "jalan". Tao Te Ching merupakan buku yang mengandungi ajaran Tao.

Sumber: Cheu Hock Tong, 1988. *Chinese Beliefs and Practice in South East Asia*. Subang Jaya: Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd.

AKTIVITI

Secara berkumpulan, murid diminta menghubung kait kepentingan amalan agama dan kepercayaan dalam kehidupan. Bentangkan dapatan secara kreatif.

Mengapakah agama penting dalam kehidupan kita?

CEPAT JAWAB

Apakah prinsip moral yang ditekankan dalam ajaran Konfusius?

11.2.1
K11.2.6

Kepercayaan Masyarakat di Malaysia

Terdapat rakyat Malaysia yang mengamalkan kepercayaan masing-masing. Kepercayaan mereka dipengaruhi oleh alam semesta.

Kepercayaan ini dikenali sebagai animisme. Masyarakat ini percaya bahawa gua, pokok atau batu besar mempunyai semangat dan roh nenek moyang yang mesti dihormati.



Upacara Puja Pantai oleh masyarakat Orang Asli suku Mah Meri.
Sumber: Astro Awani.

Kepercayaan Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia

- Masyarakat Orang Asli suku Mah Meri di Pulau Carey mengadakan upacara Puja Pantai untuk mendapatkan perlindungan dan pengampunan daripada semangat laut.
- Masyarakat Orang Asli percaya bahawa penyakit disebabkan oleh kuasa jahat.
- Masyarakat Orang Asli suku Temiar dan suku Semai mengadakan upacara ritual untuk menghalau kuasa jahat.

Sumber: Jasiman Ahmad dan Rosnah Ramli, 1997. *Siri Kebudayaan Masyarakat Malaysia: Masyarakat Orang Asli.* Melaka: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.



CEPAT JAWAB

Apakah tujuan upacara Puja Pantai dilakukan oleh masyarakat Orang Asli di Pulau Carey?

Kepercayaan Masyarakat di Sarawak dan Sabah

Terdapat masyarakat Iban yang mempercayai bahawa Petara (dewa) akan menyampaikan sebarang alamat dan petanda melalui mimpi dan bayangan.

- Petara dipuja melalui beberapa upacara khusus seperti upacara Miring.
- Upacara Miring dimulai dengan jampi mantera.
- Upacara ini dilakukan oleh seorang penyair yang dikenali sebagai Lemambang.



Upacara Miring sedang dilakukan.
Sumber: Utusan Borneo.

Terdapat masyarakat Bisaya di Sarawak yang bekerja sebagai petani mempercayai kuasa ghaib.

- Jampi mantera dibaca untuk mengelakkan gangguan kuasa ghaib semasa membuka kawasan pertanian baharu.
- Mereka juga menjalankan upacara Tamarok untuk menghalau kuasa ghaib daripada badan pesakit.

Sumber: Persatuan Bisaya, Sarawak.



Upacara Tamarok dilakukan oleh masyarakat Bisaya.



CEPAT JAWAB

Mengapakah masyarakat Bisaya mengadakan upacara Tamarok?

Terdapat masyarakat Bajau yang masih menjalankan upacara Ngeduang.

- Melalui upacara Ngeduang ini keluarga si mati menjamu makanan kepada tetamu sebagai sedekah. Upacara ini diamalkan di bahagian pantai barat Sabah (Kota Belud).
- Etnik Bajau di bahagian pantai timur (Semporna) pula mengadakan upacara Mag'ombo.
- Mag'ombo bermaksud menghargai dan menghormati warisan turun-temurun daripada nenek moyang agar kehidupan mereka dirahmati.



Upacara Ngeduang.
Sumber: Nandra Hitong, Penyelidik Masyarakat Bajau.



Upacara Magavau (Maga'au) semasa Pesta Kaamatan di Sabah.
Sumber: Kadazandusun Cultural Association.

Terdapat masyarakat Kadazandusun yang mempercayai Kinorohingan.

- Kinorohingan merupakan Tuhan untuk meminta sesuatu seperti keselamatan dan perlindungan.
- Mereka juga percaya akan semangat padi dengan menjalankan upacara Magavau (Maga'au).
- Upacara diketuai oleh ketua bomoh yang dikenali sebagai Bobohizan.

Semua agama dan ajaran yang diamalkan oleh rakyat Malaysia menuntut penganutnya supaya sentiasa melakukan perkara yang baik. Masyarakat yang memahami dan menghormati agama serta budaya kaum lain akan menjamin kehidupan yang aman dan sejahtera. Selain itu, masyarakat perlu memahami kepentingan agama dan kepercayaan dalam kehidupan harian.

11.2.1

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kepelbagaian kepercayaan yang terdapat di Malaysia.

Agama Islam dalam Perlembagaan

Agama Islam diakui sebagai agama Persekutuan setelah parti-parti politik dan pertubuhan menghantar memorandum kepada Suruhanjaya Perlembagaan Tanah Melayu 1957. Kedudukannya termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Perkara yang berkaitan dengan perubahan kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan perlu mendapat titah perkenan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu.

Perlembagaan Persekutuan

Perkara 3 (1)

Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Perkara 3 (2)

Di dalam tiap-tiap negeri selain negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua Agama Islam di negerinya ...

Perkara 3 (3)

Perlembagaan negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak memperuntukkan kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam di negeri itu.

Perkara 3 (5)

... Yang di-Pertuan Agong menjadi Ketua Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Sumber: Perlembagaan Persekutuan.

Kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan telah dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Kita perlu menghormati peruntukan perlembagaan ini agar persefahaman dan perpaduan rakyat dapat dikekalkan.



CEPAT JAWAB

Nyatakan kandungan Perkara 3 (1) dalam Perlembagaan Persekutuan.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.



11.2.2

Kedudukan Agama Lain dalam Perlembagaan

Perlembagaan Persekutuan memaktubkan bahawa agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai. Rakyat mempunyai hak untuk mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing.

Perlembagaan Persekutuan

Perkara 11 (1)

Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk pada fasal (4) mengembangkannya.

Perkara 11 (3) (a)

Tiap-tiap kumpulan agama berhak–
(a) menguruskan hal ehwal agamanya sendiri;...

Sumber: Perlembagaan Persekutuan.

Kebebasan beragama mengikut Perlembagaan Persekutuan mewujudkan masyarakat yang saling memahami dan menghormati kaum lain. Kita perlu menghayati kepentingan menghormati amalan beragama yang terdapat di Malaysia.

Menghormati kepelbagaian agama dan kepercayaan akan mewujudkan perpaduan. Bincangkan.

IMBAS SAYA

Perkara 3 dan Perkara 11
Perlembagaan Persekutuan

11.2.3
K11.2.7

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami tentang kedudukan agama lain dalam Perlembagaan Persekutuan.

Rumah Ibadat di Malaysia

Setiap agama mempunyai rumah ibadat masing-masing. Setiap rumah ibadat mempunyai ciri-ciri tertentu yang menjadi simbol dalam agama berkenaan. Seni bina rumah ibadat ini juga mempunyai pelbagai bentuk dan pengaruh. Rumah ibadat berfungsi sebagai tempat untuk menjalankan aktiviti keagamaan.

Rumah Ibadat Penganut Agama Islam

Masjid merupakan rumah ibadat penganut agama Islam.

Masjid Negara, Kuala Lumpur

- Dibina pada tahun 1963 dan dirasmikan pada 27 Ogos 1965.
- Seni binanya merupakan gabungan ciri moden, Islam dan tempatan.
- Boleh menampung 15 000 jemaah dalam satu-satu masa.
- Pembinaan Masjid Negara ini melambangkan perpaduan, toleransi dan keagungan Islam sebagai agama rasmi di Malaysia.



Masjid Negara, Kuala Lumpur.

Masjid Kampung Laut, Kelantan

- Dibina pada abad ke-18.
- Antara masjid tertua di Alam Melayu.
- Terletak di Kampung Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.
- Seni binanya berunsurkan ciri Alam Melayu.



Masjid Kampung Laut, Kelantan.

IMBAS SAYA

Masjid di Malaysia.

Masjid Al-Qadim, Sarawak

- Dibina pada tahun 1830.
- Terletak di Sibu, Sarawak.
- Dibina oleh Tuan Haji Salam Minangkabau, ulama dari Sumatera.
- Mempunyai reka bentuk Masjid Agung Demak, Jawa Tengah, Indonesia.



Masjid Al-Qadim, Sibu, Sarawak.
Sumber: Utusan Borneo.

Rumah Ibadat Penganut Agama Kristian

Rumah ibadat penganut agama Kristian dikenali sebagai gereja.



Gereja St. Michael, Sandakan, Sabah.

Gereja St. Michael, Sabah

- Dibina pada tahun 1893.
- Gereja tertua di negeri Sabah.
- Merupakan gereja granit tertua di Malaysia.
- Terletak di Sandakan, Sabah.

Rumah Ibadat Penganut Agama Buddha, Konfusius dan Tao

Rumah ibadat penganut agama Buddha, dikenali sebagai tokong atau wat, manakala Konfusius dan Tao pula dikenali sebagai tokong.

Wat Boonyaram Padang Sera, Kedah

- Dibina pada tahun 1932.
- Merupakan rumah ibadat bagi masyarakat Siam beragama Buddha di Kedah dan di Perlis.
- Antara wat terbesar di negeri Kedah.
- Terletak di Kodiang, Kubang Pasu, Kedah.



Sumber: Hood Salleh, 2006. *Peoples and Traditions: The Encyclopedia of Malaysia*. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet.

Wat Boonyaram Padang Sera, Kedah.

Tokong Cheng Hoon Teng, Melaka

- Dibina pada tahun 1645.
- Tokong ini dinamakan Cheng Hoon Teng yang bermaksud Kediaman di Awan Hijau.
- Digunakan oleh penganut agama Buddha dan Tao dalam upacara keagamaan.



Tokong Cheng Hoon Teng, Hang Tuah Jaya, Melaka.

Rumah Ibadat Penganut Agama Hindu

Rumah ibadat penganut agama Hindu dikenali sebagai kuil.

Kuil Arulmigu Sri Rajakaliamman, Johor

- Dibina pada tahun 1922.
- Terletak di Jalan Tebrau, Johor Bahru.
- Kuil ini dibina semula daripada kaca pada tahun 1996.
- Tercatat dalam Malaysia Book of Records sebagai kuil kaca pertama dan hanya satu terdapat di Malaysia.



Kuil Arulmigu Sri Rajakaliamman, Johor Bahru, Johor.

Rumah Ibadat Penganut Agama Sikh

Rumah ibadat penganut agama Sikh pula dikenali sebagai gurdwara.



Wadda Gurdwara Sahib, George Town, Pulau Pinang.

Wadda Gurdwara Sahib, Pulau Pinang

- Dibina pada tahun 1901.
- Nama asalnya ialah Diamond Jubilee Sikh Temple.
- Seni binanya berasaskan seni bina Moor dan moden.
- Bangunan gurdwara ini dijadikan tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan.

IMBAS SAYA

Maklumat rumah ibadat di Malaysia.

Mengapakah kita mesti memahami adab ketika berada di rumah ibadat?

GLOSARI

Seni bina Moor merupakan gabungan seni bina Afrika Utara dengan Portugal dan Sepanyol.

Rumah ibadat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan penganutnya. Sebagai warganegara, kita perlu memahami kepentingan menjaga adab kesopanan kita ketika berada di dalam rumah ibadat.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami rumah ibadat dan adab kesopanan ketika berada di dalam rumah ibadat.

11.2.4
K11.2.5



IMBAS KEMBALI

Agama dan Kepercayaan di Malaysia

- Agama Islam, Kristian, Buddha, Hindu, Sikh, Ajaran Konfusius dan Ajaran Tao.
- Kepercayaan Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.
- Kepercayaan Masyarakat di Sarawak dan di Sabah.

Agama Islam dalam Perlembagaan

- Perkara 3 (1)
- Perkara 3 (2)
- Perkara 3 (3)
- Perkara 3 (5)

Kedudukan Agama Lain dalam Perlembagaan

- Perkara 11 (1)
- Perkara 11 (3)(a)

Rumah Ibadat di Malaysia

- Islam - Masjid
- Kristian - Gereja
- Buddha - Tokong dan Wat
  Konfusius dan Tao - Tokong
- Hindu - Kuil
- Sikh - Gurdwara

Unit ini memberikan kefahaman tentang agama dan kepercayaan yang diamalkan oleh rakyat Malaysia. Pengetahuan ini membantu murid untuk mengetahui perayaan kaum yang akan dipelajari dalam unit seterusnya.

FIKIR DAN JAWAB

A Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Yang di-Pertuan Agong	wat	al-Quran	Guru Nanak	Kinorohingan

1. Kitab suci agama Islam dikenali sebagai _____ .
2. Agama Sikh berasaskan ajaran _____ .
3. Masyarakat Kadazandusun mempercayai _____ yang merupakan Tuhan untuk meminta keselamatan dan perlindungan.
4. _____ menjadi Ketua Agama Islam bagi Wilayah Persekutuan.
5. Rumah ibadat masyarakat Siam dikenali sebagai _____.

B Tulis nama rumah ibadat yang berikut:













IMBAS SAYA
Fikir dan jawab



CINTA AKAN NEGARA

Setiap agama menuntut penganutnya menjadi insan yang berbudi pekerti baik dan mempunyai nilai kasih sayang sesama insan. Agama mendidik manusia menghargai keamanan dan kedamaian hidup.

Diri
Kita hendaklah sentiasa patuh kepada ajaran agama supaya menjadi individu yang lebih bertimbang rasa.

Masyarakat
Individu yang bertimbang rasa akan melahirkan masyarakat yang harmoni.

Negara
Masyarakat yang harmoni mampu mewujudkan kesejahteraan negara.

Masjid Negara, Kuala Lumpur.

UNIT 6 PERAYAAN MASYARAKAT DI MALAYSIA



Sinopsis

Keistimewaan Malaysia dapat dilihat daripada kepelbagaian kaum dan perayaan. Unit ini membincangkan perayaan utama masyarakat di Malaysia dan tujuan perayaan tersebut diraikan. Di samping itu, unit ini turut menjelaskan cara sambutan perayaan zaman dahulu dan kini.

Apakah yang akan anda pelajari?

1. Perayaan utama masyarakat di Malaysia.
2. Tujuan sambutan perayaan di Malaysia.
3. Cara sambutan perayaan dahulu dan kini.

Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

AKPS

1. Meneroka bukti pelbagai perayaan yang terdapat di Malaysia.
2. Mengkaji sebab musabab perayaan diadakan di Malaysia.
3. Mencari perbezaan cara sambutan perayaan dahulu dan kini.

Nilai Teras Sivik

- Hormat-menghormati
- Kegembiraan



IMBAS SAYA

Perayaan utama di Malaysia

Perayaan Utama Masyarakat di Malaysia

Malaysia terkenal dengan pelbagai perayaan. Perayaan disambut penuh muhibah dan mementingkan tradisi. Perayaan yang berkaitan dengan keagamaan dan kebudayaan ialah Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Tahun Baharu Cina, Deepavali, Thaipusam, Vaisakhi, Hari Gawai, Pesta Kaamatan, Krismas, Wesak,Tahun Baharu dan San Pedro.



Hari Raya Aidilfitri

- Disambut oleh masyarakat Islam pada 1 Syawal mengikut kalendar Islam.
- Menandakan kegembiraan selepas menjalani ibadah puasa selama sebulan.



Hari Raya Aidiladha

- Disambut oleh masyarakat Islam pada 10 Zulhijah mengikut kalendar Islam. Perayaan ini diteruskan pada hari Tasyrik, iaitu pada 11, 12, dan 13 Zulhijah.
- Umat Islam mengadakan ibadah korban dan memberikan sedekah daging korban tersebut.



Tahun Baharu Cina

- Disambut oleh masyarakat Cina pada hari pertama dalam kalendar Cina.
- Perayaan bermula dengan seluruh ahli keluarga berkumpul untuk makan malam bersama-sama. Perayaan ini berlanjutan selama 15 hari hingga hari "Chap Goh Meh."

Sumber: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, 2006. *Hari-hari Perayaan Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: KeKKwa.

AKTIVITI

Secara berkumpulan, bincangkan bagaimanakah amalan perayaan mampu mengeratkan hubungan kekeluargaan?

Mengapakah masyarakat kita perlu mempertahankan warisan perayaan kita?

NOTA GURU

- Bantu murid memahami perayaan utama yang terdapat di negara kita.

11.3.1
K11.3.4



Deepavali

- Disambut pada bulan Aippasi mengikut kalendar masyarakat Hindu.
- Perayaan ini menandakan kecerahan mengatasi kegelapan atau kebijaksanaan mengatasi kejahilan. Ketika perayaan, penganutnya akan menghias rumah dengan "kolam" dan menyalakan pelita.

Thaipusam

- Thaipusam diraikan pada bulan ke-10 kalendar masyarakat Hindu yang jatuh pada bulan penuh antara akhir Januari hingga awal Februari.
- Bagi pembayar niat, mereka membawa persembahan kepada Dewa Murugan sebagai tanda terima kasih atau meminta hajat lain.





Hari Gawai

- Disambut oleh kaum Dayak, Iban dan Bidayuh pada 1 Jun setiap tahun.
- Perayaan ini untuk menunjukkan tanda kesyukuran terhadap hasil tani yang diperoleh. Semasa perayaan ini, persembahan ngajat turut diadakan di dalam rumah panjang.

Pesta Kaamatan

- Disambut oleh kaum Kadazandusun dan Murut pada bulan Mei setiap tahun.
- Pesta ini disambut oleh golongan petani bagi mensyukuri hasil tuaian. Semasa pesta berlangsung, diadakan upacara ritual Magavau oleh Bobohizan. Tarian sumazau dan pertandingan Unduk Ngadau diadakan bagi memeriahkan sambutan.





Krismas

- Disambut oleh penganut agama Kristian pada 25 Disember setiap tahun.
- Perayaan ini diraikan bersempena dengan memperingati hari kelahiran Jesus Christ. Pemberian hadiah dan nyanyian karol dari rumah ke rumah memeriahkan perayaan ini.



GLOSARI

Karol merupakan nyanyian gembira atau puji-pujian, terutamanya semasa perayaan hari Krismas.



PAK-21 Trade a Problem

1. Bina tiga kumpulan dalam kelas anda.
2. Satu kumpulan membuat perbandingan tentang sambutan perayaan yang terdapat di negara kita.
3. Senaraikan perbandingan ini dan kemudian dihantar kepada kumpulan lain untuk mendapatkan penjelasan. Hasil penjelasan dibentangkan.



Hari Wesak

- Disambut oleh masyarakat beragama Buddha pada bulan Mei setiap tahun.
- Perayaan ini dikaitkan dengan tiga peristiwa penting dalam hidup Siddharta Gautama, iaitu hari kelahiran, hari mencapai kesempurnaan fikiran dan hari nirwananya. Ketika perayaan, penganutnya akan memandikan patung Buddha Siddharta yang bermakna penyucian diri serta mengagihkan makanan kepada sami.

Vaisakhi

- Disambut oleh kaum Sikh pada bulan keempat Vaisakh mengikut kalendar Sikh.
- Pada 14 hari bulan Vaisakh, kaum Sikh akan mengadakan upacara sembahyang di Gurdwara.
- Perayaan ini disambut bagi mensyukuri hasil tanaman. Dari aspek kebudayaan, tarian Bhangra dan Gidha akan disambut di luar kawasan Gurdwara.



Sambutan Tahun Baharu, Genggulang dan Hari Moyang



- Sambutan Tahun Baharu Orang Asli dikenali sebagai sambutan "Tahon Baro" bagi suku Jakun. Suku Semai pula menyebutnya sebagai "Jis Pai". Suku Temuan mengenalinya sebagai "Tahun Bahauk" dan suku Mah Meri menyebutnya sebagai "Tawun Empai". Perayaan ini bermula pada 31 Disember setiap tahun.
- Suku Semai meraikan Hari Genggulang dengan berdoa agar wujud kesejahteraan di kampung.
- Bagi masyarakat Orang Asli di negeri Selangor dan Negeri Sembilan, mereka meraikan "Hari Moyang".

San Pedro

- Disambut oleh masyarakat berketurunan Portugis di Melaka pada bulan Jun setiap tahun.
- Perayaan ini bagi meraikan San Pedro, iaitu penaung nelayan. Kapal-kapal akan dihias indah oleh nelayan. Tarian branyo yang diwarisi sejak dahulu lagi akan ditarikan pada hari tersebut.



Kita perlulah menghormati perayaan kaum lain dan menghargai warisan perayaan ini yang terdiri daripada pelbagai kaum dan kepercayaan. Sikap ini akan membantu kita membentuk masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali jenis perayaan utama di Malaysia.

11.3.1
K11.3.5

Tujuan Perayaan Masyarakat di Malaysia

Perayaan di Malaysia mempunyai beberapa tujuan. Antara tujuannya termasuklah menurut tuntutan agama, meraikan tahun baharu, tanda bersyukur, mengharapkan unsur baik mengatasi kejahatan dan mengingati tokoh agama tersebut.

Keagamaan	1	• Hari Raya Aidilfitri • Hari Raya Aidiladha • Krismas • Thaipusam
Meraikan Tahun Baharu	2	• Tahun Baharu Cina • Tahon Baro • Jis Pai • Tahun Bahauk • Tawun Empai
Mensyukuri Hasil Tanaman atau Hasil Laut	3	• Hari Gawai • Pesta Kaamatan • Vaisakhi • San Pedro
Mengharapkan Unsur Baik Mengatasi Kejahatan	4	Deepavali
Mengingati Tokoh Agama	5	Hari Wesak



PAK-21 Fikir-Pasangan-Kongsi (Think-Pair-Share)

1. Guru mengemukakan soalan tentang perayaan dan tujuan diraikan di negara kita. Guru juga menanyakan kepentingan menghormati kepelbagaian sambutan dan adab perayaan di Malaysia.
2. Murid membentuk kumpulan secara berpasangan dan membincangkan soalan tersebut.
3. Kongsi hasil perbincangan dengan kumpulan lain.

Sebagai rakyat Malaysia, kita wajar menghormati kepelbagaian sambutan dan memelihara warisan perayaan agar negara kita kekal harmoni.



11.3.2
K11.3.5

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal pasti tujuan sesuatu perayaan yang diadakan di Malaysia.

Cara Sambutan Perayaan Dahulu dan Kini

Kemeriahan menyambut perayaan dalam masyarakat pelbagai kaum di negara kita kekal dari dahulu hingga kini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perubahan sambutan perayaan pada masa ini. Antara perubahan tersebut termasuklah cara sambutan, menyampaikan ucapan dan kaedah penyediaan kuih.

Dahulu



Kad ucapan dihantar melalui pos atau serahan tangan.

Kini



Ucapan dihantar menggunakan media elektronik dan media sosial.



Mengambil foto keluarga di kedai gambar.



Swafoto bersama keluarga dan memuat naiknya di media sosial.


AKTIVITI

Melalui kaedah temu bual, dapatkan maklumat tentang perbezaan cara sambutan pelbagai perayaan masyarakat di negara kita dahulu dan kini.

GLOSARI

Swafoto bersama bermaksud gambar dua orang atau lebih yang diambil sendiri dengan menggunakan kamera telefon pintar atau kamera digital.

Dahulu



Tradisi membuat "kolam" daripada tepung ketika perayaan Deepavali.

Kini



"Kolam" dihasilkan daripada beras atau hampas kelapa yang berwarna-warni.



Tradisi makan besar di rumah dengan berkumpul bersama-sama keluarga pada malam Tahun Baharu Cina.



Tradisi tersebut masih diraikan, namun terdapat keluarga yang memilih untuk menikmatinya di restoran atau hotel.



Penyediaan kuih-muih dengan menggunakan bahan dan kaedah tradisional serta dilakukan secara gotong-royong.



Penggunaan peralatan moden memudahkan penyediaan kuih. Selain itu, kuih raya juga mudah dibeli.

Dahulu



Hari Gawai diraikan oleh golongan petani daripada kaum Dayak dengan mengadakan pelbagai upacara ritual.

Kini



Hari Gawai diraikan oleh pelbagai kaum tanpa mengira bidang pekerjaan.



Semasa Pesta Kaamatan, upacara Unduk Ngadau (ratu cantik) diadakan. Pemenang pertandingan Unduk Ngadau dipilih berdasarkan semangat Huminodun, iaitu kesanggupan berkorban untuk menyelamatkan generasinya.



Pada masa ini, pemenang Unduk Ngadau juga dipilih berdasarkan sesi soal jawab tentang sejarah dan kehidupan masyarakat lampau.



TAHUKAH ANDA?

Rumah terbuka ialah rumah yang dapat dikunjungi oleh semua orang, biasanya pada hari-hari perayaan. Kerajaan Malaysia telah memutuskan sebanyak enam perayaan sebagai perayaan utama yang dikenali sebagai Rumah Terbuka Malaysia. Enam perayaan tersebut ialah Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Deepavali, Hari Gawai, Pesta Kaamatan dan Krismas.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami cara sambutan perayaan dahulu dan kini di Malaysia.

Walaupun terdapat banyak perubahan dalam cara sambutan perayaan dahulu dan kini, masih terdapat beberapa amalan yang terus kekal dalam masyarakat.





Tradisi balik ke kampung dalam masyarakat setiap kali menjelang perayaan di Malaysia.

Pemberian duit raya dan angpau kekal sehingga kini.









Amalan kunjung-mengunjungi kekal menjadi amalan budaya masyarakat kita.



PAK-21 SWOT

Bentukkan kumpulan murid yang membincangkan isu:

- Kekuatan untuk mengekalkan warisan perayaan masyarakat di Malaysia.
- Kelemahan untuk mempertahankan warisan perayaan masyarakat di Malaysia.
- Peluang untuk mengekalkan warisan perayaan masyarakat di Malaysia.
- Halangan dan cabaran mengekalkan warisan perayaan masyarakat di Malaysia.

Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya berasa bangga kerana kemeriahan dan sambutan perayaan dapat mengeratkan perpaduan masyarakat demi kesejahteraan negara.



11.3.3
K11.3.6

NOTA GURU

- Bimbing murid membuat analisis SWOT berkaitan dengan sambutan perayaan.



JOM BUAT


Tanglung Mini



Bahan yang diperlukan:


1. Dua helai kertas berwarna merah dan kuning
2. Gam
3. Pita pelekat
4. Gunting
5. Pengokot
6. Pembaris

1



Lipat kertas merah menjadi dua bahagian dan tandakan 2 cm lebar pada bahagian atas lipatan. Buatkan garisan selebar 1 cm.

2



Lekatkan pita pelekat berwarna di bahagian atas dan bawah lipatan kertas merah sebagai hiasan. Gunting pada setiap garisan.

3



Tandakan 2 cm lebar pada kertas kuning dan gunting untuk dibuat tangkai. Kertas kuning selebihnya akan dijadikan alas dalam tanglung.

4



Buka lipatan dan tampalkan hujung bahagian atas dan bawah kertas merah pada kertas kuning.

5



Cantumkan kedua-dua hujung kiri dan kanan kertas dengan pengokot untuk membentuk tanglung.

6



Lekatkan tangkai pada bahagian atas tanglung dengan gam. Tanglung mini yang telah siap boleh digantung untuk hiasan.



IMBAS KEMBALI

1 Perayaan Utama Masyarakat di Malaysia

- Hari Raya Aidilfitri
- Hari Raya Aidiladha
- Tahun Baharu Cina
- Deepavali
- Thaipusam
- Hari Gawai
- Pesta Kaamatan
- Krismas
- Wesak
- Vaisakhi
- Tahun Baharu, Genggulang dan Hari Moyang
- San Pedro

2 Tujuan Perayaan Masyarakat di Malaysia

- Mengingati Tokoh Agama
- Keagamaan
- Meraikan Tahun Baharu
- Mensyukuri Hasil Tanaman atau Hasil Laut
- Mengharapkan Unsur Baik Mengatasi Kejahatan

3 Cara Sambutan Perayaan Dahulu dan Kini

- Perbezaan dahulu dan kini
- Penerusan tradisi lama

Unit ini membincangkan perayaan pelbagai kaum di Malaysia. Kita perlu menghormati adat dan budaya kaum lain agar negara kita kekal sejahtera. Unit seterusnya akan membincangkan kepimpinan negara kita.

FIKIR DAN JAWAB

A Nyatakan tujuan perayaan ini diraikan berdasarkan gambar di bawah.



(i) _____



(ii) _____



(iii) _____



(iv) _____



(v) _____

B Lihat gambar berkaitan dengan perayaan di bawah dan jawab soalan yang diberikan.





Andaikan anda menghadiri majlis Rumah Terbuka. Ceritakan perasaan anda dan kebaikan amalan ini.

_____

IMBAS SAYA

Fikir dan jawab



CINTA AKAN NEGARA

Memahami dan menghayati perayaan di negara kita akan melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan harmoni. Kita perlu mengekalkan tradisi perayaan ini agar kesejahteraan negara kekal berpanjangan.



Diri
Menghayati perayaan yang terdapat di negara kita akan melahirkan insan yang menghormati budaya kaum lain.

Masyarakat
Masyarakat yang menghormati budaya dan adat resam kaum lain akan melahirkan generasi yang hidup sejahtera dan harmoni.

Negara
Masyarakat yang harmoni mampu membentuk negara yang aman dan maju.

UNIT 7

PEMIMPIN NEGARA MALAYSIA



Sinopsis

Perdana Menteri merupakan ketua kerajaan di negara kita. Unit ini akan menerangkan biodata ringkas semua Perdana Menteri Malaysia dan juga bidang tugas berasaskan Perlembagaan Persekutuan. Unit ini juga menerangkan pencapaian negara di bawah kepimpinan setiap Perdana Menteri.

Apakah yang akan anda pelajari?

1. Nama dan biodata ringkas Perdana Menteri Malaysia.
2. Bidang tugas Perdana Menteri.
3. Pencapaian negara di bawah kepimpinan Perdana Menteri.

Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

AKPS

1. Memahami elemen asas sejarah berkaitan dengan biodata dan latar belakang kehidupan Perdana Menteri.
2. Membuat interpretasi tentang bidang tugas rasmi Perdana Menteri.
3. Meneroka bukti signifikan berkaitan dengan pencapaian dan kemajuan negara di bawah kepimpinan setiap Perdana Menteri.

Nilai Teras Sivik

- Bertanggungjawab
- Hormat-menghormati

Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

Kenali Perdana Menteri Kita

Perdana Menteri merupakan ketua kerajaan yang mengetuai pentadbiran negara. Perdana Menteri dilantik secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong yang merupakan Ketua Utama Negara.

Kawan-kawan ...,
Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, Bendahara merupakan Ketua Pembesar kerajaan. Pada masa ini, pentadbiran kerajaan diketuai oleh Perdana Menteri.

Memang betul. Saya pernah membaca buku tentang Kesultanan Melayu Melaka dan buku biodata Perdana Menteri.



Jawatan Perdana Menteri diwujudkan selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Jawatan Perdana Menteri kekal hingga hari ini.

TAHUKAH ANDA?

Perdana Menteri perlu mendapat sokongan majoriti Ahli Dewan Rakyat.

CEPAT JAWAB

Bilakah jawatan Perdana Menteri diwujudkan di negara kita?

Perdana Menteri Kebanggaan Negara

Sejak tahun 1957 hingga tahun 2021, negara kita mempunyai sembilan orang Perdana Menteri. Kita perlu mengetahui latar belakang Perdana Menteri bagi mengenang dan menghargai jasa mereka kepada negara.



Perdana Menteri Pertama
Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah

- Dilahirkan pada 8 Februari 1903 di Alor Setar, Kedah.
- Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Melayu, Jalan Baharu, Alor Setar pada tahun 1909.
- Melanjutkan pelajaran di:
  - Penang Free School.
  - Universiti Cambridge di England dalam bidang undang-undang.
- Berkahwin dengan Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi Barakbah.



Rumah Merdeka tempat penginapan Tunku Abdul Rahman di Alor Setar, Kedah.

- Pernah berkhidmat sebagai:
  - Penolong Pegawai Daerah di Kulim, Kedah.
  - Pegawai Daerah di Padang Terap, Langkawi, Sungai Petani, Kedah.
- Menjadi Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955 dan Perdana Menteri dari 31 Ogos 1957 hingga 22 September 1970.
- Diberi gelaran Bapa Kemerdekaan pada 30 Ogos 1957 di Padang Kelab, Selangor.
- Meninggal dunia pada 6 Disember 1990.



CEPAT JAWAB

Di manakah Tunku Abdul Rahman pernah berkhidmat sebagai Pegawai Daerah?



Perdana Menteri Kedua
Tun Abdul Razak bin Hussein

- Dilahirkan pada 11 Mac 1922 di Pulau Keladi, Pekan, Pahang.
- Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kampung Jambu Langgar, Pahang.
- Melanjutkan pelajaran di:
  - Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak.
  - Raffles College, Singapura.
  - Lincoln's Inn, London dalam bidang undang-undang.
- Berkahwin dengan Tun Rahah binti Mohamed Noah.



Replika rumah kelahiran Tun Abdul Razak di Pulau Keladi, Pekan, Pahang.

- Pernah berkhidmat sebagai:
  - Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.
  - Menteri Besar Pahang.
- Menjadi Perdana Menteri dari 22 September 1970 hingga 14 Januari 1976.
- Mendapat gelaran Bapa Pembangunan atas sumbangan beliau.
- Meninggal dunia pada 14 Januari 1976.



PAK-21
Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Dengan menggunakan sumber Internet yang sahih, catatkan ciri-ciri kepimpinan yang berwibawa dan kepentingan pemimpin yang memiliki ciri-ciri kepimpinan yang berwibawa.
3. Bandingkan maklumat tersebut dengan kumpulan lain.



CEPAT JAWAB

Di manakah Tun Abdul Razak melanjutkan pelajarannya?





Perdana Menteri Ketiga
Tun Hussein bin Onn

- Dilahirkan pada 12 Februari 1922 di Johor Bahru, Johor.
- Mendapat pendidikan awal di Telok Kurau Primary School, Singapura.
- Melanjutkan pelajaran di:
  - English College (Maktab Sultan Abu Bakar, Johor).
  - Indian Military Academy, Dehradun, India.
  - Lincoln's Inn, London dalam bidang undang-undang.
- Berkahwin dengan Tun Suhailah binti Mohamed Noah.



Tun Hussein Onn mendapat pendidikan menengah di Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru, Johor.

- Pernah berkhidmat sebagai:
  - Penolong Pegawai Tadbir di Segamat, Johor.
  - Pegawai Daerah di Klang dan Kuala Selangor.
- Menjadi Perdana Menteri dari 15 Januari 1976 hingga 16 Julai 1981.
- Mendapat gelaran Bapa Perpaduan atas sumbangan beliau kepada negara.
- Meninggal dunia pada 29 Mei 1990.

TAHUKAH ANDA?

Bapa Tun Hussein Onn bernama Dato' Onn bin Jaafar, pengasas Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Dato' Onn bin Jaafar mengetuai orang Melayu menentang Malayan Union yang ditubuhkan oleh British pada 1 April 1946.



Perdana Menteri Keempat
Tun Dr. Mahathir bin Mohamad

- Dilahirkan pada 10 Julai 1925 di Seberang Perak, Alor Setar, Kedah.
- Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Seberang Perak.
- Melanjutkan pelajaran di:
  - Government English School (Kolej Sultan Abdul Hamid), Alor Setar.
  - Kolej Perubatan King Edward VII, Singapura.
  - Universiti Malaya, Singapura dalam bidang perubatan.
- Berkahwin dengan Tun Dr. Siti Hasmah binti Mohd Ali.



Rumah kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad di Alor Setar, Kedah.

- Pernah berkhidmat sebagai:
  - Pegawai perubatan di Alor Setar, Jitra dan Langkawi, Kedah serta Perlis.
  - Menteri Pelajaran Malaysia.
- Menjadi Perdana Menteri dari 16 Julai 1981 hingga 30 Oktober 2003.
- Mendapat gelaran Bapa Pemodenan atas sumbangan beliau kepada negara.

TAHUKAH ANDA?

Pada tahun 1957, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah membuka Klinik MAHA di Alor Setar, Kedah yang masih beroperasi hingga hari ini.

CEPAT JAWAB

Namakan tempat Tun Dr. Mahathir Mohamad berkhidmat sebagai pegawai perubatan.



Perdana Menteri Kelima
Tun Abdullah bin Ahmad Badawi

- Dilahirkan pada 26 November 1939 di Kampung Perlis, Bayan Lepas, Pulau Pinang.
- Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Permatang Bertam, Kepala Batas dan lulus Special Malay Class.
- Melanjutkan pelajaran di:
  - Sekolah Tinggi Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
  - Methodist Boys School, Pulau Pinang.
  - Universiti Malaya dalam bidang Pengajian Islam.
- Berkahwin dengan Datin Seri Endon binti Dato' Mahmood.
- Selepas Datin Seri Endon meninggal dunia, beliau berkahwin dengan Tun Jeanne binti Abdullah.



Tun Abdullah Ahmad Badawi mendapat pendidikan menengah di Sekolah Tinggi Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

- Pernah berkhidmat sebagai:
  - Setiausaha Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).
  - Ketua Pengarah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Menjadi Perdana Menteri dari 31 Oktober 2003 hingga 3 April 2009.
- Mendapat gelaran Bapa Pembangunan Modal Insan atas sumbangan beliau kepada pembangunan negara.



CEPAT JAWAB

Apakah jawatan Tun Abdullah Ahmad Badawi sebelum menjadi Perdana Menteri?



Perdana Menteri Keenam
Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak

- Dilahirkan pada 23 Julai 1953 di Kuala Lipis, Pahang.
- Mendapat pendidikan rendah dan menengah di St. John Institution, Kuala Lumpur.
- Melanjutkan pelajaran di:
  - Universiti Nottingham, England dalam bidang ekonomi industri.
- Berkahwin dengan Datin Sri Rosmah binti Mansor.



Rumah kelahiran Dato' Sri Mohd Najib Abdul Razak di Kuala Lipis, Pahang.

- Pernah berkhidmat sebagai:
  - Pengurus Perhubungan Awam di Bank Negara Malaysia dan Petronas.
  - Menteri Besar Pahang.
- Menjadi Perdana Menteri dari 3 April 2009 hingga 9 Mei 2018.
- Memperkenalkan Gagasan 1Malaysia.



Perdana Menteri Ketujuh
Tun Dr. Mahathir bin Mohamad

- Menjadi Perdana Menteri kali kedua pada 10 Mei 2018 hingga 24 Februari 2020.
- Pernah berkhidmat sebagai:
  - Pengerusi PETRONAS.
  - Penasihat PROTON.
- Meneruskan kerjasama dengan negara luar melalui lawatan, antaranya ke Jepun, Thailand dan United Kingdom.
- Memperkenalkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.



Perdana Menteri Kelapan
Tan Sri Mahiaddin bin Md Yassin

- Dilahirkan pada 15 Mei 1947 di Muar, Johor.
- Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Ismail, Muar, Johor.
- Melanjutkan pelajaran di:
  - Government English School (Sekolah Tinggi Muar, Johor).
  - Universiti Malaya, Kuala Lumpur dalam bidang Ekonomi dan Pengajian Melayu.
- Berkahwin dengan Puan Sri Noorainee binti Abdul Rahman.



Sekolah Tinggi Muar, Johor tempat Tan Sri Mahiaddin Md Yassin mendapat pendidikan sekolah menengah.

- Pernah berkhidmat sebagai:
  - Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.
  - Menteri Besar Johor.
- Menjadi Perdana Menteri dari 1 Mac 2020 hingga 16 Ogos 2021.



Perdana Menteri Kesembilan
Dato' Seri Ismail Sabri bin Yaakob

- Dilahirkan pada 18 Januari 1960 di Temerloh, Pahang.
- Mendapat pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Bangau, Temerloh, Pahang.
- Melanjutkan pelajaran di:
  - Sekolah Menengah Air Putih, Kuantan, Pahang.
  - Sekolah Menengah Teknik Kuantan, Pahang.
  - Universiti Malaya dalam bidang undang-undang.
- Berkahwin dengan Datin Seri Muhaini binti Zainal Abidin.



Sekolah Menengah Air Putih, Kuantan, Pahang tempat Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob mendapat pendidikan sekolah menengah.
Sumber: Sekolah Menengah Air Putih, Kuantan, Pahang.

- Pernah berkhidmat sebagai:
  - Peguam.
  - Menteri Belia dan Sukan.
  - Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.
  - Menjadi Perdana Menteri pada 20 Ogos 2021.

Latar belakang pendidikan dan pengalaman perkhidmatan setiap Perdana Menteri Malaysia menyumbang kepada pentadbiran negara yang sistematik dan berkesan.

12.1.1

NOTA GURU

- Bimbing murid mengetahui biodata semua Perdana Menteri Malaysia.

Tugas-tugas Perdana Menteri

Perdana Menteri dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Perdana Menteri dibantu oleh Jemaah Menteri, kementerian-kementerian dan kakitangan perkhidmatan awam dalam pengurusan pentadbiran negara.

Menasihati Yang di-Pertuan Agong berkaitan dengan pemerintahan negara



Tun Abdullah Ahmad Badawi dengan Yang di-Pertuan Agong ke-13.
Sumber: BERNAMA.

Mengiringi Yang di-Pertuan Agong ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja



Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak mengiringi Yang di-Pertuan Agong ke-15 dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja.
Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia.

Mencadangkan senarai Jemaah Menteri untuk dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong



Barisan Jemaah Menteri yang dilantik di bawah kepimpinan Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob.
Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia.

Mempengerusikan Mesyuarat Jemaah Menteri



Mesyuarat Jemaah Menteri yang pertama selepas kemerdekaan yang dipengerusikan oleh Tunku Abdul Rahman.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Sumber: Institut Tadbiran Awam Negara, 1993. *Negara Kita: Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-dasar Pembangunan*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara Malaysia.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami tugas dan peranan Perdana Menteri.

Menjadi ketua pentadbir utama yang merancang dan menyelaraskan semua dasar negara



Tun Dr. Mahathir Mohamad mengadakan mesyuarat dengan Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.
Sumber: Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Memastikan semua dasar pembangunan negara dapat ditingkatkan demi kesejahteraan rakyat



Tun Abdul Razak Hussein meninjau perkembangan tanaman getah di kawasan Felda Lurah Bilut, Pahang.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Menjalin hubungan diplomatik dan persahabatan dengan negara luar



Pertemuan Tun Hussein Onn dengan Presiden Anwar Sadat pada tahun 1977 telah mengukuhkan hubungan Malaysia-Mesir.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Mencadangkan pelantikan duta, diplomat dan konsulat bagi mewakili negara untuk menjalin kerjasama dengan negara lain



Watikah pelantikan duta Malaysia ke Rusia oleh Yang di-Pertuan Agong semasa pentadbiran Tan Sri Mahiaddin Md Yassin.
Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia.

Perdana Menteri mempunyai tanggungjawab untuk memajukan negara demi kesejahteraan rakyat. Oleh itu, kita perlu menghargai jasa dan sumbangan pemimpin demi kemajuan negara.

Mengapakah jawatan Perdana Menteri penting kepada pentadbiran sesebuah negara?

CEPAT JAWAB

Nyatakan bidang tugas Perdana Menteri.


12.1.2
K12.1.5

Pencapaian Negara di Bawah Kepimpinan Perdana Menteri

Pencapaian negara di bawah kepimpinan Perdana Menteri dapat meningkatkan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang cemerlang dan bersatu padu. Kewibawaan semua Perdana Menteri dapat memastikan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat dilaksanakan secara berterusan.

1 Kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

- Memperjuangkan kemerdekaan negara secara rundingan.
- Berjaya merealisasikan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963.



Laungan kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Tun Abdul Razak Hussein memberikan penerangan berkaitan dengan DEB.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.

2 Kepimpinan Tun Abdul Razak Hussein

- Mengembalikan keamanan negara selepas peristiwa 13 Mei 1969 melalui pentadbiran Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).
- Memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk membasmi kemiskinan rakyat dan menyusun semula masyarakat berbilang kaum.

Bagaimanakah anda menyatakan penghargaan kepada pemimpin negara?

K12.1.5



Tun Hussein Onn semasa pelancaran Amanah Saham Nasional.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

3 Kepimpinan Tun Hussein Onn

- Memperkenalkan Amanah Saham Nasional Berhad untuk memudahkan kaum bumiputera memiliki saham dalam syarikat berhad.
- Memperkenalkan Program Rukun Tetangga untuk menggalakkan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

4 Kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad

- Merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai negara maju melalui Wawasan 2020 dengan pembinaan Pusat Pentadbiran Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Menara Berkembar Petronas di Kuala Lumpur City Centre (KLCC).
- Memperkenalkan sektor perindustrian berteknologi tinggi melalui penubuhan The Heavy Industries Corporation of Malaysia Berhad (HICOM).

IMBAS SAYA
Wawasan 2020



Pembangunan Koridor Wilayah Ekonomi Selatan (Iskandar Malaysia) di Johor.

5 Kepimpinan Tun Abdullah Ahmad Badawi

- Memperkenalkan Koridor Wilayah Ekonomi untuk memastikan pembangunan ekonomi seimbang dan kemasukan pelaburan yang besar.
- Memperkenalkan Pelan Integriti Nasional (PIN) untuk membina masyarakat yang bermoral dan beretika.

TAHUKAH ANDA?

HICOM memfokuskan perindustrian kejuruteraan automotif dan perkapalan, besi dan keluli serta kilang penapisan petroleum.

CEPAT JAWAB

Namakan pelan yang diperkenalkan untuk mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika.

6 Kepimpinan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak

- Memperkenalkan Gagasan 1Malaysia pada 3 April 2009. Gagasan ini bertujuan untuk memperkukuh hubungan dan kerjasama antara kaum demi kesejahteraan negara.
- Melancarkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang bermatlamat untuk menjadikan negara berpendapatan tinggi selaras dengan Wawasan 2020.



Logo rasmi Gagasan 1Malaysia dengan moto "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".
Sumber: www.penerangan.gov.my.

7 Kepimpinan Tan Sri Mahiaddin Md Yassin



Poster berkaitan dengan usaha rakyat Malaysia berhadapan dengan situasi pandemik COVID-19.
Sumber: www.mkn.gov.my.

- Menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi (MTE) untuk menggalakkan pertumbuhan sosioekonomi dan meningkatkan pelaburan.
- Mengumumkan peruntukan besar dari segi kewangan untuk membantu rakyat susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa pandemik COVID-19.

IMBAS SAYA
COVID-19

8 Kepimpinan Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob

- Memperkenalkan konsep Keluarga Malaysia yang mengambil semangat institusi keluarga dalam memelihara agama, melindungi keselamatan, menjaga maruah dan memastikan nasib setiap ahli keluarga terbela.
- Konsep Keluarga Malaysia meraikan keterangkuman yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa, kaum dan usia.

Sumber: www.pmo.gov.my

Perdana Menteri menjalankan tugas dengan penuh prihatin dan bertanggungjawab untuk pembangunan negara serta kesejahteraan rakyat. Oleh itu, kita perlulah memahami kepentingan memberikan sokongan kepada kepemimpinan negara bagi memastikan kedaulatan negara dan perpaduan rakyat kekal terpelihara.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami pencapaian negara di bawah kepimpinan Perdana Menteri.



IMBAS KEMBALI



1 **Kenali Perdana Menteri Kita**

2 **Perdana Menteri Kebanggaan Kita**



3 **Tugas Perdana Menteri**

- Menjadi Penasihat kepada Yang di-Pertuan Agong
- Mengetuai Jemaah Menteri
- Menjadi Ketua Pentadbir Utama
- Menjalin hubungan diplomatik dan persahabatan.

4 **Pencapaian Negara di Bawah Kepimpinan Perdana Menteri**

- Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
- Tun Abdul Razak bin Hussein
- Tun Hussein bin Onn
- Tun Dr. Mahathir bin Mohamad
- Tun Abdullah bin Ahmad Badawi
- Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak
- Tan Sri Mahiaddin bin Md Yassin
- Dato' Seri Ismail Sabri bin Yaakob

Unit ini menerangkan biodata Perdana Menteri dan bidang tugasnya. Sumbangan Perdana Menteri telah membawa kejayaan kepada Malaysia pada peringkat dunia yang akan dipelajari dalam unit seterusnya.



FIKIR DAN JAWAB

A Cari maklumat daripada buku-buku dan sumber Internet yang sahih.

B Kemudian lengkapkan jadual di bawah.

C Kongsikan maklumat dengan rakan lain di dalam kelas.

Nama Perdana Menteri	Sumbangan
Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj	
Tun Abdul Razak bin Hussein	
Tun Hussein bin Onn	
Tun Dr. Mahathir bin Mohamad	
Tun Abdullah bin Ahmad Badawi	
Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak	
Tan Sri Mahiaddin bin Md Yassin	
Dato' Seri Ismail Sabri bin Yaakob	

IMBAS SAYA
Fikir dan jawab

NOTA GURU

- Bimbing murid untuk mencari maklumat berkaitan dengan sumbangan setiap Perdana Menteri Malaysia kepada bangsa dan negara.

CINTA AKAN NEGARA

Setiap pemimpin yang memberikan sumbangan kepada bangsa dan negara wajar disanjungi. Pengorbanan pemimpin perlu dicontohi dan dijadikan iktibar dalam kehidupan setiap warganegara Malaysia.



Galeria Perdana, Pulau Langkawi, Kedah.

UNIT 8

KEMAJUAN EKONOMI MALAYSIA



Kuching, Sarawak.

Sinopsis

Perkembangan ekonomi negara kita bermula sebelum zaman penjajahan hingga kini. Kemajuan ini bergantung pada sumbangan pelbagai sektor ekonomi. Unit ini akan membincangkan perkembangan awal sektor ekonomi negara, kegiatan ekonomi yang menyumbang kepada kemajuan negara dan menghuraikan pencapaian ekonomi. Hal ini membawa kemakmuran negara.

Apakah yang akan anda pelajari?

1. Perkembangan awal ekonomi negara mengikut sektor.
2. Kegiatan ekonomi yang menyumbang kepada kemajuan negara.
3. Pencapaian ekonomi negara.

Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

AKPS

1. Meneroka bukti signifikan perkembangan awal kegiatan ekonomi di Malaysia.
2. Mengenal pasti sumber berkaitan dengan kegiatan ekonomi yang menyumbang kepada kemajuan negara.
3. Melihat perubahan dan kesinambungan terhadap pencapaian ekonomi yang membanggakan negara.

Nilai Teras Sivik

Bertanggungjawab



1980-an

2020

Pelabuhan Klang, Selangor.

Perkembangan Awal Ekonomi Malaysia

Perkembangan awal ekonomi negara kita melibatkan sektor pertanian dan perlombongan. Kegiatan ekonomi sektor ini berbentuk tradisional dan kini telah dikembangkan peranannya serta diusahakan secara komersial.

1 Ekonomi Tradisional

- Diusahakan secara kecil-kecilan.
- Menggunakan peralatan mudah seperti cangkul dan sabit.
- Memerlukan modal yang kecil dan tenaga kerja yang tidak banyak.
- Bertujuan untuk keperluan sendiri dan keluarga.

Sektor Pertanian

Sektor Perlombongan







Mengusahakan sawah padi.

Sumber: Perpustakaan Awam Kedah.



Aktiviti melombong menggunakan kaedah mendulang.

Sumber: www.ipohworld.org



CEPAT JAWAB

Apakah kaedah tradisional aktiviti perlombongan?

Pengenalan ekonomi komersial mendorong perkembangan kawasan perladangan dalam sektor pertanian dan menggalakkan pembukaan bandar-bandar di kawasan perlombongan. Perubahan ini membawa kemajuan dan kemakmuran negara.

2 Ekonomi Komersial

- Diusahakan secara perladangan.
- Menggunakan peralatan moden seperti mesin dan jentera penuai.
- Memerlukan modal yang besar dan tenaga buruh yang banyak.
- Bertujuan untuk kegunaan tempatan dan eksport.

Sektor Pertanian

Sektor Perlombongan



Penggunaan jentera penuai.



Penggunaan jentera kapal korek.



Perladangan getah.



Lombong emas di Sungai Lebir, Kelantan.

Sektor pertanian dan perlombongan telah menyumbang kepada pendapatan negara.

AKTIVITI

Cari maklumat tentang kegiatan ekonomi ahli keluarga anda. Bentangkan.

Pada pendapat anda, mengapakah kemajuan ekonomi penting bagi mengekalkan kemakmuran negara?

12.2.1
K12.2.4

NOTA GURU

- Bantu murid memahami perkembangan awal ekonomi negara.

Kegiatan Ekonomi Pemacu Kemajuan Negara

Perkembangan pelbagai kegiatan ekonomi dalam sektor industri di negara kita telah menyumbang kepada pendapatan dan kemajuan negara. Kini, beberapa industri baharu telah muncul termasuklah industri getah dan kelapa sawit, petroleum dan gas, automotif dan pelancongan.



Sumber: Osman Rani, 2007. *The Economy: The Encyclopedia of Malaysia*. Kuala Lumpur: Archipelago Press dan Editions Didier Millet.

PAK-21 Pasangan Bual (Talk Partners)

1. Bentukkan empat kumpulan.
2. Cadangkan kepentingan menyokong usaha meningkatkan ekonomi negara kita.
3. Laporkan hasil perbincangan tersebut.

AKTIVITI

Senaraikan industri yang terdapat di negara kita. Bentangkan di hadapan kelas.

12.2.2
K12.2.5

Industri Getah dan Kelapa Sawit

Industri getah dan kelapa sawit yang bermula sejak awal abad ke-20 merupakan sektor pertanian utama yang merangsang kemajuan ekonomi Malaysia.

Menjanakan Ekonomi Negara



1 Meningkatkan Pendapatan Negara

- Hasil getah dieksport seperti sarung tangan dan benang lateks.
- Hasil kelapa sawit yang dieksport ialah minyak mentah dan minyak yang telah diproses.

2 Menyediakan Peluang Pekerjaan

- Perladangan getah dan kelapa sawit memerlukan tenaga kerja yang banyak.
- Menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk.





3 Mewujudkan Industri Hiliran

- Industri hiliran bermaksud kegiatan yang berkembang daripada kegiatan ekonomi utama. Contohnya, pembuatan perabot daripada kayu getah.
- Menyumbang kepada pendapatan negara menerusi pasaran tempatan dan antarabangsa.

4 Memajukan Industri Asas Tani

- Meningkatkan pengeluaran bahan makanan tempatan.
- Menjanakan pendapatan penduduk.



5 Membangunkan Industri Biodiesel

- Industri kelapa sawit turut menghasilkan biodiesel sawit.
- Kelapa sawit diproses menjadi pelbagai produk seperti minyak dan sabun.



GLOSARI

Biodiesel bermaksud bahan buangan organik yang digunakan sebagai bahan api.

Industri Petroleum dan Gas

Industri petroleum di negara kita bermula pada tahun 1910 di Miri, Sarawak. Penubuhan Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1974 berjaya memajukan industri petroleum dan gas negara.





Stesen minyak.






Cari gali minyak di luar pesisir pantai.



Pusat pemprosesan di darat.





The Grand Old Lady, Miri, Sarawak merupakan telaga minyak yang pertama di negara kita.

Permintaan tinggi dunia terhadap petroleum menjadikan industri petroleum sebagai penjana kemajuan ekonomi negara. Penubuhan PETRONAS berjaya memberikan pulangan pendapatan yang tinggi kepada ekonomi negara.

IMBAS SAYA

Kawasan cari gali minyak

Industri Automotif

Industri automotif di negara kita mula diperkenalkan pada tahun 1983. Sokongan dan keyakinan rakyat menjadikan industri ini satu daripada penyumbang ekonomi negara.

PROTON

Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. juga dikenali sebagai PROTON. Kilang pembuatan kereta nasional yang pertama telah ditubuhkan pada tahun 1983 di Shah Alam, Selangor. Kilang kedua dibina di Tanjung Malim, Perak pada tahun 2005.



Model Proton Saga tahun 1985.

Sumber: Abdul Aziz Abdul Rahman dan Sumangala Pillai, 1997. *MAHATHIR Kepimpinan dan Wawasan dalam Sains dan Teknologi.* Serdang: Universiti Putra Malaysia.

PROTON merupakan pengeluar kereta pertama di Malaysia. Proton Saga merupakan model kereta pertama negara yang dikeluarkan pada bulan Julai 1985. Kejayaan ini mendorong perkembangan industri berat dan teknologi di negara kita.

TAHUKAH ANDA?

Sebelum model Saga dilancarkan, pertandingan memilih nama kereta nasional telah diadakan. Pemenangnya ialah Encik Ismail bin Jaafar. Beliau telah menerima hadiah sebuah kereta Proton Saga 1.3L.



Pada tahun 2018, PROTON menjalin usaha sama pengeluaran kereta dengan perusahaan automotif Geely Holding Group untuk mengeluarkan model baharu.





Produk PERODUA, Nippa dieksport ke United Kingdom.

PERODUA

Penubuhan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. atau PERODUA pada tahun 1993 merancakkan perkembangan ekonomi negara.



Model pertama PERODUA, Kancil dikeluarkan pada tahun 1994.





Perkembangan industri automotif di negara kita telah meningkatkan ekonomi negara. Pendapatan negara tidak lagi hanya bergantung pada bidang pertanian. Pencapaian industri ini membanggakan negara.

Industri Pelancongan

Industri pelancongan turut memberikan sumbangan yang besar ke arah kemakmuran negara. Malaysia yang memiliki pelbagai keistimewaan berjaya menarik pelancong.

Pelbagai promosi diadakan seperti Kempen Tahun Melawat Malaysia yang dianjurkan sejak tahun 1990 bertujuan untuk menarik kedatangan pelancong ke negara kita.

Antara Keistimewaan Malaysia yang Menjadi Tarikan Pelancong:

Tapak dan Bangunan Bersejarah

- Pengekalan tapak warisan bersejarah di negara kita amat berharga bagi industri pelancongan.
- Pemuliharaan hasil seni bina tradisional berjaya menarik kedatangan pelancong luar.



Kota A Famosa, Melaka.



Istana Kenangan, Perak.



Candi Bukit Batu Pahat, Lembah Bujang, Kedah.




CEPAT JAWAB

Bilakah kali pertama Kempen Tahun Melawat Malaysia dianjurkan?

Keindahan Alam Semula Jadi

- Kepelbagaian flora dan fauna negara kita menarik kedatangan pelancong luar.
- Keunikan bentuk muka bumi seperti pulau, laut dan tanah tinggi menjadi destinasi pilihan pelancong.



Gunung Kinabalu, Sabah.

Taman Negeri Royal Belum, Perak.



Pulau Langkawi, Kedah.



Gua Niah, Sarawak.

Keharmonian Masyarakat dan Keunikan Budaya

- Keharmonian hidup masyarakat pelbagai kaum menjamin keselamatan pelancong.
- Keunikan budaya pelbagai kaum menjadi tarikan kepada pelancong.
- Pelancong juga berpeluang untuk menikmati aneka makanan tempatan pelbagai kaum.



Aneka makanan tempatan.



AKTIVITI

Secara berkumpulan, kumpulkan maklumat berkaitan dengan pelancongan kesihatan. Bentangkan hasil dapatan secara kreatif.



Sumber: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Agropelancongan

- Pelancongan yang berasaskan pertanian, perikanan, penternakan dan industri asas tani.
- Pelancong berpeluang merasai cara hidup sebenar rakyat Malaysia seperti konsep inap desa, iaitu menginap sementara bersama-sama keluarga penduduk tempatan.





Penganjuran Sukan, Muzik dan Pameran Antarabangsa

- Penganjuran perlumbaan Formula One di Sepang dan *Le Tour de Langkawi* telah menarik kedatangan pelancong yang meminati sukan tersebut.
- Penganjuran Festival Muzik Hutan Hujan Sedunia di Sarawak turut mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.
- Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA) merupakan pameran maritim dan aeroangkasa antarabangsa yang dianjurkan pada setiap dua tahun di Pulau Langkawi, Kedah.





AKTIVITI

Dengan menggunakan pelbagai sumber, kumpulkan logo penganjuran pameran LIMA. Pamerkan secara kreatif.

Pada pendapat anda, bagaimanakah rakyat dapat berkongsi kemakmuran negara?

Kegiatan ekonomi negara yang melibatkan pelbagai sektor telah menyumbang kepada pendapatan negara. Kita perlu bersyukur dan berbangga akan kemakmuran yang terdapat di Malaysia.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kegiatan ekonomi yang menyumbang kepada kemajuan negara.

12.2.2
K12.2.4

Pencapaian Ekonomi Malaysia

Keluaran barangan jenama Malaysia membanggakan kita. Produk industri pertanian, industri automotif dan petroleum keluaran negara kita telah mencapai kualiti untuk kegunaan tempatan dan antarabangsa.

Kempen "Beli Barangan Buatan Malaysia" dilancarkan pada tahun 1985. Antara barangan buatan Malaysia termasuklah perabot, barangan elektrik dan elektronik serta produk makanan.



Produk Pertanian


Minyak masak


Buah durian


Sabun


Buah nanas

Produk Petroleum


Minyak petrol


Minyak pelincir kenderaan



Gas untuk memasak

Produk Automotif


Motosikal


Kereta

AKTIVITI

Secara berkumpulan, nyatakan kelebihan membeli dan menggunakan barangan buatan Malaysia. Bentangkan secara kreatif bagi menunjukkan perasaan bangga anda.

12.2.3
K12.2.6

Pencapaian pesat ekonomi negara dapat dilihat menerusi pembangunan infrastruktur, jaringan perhubungan moden yang terancang dan kegiatan e-dagang.



Pembangunan

Kewujudan bangunan pencakar langit merupakan mercu tanda yang menjadi lambang kemakmuran negara kita.

Perhubungan

Jaringan perhubungan moden yang terancang mendorong kepada kesinambungan pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Perdagangan

Kegiatan e-dagang yang semakin berkembang membuka peluang kepada rakyat untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Pencapaian pesat ekonomi membawa kemajuan kepada negara. Kita harus berasa bangga serta bersyukur dengan kemakmuran yang dikongsi bersama ini.



GLOSARI

E-dagang bermaksud proses menjalankan urusan perniagaan melalui rangkaian Internet.



AKTIVITI

Secara kreatif, hasilkan barangan jenama anda sendiri. Jual kepada rakan pada hari keusahawanan sekolah anda.

NOTA GURU

- Bimbing murid melihat perubahan dan kesinambungan pencapaian ekonomi negara.



12.2.3



IMBAS KEMBALI

Perkembangan Awal Ekonomi Malaysia

Perkembangan awal ekonomi di Malaysia melibatkan sektor pertanian dan perlombongan.

- Ekonomi Tradisional
  - Diusahakan secara kecil-kecilan.
  - Bertujuan untuk keperluan sendiri dan keluarga.
- Ekonomi Komersial
  - Diusahakan secara perladangan.
  - Bertujuan untuk kegunaan tempatan dan eksport.



Kegiatan Ekonomi Pemacu Kemajuan Negara

Kemajuan ekonomi dalam pelbagai sektor menyumbang kepada pendapatan negara serta mengekalkan kemakmuran.

- Industri getah dan kelapa sawit.
- Industri petroleum dan gas.
- Industri automotif.
- Industri pelancongan.





Pencapaian Ekonomi Malaysia

- Pencapaian ekonomi negara melalui keluaran barangan berjenama Malaysia.
- Pencapaian ekonomi negara dapat dilihat melalui pembangunan, perhubungan dan perdagangan.




Unit ini memberikan pemahaman tentang perkembangan dan kemajuan ekonomi negara yang membanggakan kita. Unit seterusnya, murid akan mempelajari sukan kebanggaan Malaysia.



FIKIR DAN JAWAB

Lengkapkan peta buih berganda tentang industri getah dan kelapa sawit berdasarkan maklumat yang diberikan.

Biodiesel	Minyak masak	Pertanian tradisional	Benang lateks
Meningkatkan pendapatan	Peralatan mudah	Sarung tangan	Minyak mentah
Industri perabot	Perladangan	Peluang pekerjaan	



IMBAS SAYA
Fikir dan jawab

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami peta buih berganda dan melengkapkannya.
- Aktiviti boleh dijalankan secara individu atau berkumpulan.

CINTA AKAN NEGARA

Perkembangan dan kemajuan ekonomi negara yang kita nikmati pada hari ini merupakan hasil kebijaksanaan para pemimpin mengurus sumber pertanian, sumber asli dan pembuatan. Sokongan rakyat terhadap usaha membangunkan ekonomi negara membawa kemajuan dan kemakmuran negara kita.





UNIT 9

SUKAN KEBANGGAAN MALAYSIA





Sinopsis

Pembangunan sukan di negara kita berlaku secara terancang menerusi pelibatan pelbagai pihak. Unit ini membincangkan pencapaian Malaysia dalam bidang sukan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta peranan sukan sebagai alat perpaduan. Selain itu, unit ini juga menjelaskan peranan Malaysia dalam penganjuran sukan antarabangsa dan pelibatan tokoh sukan yang menjadi inspirasi masyarakat dalam bidang sukan pada masa ini.

Apakah yang akan anda pelajari?

1. Pencapaian Malaysia dalam bidang sukan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
2. Peranan sukan sebagai alat perpaduan.
3. Peranan Malaysia dalam penganjuran sukan antarabangsa.
4. Pelibatan tokoh sukan negara terdahulu yang menjadi inspirasi kepada sukan masa ini.

Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

AKPS

1. Meneroka bukti signifikan pencapaian Malaysia dalam bidang sukan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
2. Menguasai elemen asas sejarah berkaitan dengan peranan Malaysia dalam penganjuran sukan antarabangsa.
3. Melihat perubahan dan kesinambungan pelibatan tokoh sukan negara terdahulu dengan pembangunan sukan pada masa ini.

Nilai Teras Sivik

- Kegembiraan
- Bertanggungjawab



IMBAS SAYA

Detik bersejarah sukan Malaysia



Pencapaian Sukan Kebanggaan Malaysia

Pencapaian hebat bidang sukan negara bermula pada peringkat kebangsaan dan cemerlang pada peringkat antarabangsa. Pencapaian ini diperoleh daripada penganjuran pertandingan sukan dan peranan persatuan-persatuan sukan pada peringkat kebangsaan.

Badminton

1. Sukan badminton di negara kita dimajukan oleh Persatuan Badminton Malaysia (BAM) yang ditubuhkan pada tahun 1960.
2. • BAM menganjurkan Kejohanan Badminton Kebangsaan.
   • Berjaya melahirkan atlet kebanggaan seperti Punch Gunalan, Misbun Sidek dan Lee Chong Wei.
3. • Pencapaian sukan badminton negara cemerlang pada peringkat antarabangsa. Contohnya, atlet negara muncul juara sebanyak lima kali Kejohanan Piala Thomas dan memenangi pingat perak dan gangsa Sukan Olimpik.
   • Pernah menjuarai Kejohanan Badminton Terbuka All England bagi acara beregu dan individu lelaki.

Bola Sepak

1. Sukan bola sepak di negara kita dibangunkan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) yang ditubuhkan pada tahun 1963.
2. • FAM menganjurkan Pertandingan Bola Sepak Liga Malaysia.
   • Berjaya melahirkan ramai pemain berbakat yang mewakili pasukan kebangsaan seperti Soh Chin Ann, James Wong dan Safawi Rasid.
3. • Pasukan bola sepak negara mencipta kejayaan pada peringkat antarabangsa. Contohnya, melayakkan diri ke Sukan Olimpik Munich 1972 dan Moscow 1980.
   • Menjuarai Piala Suzuki AFF tahun 2010.

TAHUKAH ANDA?

Mohd Faiz Subri ketika menjadi pemain bola sepak pasukan Pulau Pinang pernah memenangi anugerah antarabangsa PUSKAS FIFA 2016.



CEPAT JAWAB

Nyatakan persatuan sukan yang ditubuhkan pada tahun 1963.

Olahraga



Rabuan Pit

1. Sukan olahraga di negara kita berkembang di bawah Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) yang ditubuhkan pada tahun 1952. KOAM kini dikenali sebagai Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM).

2. - KOM menganjurkan Kejohanan Olahraga Kebangsaan.
   - Berjaya melahirkan atlet kebangsaan berwibawa seperti Dr. M. Jegathesan, Rabuan Pit dan Watson Nyambek.

3. - Sukan olahraga melakar kejayaan pada peringkat antarabangsa apabila atlet negara memenangi pingat emas dalam acara 100 meter Sukan Asia pada tahun 1966 dan 1982.
   - Membantu negara muncul sebagai juara Kejohanan Sukan SEA 2017 dengan menyumbang lapan pingat emas.

Hoki

1. Sukan hoki di negara kita digerakkan oleh Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) yang ditubuhkan pada tahun 1953.

2. - MHC menganjurkan Pertandingan Liga Hoki Kebangsaan.
   - Berjaya melahirkan pemain berbakat untuk mewakili pasukan negara seperti Poon Fook Loke, Sarjit Singh dan Mirnawan Nawawi.

3. - Pasukan hoki negara mencatat kejayaan pada peringkat antarabangsa dengan berjaya melayakkan diri sebanyak lapan kali dalam Kejohanan Hoki Piala Dunia.
   - Menduduki tempat keempat dalam Kejohanan Hoki Piala Dunia pada tahun 1975 dan menjadi naib juara Sukan Komanwel 1998.

AKTIVITI

Secara berkumpulan, kumpulkan maklumat tentang perkembangan sukan yang anda minati. Bentangkan secara kreatif dalam bentuk carta alir.


12.3.1

NOTA GURU

- Bimbing murid melihat perubahan dan kesinambungan pelibatan tokoh sukan negara terdahulu dengan pembangunan sukan pada masa ini.

Atlet-atlet Kebanggaan Negara

Negara kita berjaya melahirkan atlet daripada pelbagai kaum yang cemerlang dalam bidang sukan. Pencapaian mereka hingga peringkat antarabangsa menjadi kebanggaan rakyat Malaysia.



Lee Chong Wei

- Pemegang gelaran pemain badminton nombor satu dunia bagi tahun 2006, 2008, 2012 dan 2013.
- Juara Perseorangan Lelaki Terbuka All England sebanyak empat kali.
- Dinobatkan Anugerah Pemain Lelaki Terbaik sebanyak lima kali oleh Persekutuan Badminton Dunia (BWF).



Nicol Ann David

- Pemegang gelaran pemain skuasy wanita nombor satu dunia paling lama, iaitu selama 108 bulan.
- Menjuarai Kejohanan Terbuka Dunia sebanyak lapan kali dan pernah mengungguli Kejohanan Terbuka British, Terbuka Hong Kong serta Qatar Klasik.
- Dinobatkan Anugerah Atlet Terunggul Sepanjang Zaman Sukan Dunia 2021.



S. Kuhan

- Penjaring terbanyak Liga Hoki Malaysia tahun pada 1997, 1999 dan 2003.
- Merupakan ketua pasukan hoki Malaysia dari tahun 2000 hingga tahun 2006.
- Mewakili negara sebanyak 341 kali dalam pelbagai kejohanan utama hoki seperti Piala Dunia, Sukan Olimpik, Cabaran Juara-Juara, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Piala Asia.



Pandelela Rinong anak Pamg

- Atlet sukan terjun papan anjal dan merupakan penyumbang pingat gangsa pertama bagi negara dalam Sukan Olimpik London 2012.
- Atlet wanita pertama sebagai pembawa bendera kontinjen Malaysia dalam upacara pembukaan Sukan Olimpik.
- Memenangi pingat emas Kejohanan Piala Dunia Terjun FINA, Tokyo 2021.



CEPAT JAWAB

Nyatakan atlet negara yang cemerlang dalam sukan skuasy.



AKTIVITI

Secara berkumpulan, bincangkan pelibatan pelbagai kaum mengharumkan nama negara dalam bidang sukan.



K12.3.5

Mohd Azizulhasni Awang



- Pemegang gelaran nombor satu dunia dalam acara pecut individu lumba basikal pada bulan Februari tahun 2021.
- Penyumbang pingat emas dalam acara Kejohanan Dunia Berbasikal Trek UCI 2017 di Hong Kong.
- Pelumba basikal pertama negara berjaya meraih pingat gangsa di Olimpik Rio 2016 dan pingat perak di Olimpik Tokyo 2020.
- Digelar "The Pocket Rocketman".

Team Secret MY (e-Sukan Malaysia)



- Mewakili negara dalam e-sukan Kejohanan Final Global PUBG Mobile (PMGC) 2021.
- Anggota pasukan terdiri daripada Raymond Tan Boon Sheng, Aekachai Areesanan, Ahmad Fuad Razali, Muhamad Hashim dan Muhammad Danish Yusniza.
- Menduduki tempat ketujuh terbaik dunia.

Nurul Huda Abdullah @ Ch'ng Shu Lin



- Atlet renang negara dengan pencapaian rekod cemerlang:
  - Tujuh pingat emas dalam Sukan SEA Bangkok 1985.
  - Tujuh pingat emas dalam Sukan SEA Jakarta 1987.
  - Lapan pingat emas dalam Sukan SEA Kuala Lumpur 1989.

Abdul Malek Mohamed Noor



- Mengharumkan nama negara dalam sukan bina badan.
- Memenangi enam kali gelaran "Mr. Asia" kategori heavyweight.
- Dianugerahkan gelaran Olahragawan Negara tahun 1986 dan anugerah Olahragawan Kebangsaan tahun 1991.



PAK-21 Fikir-Pasangan-Kongsi (Think-Pair-Share)

1. Bentukkan beberapa buah kumpulan.
2. Setiap kumpulan dikehendaki mencari maklumat berkaitan dengan kepentingan mengamalkan etika dan nilai baik dalam kejohanan sukan.
3. Bandingkan jawapan anda dengan kumpulan lain.

Atlet kebanggaan negara

IMBAS SAYA

Sumber: Mohd Sofi Munajir, 2009. *20 Tokoh Sukan, Siri Tokoh Malaysia*. Selangor: Penerbit Medium Publications.



NOTA GURU

Bimbing murid mengenali atlet sukan kebanggaan Malaysia.

Kegemilangan sukan negara kita turut diraih menerusi kecemerlangan atlet paralimpik. Kesungguhan yang dipamerkan melalui slogan "Kami Luar Biasa" berjaya mengukir nama Malaysia pada peringkat antarabangsa.

ATLET CEMERLANG SUKAN PARALIMPIK

AR SEJARAH



Bonnie Bunyau Gustin

- Meraih pingat emas dan memecah rekod dunia dalam acara angkat berat di Kejohanan Piala Dunia Para Powerlifting Fazza Dubai 2021.
- Meraih pingat emas dalam Sukan Paralimpik Tokyo 2020.



Muhammad Ziyad bin Zolkefli

- Meraih pingat emas acara lontar peluru F20 kategori masalah pembelajaran pada Sukan Paralimpik RIO 2016.
- Memecah rekod dunia dengan catatan 16.84 meter.



Abdul Latif bin Romly

- Meraih pingat emas pada Sukan Paralimpik RIO 2016 dalam acara lompat jauh T20 kategori kurang upaya intelektual dengan lompatan sejauh 7.60 meter yang merupakan satu catatan baharu rekod dunia.
- Meraih pingat emas dalam Sukan Paralimpik Tokyo 2020.



Mohamad Ridzuan bin Mohamad Puzi

- Meraih pingat emas dalam acara 100 meter T36 kategori *cerebral palsy* pada Sukan Paralimpik RIO 2016.
- Atlet pertama negara yang dinobatkan sebagai Atlet Para (Lelaki) Terbaik Asia Tahun 2018.

Pelibatan atlet pelbagai kaum dalam mencipta kejayaan hingga peringkat antarabangsa telah mengharumkan nama negara. Kita harus berasa bangga apabila bendera negara berkibar megah dalam temasya sukan peringkat dunia.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali atlet paralimpik negara.



Sukan Alat Perpaduan dan Keharmonian Kaum

Penganjuran sukan di Malaysia melibatkan pelbagai kaum telah mewujudkan perpaduan. Aktiviti sukan pada peringkat sekolah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa menjadi alat yang dapat memupuk semangat perpaduan.

1

- Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) diperkenalkan pada tahun 2005.
- Kerjasama melakukan aktiviti sukan antara sekolah dapat mewujudkan perpaduan murid pelbagai kaum.



2

- Dasar 1Murid 1Sukan (1M1S) bermula pada tahun 2011.
- Setiap murid terlibat dalam sekurang-kurangnya satu bidang sukan.
- Semangat kesukanan ini memupuk perpaduan.

3

- Kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) yang dianjurkan setiap tahun menjadi medan atlet remaja mengembangkan bakat sukan mereka.
- Pembangunan sukan yang terancang ini akan membawa pembentukan perpaduan masyarakat Malaysia.



Sumber: bsukanspmoe.com/bsmssm

4

- Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) merupakan sukan terbesar dalam negara yang dianjurkan secara bergilir-gilir oleh setiap negeri.
- Pelibatan atlet pelbagai kaum yang mewakili setiap negeri berjaya membentuk masyarakat yang harmoni.
- Atlet yang berpotensi tinggi berpeluang untuk mengharumkan nama negara pada peringkat antarabangsa.



SUKMA pertama 1986.
Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia.

5

- Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) merupakan kejohanan sukan yang dikhususkan kepada atlet pada peringkat institusi pengajian tinggi (IPT).
- Pelibatan atlet pelbagai kaum dapat memperkukuh perpaduan serta keharmonian.

SUKIPT

6

- Sukan Paralimpik ialah temasya sukan bagi Orang Kurang Upaya (OKU).
- Diadakan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- Temasya sukan ini menyuntik semangat perpaduan kaum.



Perpaduan dan keharmonian kaum yang terbentuk menerusi sukan menjadi pendorong kepada pembangunan negara kita.

Mengapakah kejohanan sukan penting kepada pembangunan negara?

CEPAT JAWAB

Nyatakan temasya sukan terbesar di negara kita.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami peranan sukan sebagai alat perpaduan.

12.3.2
K12.3.6

Sukan Antarabangsa di Malaysia

Malaysia terlibat dalam temasya sukan pada peringkat antarabangsa. Negara kita diberikan kepercayaan sebagai tuan rumah penganjuran sukan bertaraf antarabangsa kerana memiliki infrastruktur sukan yang lengkap.

Sukan SEA

- Negara kita menjadi tuan rumah Sukan SEA pada tahun 1965, 1971, 1977, 1989, 2001 dan 2017.
- Pada tahun 1965 hingga tahun 1971 penganjuran ini dikenali sebagai Kejohanan Sukan SEAP.
- Penganjuran kejohanan ini merapatkan hubungan antara negara serantau.

KUALA LUMPUR 2017
29TH SEA GAMES



Atlet Malaysia semasa pembukaan Sukan SEA pada tahun 2017 di Kuala Lumpur.
Sumber: Astro Awani.



TAHUKAH ANDA?

Sukan SEAP (Southeast Asian Peninsular Games) mula dipertandingkan pada tahun 1959 dan pada tahun 1977 dikenali sebagai Sukan SEA (Southeast Asian Games).



Piala Thomas

- Penganjuran kejohanan badminton Piala Thomas berlangsung di negara kita sebanyak enam kali.
- Berlangsung dengan jaya dan meriah pada tahun 1970, 1984, 1988 dan 1992 di Stadium Negara, Kuala Lumpur.
- Berlangsung pada tahun 2000 dan 2010 di Stadium Putra, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.
- Penganjuran kejohanan ini membawa imej gemilang kepada negara.

Hoki Piala Dunia



- Tuan rumah kepada dua edisi Kejohanan Hoki Piala Dunia.
- Berlangsung di Stadium Merdeka pada tahun 1975 yang melibatkan persaingan daripada 12 buah negara.
- Berlangsung di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil pada tahun 2002 dengan jumlah penyertaan terbanyak, iaitu 16 buah negara.
- Penganjuran kejohanan ini mendorong pembangunan sukan hoki di negara kita.

Sukan Permotoran

SBK SUPERBIKE FIM WORLD CHAMPIONSHIP

- Diberikan kepercayaan menjadi tuan rumah sukan permotoran antarabangsa bermula pada tahun 1991.
- Sukan permotoran yang dianjurkan ialah:
  - Grand Prix Motorcycle Racing (MotoGP).
  - Superbike World Championship (SBK).
- Penganjuran sukan ini menjanakan pendapatan negara.



Le Tour de Langkawi

- Penganjuran kejohanan lumba basikal antarabangsa ini merupakan acara tahunan di negara kita bermula pada tahun 1996.
- Nama kejohanan ini diambil bersempena dengan lokasi pelepasan perlumbaan, iaitu di Pulau Langkawi, Kedah.
- Laluan kejohanan ini yang menjelajah ke seluruh negara telah membantu kita mempromosikan destinasi pelancongan di Malaysia.

Sukan Komanwel



- Malaysia merupakan negara Asia pertama menjadi tuan rumah Sukan Komanwel, iaitu pada tahun 1998.
- Stadium Nasional Bukit Jalil menjadi stadium utama kejohanan.
- Imej Orang Utan dipilih sebagai maskot dan bunga raya menjadi logo kejohanan.
- Penganjuran kejohanan ini berjaya memupuk semangat setia kawan sesama anggota negara Komanwel.

KUALA LUMPUR 98

Formula One dan Formula E

- Menjadi tuan rumah Formula One sejak tahun 2000.
- Berlangsung di Sepang International Circuit (SIC) yang merupakan litar perlumbaan bertaraf dunia.
- Penganjuran sukan antarabangsa Formula E diadakan di Putrajaya pada tahun 2014.
- Penganjuran perlumbaan ini menarik kehadiran peminat sukan permotoran dari seluruh dunia.



Piala Monsun

- Menjadi tuan rumah siri kejohanan sukan perahu layar sejak tahun 2005.
- Lokasi pertandingan di Pulau Duyong, Terengganu.
- Penganjuran di negara kita merupakan acara penutup dalam kalendar kejohanan tersebut.

Monsoon Cup
TERENGGANU • MALAYSIA

Peranan Malaysia sebagai tuan rumah sukan bertaraf antarabangsa menjadikan negara kita dikenali pada peringkat dunia. Peranan ini memberikan kebaikan kepada Malaysia kerana dapat menarik kedatangan pelancong luar negara. Kemasukan pelancong luar ini dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara kita.



PAK-21 Penulisan Pantas (Rocket Writing)

Berdasarkan maklumat tersedia, dalam masa tiga minit anda diminta menyenaraikan faedah penganjuran sukan antarabangsa kepada negara. Laporkan.



TAHUKAH ANDA?

Kejohanan Pestabola Merdeka (1957-2013)

- Malaysia menganjurkan kejohanan ini sebagai memperingati hari kemerdekaan negara.
- Melibatkan pasukan dari negara jiran dan Asia seperti Korea Selatan serta Eropah seperti Republik Czechoslovakia.
- Malaysia muncul sebagai juara sebanyak 10 kali.



12.3.3
K12.3.6

NOTA GURU

- Bantu murid menjelaskan peranan Malaysia dalam penganjuran sukan antarabangsa.

Tokoh Inspirasi Sukan Negara

Kejayaan dalam pembangunan sukan negara hingga peringkat antarabangsa merupakan hasil kegigihan dan kerjasama kepimpinan sukan serta atlet negara.

Tokoh-tokoh pemimpin sukan negara yang dilantik memegang jawatan penting dalam organisasi sukan telah mengharumkan nama Malaysia.



Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah

- Baginda dikenali sebagai "Bapa Hoki Malaysia" atas sumbangan dalam kemajuan sukan hoki negara.
- Dilantik sebagai Presiden Persekutuan Hoki Malaysia (1985–2004).
- Naib Presiden Federation International Hockey (FIH) (1992–2000).
- Atas inisiatif baginda, Kejohanan Hoki Piala Sultan Azlan Shah yang disertai oleh lapan pasukan terbaik dunia dipertandingkan di negara kita sejak tahun 1992.

Dato' Peter Velappan

- Penolong Setiausaha Agung FAM (1963–1980).
- Setiausaha Agung Asian Football Confederation (AFC) (1978–2007).
- Pengurus dan jurulatih pasukan bola sepak negara dalam pusingan kelayakan Sukan Olimpik 1972.
- Pengarah Koordinasi Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Piala Dunia (FIFA) pertama di Asia (2002) yang diadakan di Jepun dan Korea Selatan.





Dato' Sieh Kok Chi

- Bermula sebagai atlet polo air negara dengan kejayaan menyumbangkan pingat perak dalam edisi Sukan SEAP 1965, 1967 dan 1969.
- Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia (MOM) (1992–2015).
- Ketua Kontinjen Malaysia ke Sukan SEA di Brunei (1999).
- Ahli Kehormat Persekutuan Sukan SEA (2002).

Kita perlu menghargai jasa dan sumbangan atlet sukan terdahulu yang terdiri daripada pelbagai kaum dalam mengharumkan nama negara.



Dr. M. Jegathesan

- Atlet sukan pecut negara yang digelar "Manusia Terpantas Asia".
  - Mewakili negara dalam tiga kejohanan Sukan Olimpik pada tahun 1960, 1964 dan 1968.
  - Memenangi tiga pingat emas pada Sukan Asia Bangkok 1966 dalam acara 100 meter, 200 meter dan 4x100 meter.



M. Rajamani

- Atlet olahraga wanita negara yang mencatatkan pencapaian cemerlang dalam acara 200 meter, 400 meter, 800 meter dan 4x100 meter pada peringkat antarabangsa.
  - Mewakili negara dalam Sukan Olimpik 1964.
  - Memenangi empat pingat emas dalam Sukan SEAP 1965 dan tiga pingat emas pada tahun 1967.
  - Memenangi satu pingat emas pada Sukan Asia Bangkok 1966.



Tan Aik Huang


- Atlet badminton perseorangan negara yang memenangi kejohanan badminton berprestij dunia.
  - Pingat emas Sukan SEAP Kuala Lumpur 1965.
  - Juara perseorangan lelaki Kejohanan Badminton Terbuka All England 1966.
  - Pingat emas Sukan Komanwel 1966.
  - Membantu Malaysia memenangi Piala Thomas 1967.



Mokhtar Dahari

- Legenda bola sepak negara digelar "Supermokh" oleh masyarakat Malaysia atas kecemerlangan dan pencapaian beliau.
  - Mewakili negara ke peringkat antarabangsa sebanyak 167 kali. Beliau menjaringkan sebanyak 89 gol.
  - Membantu Malaysia menjuarai Piala Kejohanan Pestabola Merdeka pada tahun 1973, 1974 dan 1976.
  - Nama beliau tercatat sebagai antara penjaring gol terbanyak pada peringkat antarabangsa.

Pelibatan kepimpinan tokoh sukan serta pencapaian cemerlang atlet negara terdahulu menjadi inspirasi kepada kemajuan sukan negara kini.



Sumber: Fifa.com.



NOTA GURU

Bantu murid mengenali tokoh sukan yang menjadi inspirasi sukan negara.

CADANGAN KAJIAN KES

Tajuk: Kepentingan Sukan kepada Pembangunan Negara

Penyataan Masalah

Penganjuran sukan bertaraf antarabangsa mendorong pembangunan negara. Bincangkan.

Objektif Kajian

- Menyatakan sukan antarabangsa yang dianjurkan di negara kita.
- Membuat perkaitan penganjuran sukan antarabangsa dengan pembangunan negara.
- Menghuraikan kesan pembangunan negara kepada rakyat.

Rujukan atau Sumber

- Muzium/arkib/agensi berkaitan.
- Buku/majalah/akhbar.
- Dokumen/laporan/diari.
- Orang sumber.
- Laman sesawang rasmi.

Laporan Kajian

- Tajuk.
- Penyataan masalah.
- Objektif kajian.
- Kaedah kajian.
- Analisis data.
- Hasil dapatan.
- Kesimpulan.
- Rujukan/bibliografi.
- Lampiran.

NOTA GURU

- Bimbing murid melaksanakan kajian kes mengikut format yang ditetapkan.
- Aktiviti boleh dijalankan secara individu atau berkumpulan.
- Laporan kajian disediakan dalam bentuk yang kreatif.



IMBAS KEMBALI

Pencapaian Sukan Kebanggaan Malaysia

- Peranan persatuan sukan.
- Penganjuran sukan kebangsaan.
- Pencapaian sukan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- Atlet-atlet kebanggaan negara.

Sukan Alat Perpaduan dan Keharmonian Kaum

- Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP)
- Dasar 1Murid 1Sukan (1M1S)
- Kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM)
- Temasya Sukan Malaysia (SUKMA)
- Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT)
- Sukan Paralimpik

Sukan Antarabangsa di Malaysia

- Sukan SEA
- Piala Thomas
- Hoki Piala Dunia
- Sukan Permotoran
- *Le Tour de Langkawi*
- Sukan Komanwel
- Formula One dan Formula E
- Piala Monsun

Tokoh Inspirasi Sukan Negara

- Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah
- Dato' Peter Velappan
- Dato' Sieh Kok Chi
- Atlet terawal yang mengharumkan nama negara:
  - Dr. M. Jegathesan
  - M. Rajamani
  - Tan Aik Huang
  - Mokhtar Dahari

Unit ini memberikan pemahaman tentang pencapaian cemerlang bidang sukan negara serta peranan sukan dalam menyemarakkan perpaduan kaum. Kita perlu bersyukur dengan perpaduan yang terbentuk. Kesedaran ini akan memudahkan pemahaman berkaitan dengan Malaysia dan dunia yang akan dipelajari dalam unit seterusnya.

FIKIR DAN JAWAB

A Lengkapkan jadual pencapaian Malaysia dalam bidang sukan di bawah dengan jawapan yang betul.

Nama Persatuan	Kejohanan yang Dianjur	Antara Atlet Cemerlang	Antara Pencapaian
Persatuan Badminton Malaysia (BAM)			
Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM)			

B Pilih jawapan yang betul.

1. Pelibatan pelbagai kaum dalam sukan akan dapat _____
   (a) menjanakan pendapatan negara.
   (b) menarik kedatangan pelancong.
   (c) memupuk semangat perpaduan.



Le Tour de Langkawi

2. Apakah faedah penganjuran sukan antarabangsa tersebut kepada negara kita?
   (a) Menyumbangkan kutipan pingat emas.
   (b) Mempromosikan destinasi pelancongan.
   (c) Menarik minat penduduk tempatan untuk menonton.

3. Cipta slogan bagi menghargai jasa dan sumbangan tokoh serta atlet sukan yang mengharumkan nama negara.

Slogan:
_____

IMBAS SAYA
Fikir dan jawab



CINTA AKAN NEGARA

Kita harus mengekalkan perpaduan dan keharmonian kaum yang terjalin menerusi pelibatan atlet dan sokongan rakyat. Perpaduan penting untuk memastikan pembangunan sukan negara kita terus mencipta kecemerlangan.



UNIT 10 MALAYSIA DAN DUNIA





Prinsip teras Komanwel jadi pegangan

» Piagam Komanwel sudah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah
thaddius@bh.com.my

tuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata ia bagi memastikan prinsip asas Komanwel bukan sahaja kekal, malah diperkemas dan diperkukuhkan lagi dari masa ke semasa.

Katanya, prinsip demokratik yang baik, hak asasi manusia, keselamatan dan keamanan, koleransi dan hormat menghormati, kebebasan melahirkan pendapat, pemisahan kuasa dan kedaulatan undang-undang serta

kuasa daripada rakyat secara berdaulat dan dengan itu memerlukan mereka bertanggungjawab kepada rakyat," katanya berucap merasmikan Persidangan Speaker dan Pegawai Dewan Komanwel Ke-23 (CSPOC 2016) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman; Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin

mokrasi terancam, ia bukan tanggungjawab eksekutif semata-mata untuk mencari penyelesaian.

Sebaliknya, beliau berkata, Parlimen perlu memberi maklum balas secara kolektif untuk mencari penyelesaian kerana ia adalah satu peluang untuk membaharui kepercayaan berterusan terhadap prinsip asas Komanwel.

limen iaitu suatu kedudukan yang mencerminkan maruah dan kuasa Dewan yang mereka kelolakan.

Ahmad Zahid berkata, pendekatan baharu diperlukan untuk meningkatkan fungsi Parlimen, mengatasi perbezaan politik dan meletakkan kepentingan

Sinopsis

Hubungan baik dengan negara luar penting bagi menjamin keselamatan dan kemakmuran rakyat serta negara kita. Unit ini membincangkan keanggotaan Malaysia dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa, pelibatan Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Komanwel, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Apakah yang akan anda pelajari?

1. Pertubuhan serantau dan antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia.
2. Pelibatan Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).
3. Pelibatan Malaysia dalam Komanwel, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

AKPS

1. Menguasai elemen asas sejarah pelibatan Malaysia dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa.
2. Membuat interpretasi pelibatan Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).
3. Meneroka bukti signifikan pelibatan Malaysia dalam Komanwel, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Nilai Teras Sivik

- Hormat-menghormati
- Bertanggungjawab

Najib jemput pelabur Asia Barat sertai projek ETP

Pelaburan OIC di Malaysia

KUALA LUMPUR 10 Mei – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menjemput para pelabur dari negara-negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) untuk menimbangkan projek-projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) sebagai pelaburan selamat bagi wang tunai berlebihan masing-masing.

Katanya, program itu melibatkan pelaburan yang besar di dalam beberapa sektor utama teknologi canggih, yang termasuk teknologi hijau dan diperbaharui, penjagaan kesihatan, pendidikan dan pelancongan serta hospitaliti.

"Kebanyakan pembiayaan yang diperlukan bagi ETP akan diperoleh dari sumber domestik tetapi kami juga menimbangkan Pelaburan Langsung Asing (FDI) bagi melengkapi usaha ini," katanya dalam ucaptama di Forum Pelaburan Kumpulan Bank Pembangunan Islam (IDB)-Malaysia di sini.

Sehuungan itu, Najib berkata, negara-negara pengeluar minyak di Asia Barat perlu melabur di Asia baharu ini.

"Anda mempunyai peranan untuk dimainkan di dalam pembangunan kami dan anda akan mendapat manfaat di dalam kepentingan itu dalam masa depan kami.

"Dahulu, anda merasa selamat dan menguntungkan untuk melabur modal lebihan anda di negara-negara Barat. Kini adalah masanya melakukan perkara yang sama di negara sebelah timur," katanya.

Najib, yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia adalah gerbang negara-negara pengeluar minyak untuk memasuki rantau Asia.

Sebagai contoh, katanya, Komuniti Ekonomi ASEAN, yang akan dilaksanakan pada 2015, akan menyaksikan Malaysia menjadi gerbang kepada pasaran serantau bagi hampir 600 juta penduduk dengan tarif sifar bagi 99.4 peratus daripada produk yang boleh didagangkan.

Perdana Menteri berkata, perjanjian perdagangan bebas yang ditandatangani oleh ASEAN dan ekonomi-ekonomi utama Asia bermakna pemasaran keutamaan kini mencecah 3.2 bilion peng... yang termasuk penduduk India, Korea, Australia dan New Zealand.

"Ia merupakan pasaran di mana taraf kehidupan sedang meningkat dan perbelanjaan barangan penggunaan sedang meningkat dengan tetap.

"Itulah yang saya maksudkan semasa saya menyatakan bahawa melakukan perniagaan dengan Asia melalui Malaysia memberikan kelebihan strategik utama," katanya.

Perdana Menteri berkata, ciri-ciri ke arah pembangunan yang dipersetujui sebagai penting bagi mencapai kejayaan ialah keupayaan negara-negara membangun menggunakan lebihan kekayaan berfaedah.

Dengan lain... ra-negara yang... perubahan tela... ra-cara untuk... labur dengan b...

Secara ringk... upayaan menda... asas kapitalism... kan masyaraka... jadi lebih mak... ngun.

Najib berkat... tuk maju telah... sedaran bahaw... yang mana bet... kin telah menj... dan tidak kura... dapatan sederha... lompok negara-n...

NAMA

Malaysia dalam Pertubuhan Serantau dan Antarabangsa

Malaysia mengamalkan dasar berbaik-baik dengan semua negara. Negara kita telah menganggotai pelbagai pertubuhan pada peringkat serantau dan antarabangsa.

Serantau

Pertubuhan Serantau
Malaysia menganggotai tiga pertubuhan serantau.

Southeast Asia Friendship and Economic Treaty (SEAFET)

- Disertai pada tahun 1959.
- Dianggotai oleh Persekutuan Tanah Melayu, Thailand dan Filipina.

Association of Southeast Asia (ASA)

- Disertai pada tahun 1961.
- Keanggotaan terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Thailand dan Filipina.

Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)

- Disertai pada tahun 1967.
- Pada awalnya dianggotai oleh lima buah negara, iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina dan Singapura.

TAHUKAH ANDA?

Malaysia tidak mengadakan sebarang hubungan diplomatik dengan Israel dan Korea Utara.

CEPAT JAWAB

Nyatakan tahun Persekutuan Tanah Melayu menyertai ASA.

GLOSARI

Pertubuhan Serantau
Keanggotaannya terdiri daripada beberapa buah negara yang berjiran.

Antarabangsa

Pertubuhan Antarabangsa
Malaysia menganggotai beberapa pertubuhan antarabangsa.

Komanwel

- Disertai setelah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.
- Anggotanya terdiri daripada negara bekas tanah jajahan British.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

- Disertai setelah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.
- Keahliannya terbuka kepada semua negara.

Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM)

- Disertai sejak tahun 1970.
- Anggotanya terdiri daripada 120 buah negara membangun di Asia, Afrika dan Amerika Selatan.

Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

- Disertai sejak penubuhannya pada tahun 1969.
- Pada awal penubuhannya, keanggotaan terdiri daripada 57 buah negara.

Malaysia bertanggungjawab memastikan kestabilan politik, kemajuan ekonomi serta keharmonian rakyatnya. Oleh itu, Malaysia mengamalkan dasar membina hubungan baik dengan negara luar.



PAK-21 Rangkaian (Chain Link)

1. Murid dibahagikan kepada beberapa buah kumpulan.
2. Setiap ahli kumpulan akan menulis satu maklumat berkaitan dengan tajuk "Kepentingan menjalin hubungan baik dengan negara luar".
3. Ahli kumpulan menggabungkan kertas maklumat untuk membentuk rantaian jawapan dan membentangkannya secara kreatif.



12.4.1
K12.4.6

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami pertubuhan serantau dan antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia.

Malaysia dan Association of Southeast Asian Nations

Malaysia adalah antara negara perintis penubuhan Association of Southeast Asian Nations (ASEAN). Oleh itu, negara kita sentiasa memainkan peranan penting ke arah mencapai matlamat penubuhannya.



Latar Belakang ASEAN

- Ditubuhkan pada 8 Ogos 1967.
- Kini dianggotai oleh 10 buah negara Asia Tenggara.
- Selain anggota asal, anggota baharu terdiri daripada Brunei (1984), Vietnam (1995), Laos dan Myanmar (1997) serta Kemboja (1999).
- Ibu pejabat ASEAN terletak di Jakarta, Indonesia.

Matlamat Penubuhan ASEAN

- Menjamin keamanan dan kestabilan politik.
- Menggalakkan pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan pembangunan kebudayaan.
- Menjalin kerjasama dalam bidang latihan dan penyelidikan.
- Meningkatkan taraf hidup penduduk.

AKTIVITI Kajian Peta

Secara berkumpulan, senaraikan negara yang menganggotai ASEAN. Bentangkan.

Makna Logo ASEAN

- Biru – keamanan dan kestabilan.
- Merah – semangat dan dinamisme.
- Kuning – kemakmuran.
- Putih – kesucian.
- Sepuluh tangkai padi – impian pengasasan ASEAN diikat oleh semangat persahabatan dan perpaduan antara 10 buah negara anggota ASEAN.
- Bulatan – kesatuan ASEAN.

Faedah Penyertaan Malaysia dalam ASEAN

Antara faedahnya termasuklah:

Keamanan dan Kestabilan Politik

Mengelakkan campur tangan kuasa luar menerusi Deklarasi Kuala Lumpur 1971 yang mengisytiharkan ASEAN sebagai Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN).

Pertumbuhan Ekonomi dan Sosial

- Menjalin kerjasama projek ekonomi dalam perindustrian baja urea di Bintulu, Sarawak.
- Menjadi tuan rumah penganjuran Sukan SEA.

Latihan dan Penyelidikan

Pembinaan Regional Centre for Education in Science and Mathematic (RECSAM) di Pulau Pinang.

Sumbangan Malaysia dalam ASEAN

Antara sumbangan Malaysia termasuklah:

- Menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN.
- Membantu menangani isu pencerobohan Vietnam terhadap Kemboja.
- Membantu meredakan konflik politik di selatan Filipina.
- Mengutarakan penubuhan ZOPFAN.
- Menyertai Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran ASEAN (SEAMEO).

Malaysia mengutamakan kepentingan menjalin hubungan baik dengan negara luar. Faedah daripada hubungan baik ini akan dapat dikongsi bersama. Oleh itu, pelibatan Malaysia dalam ASEAN amat dihargai oleh negara anggota.

Sumber: Kementerian Luar Negeri Malaysia.


12.4.2
K12.4.6

NOTA GURU

Bimbing murid memahami faedah pelibatan Malaysia dalam ASEAN.

Malaysia dan Komanwel

Pelibatan Malaysia dalam Komanwel telah bermula sejak negara mencapai kemerdekaan hingga kini. Malaysia turut terlibat dalam program anjuran Komanwel.



Latar Belakang Komanwel

- Dibentuk pada 11 Disember 1931.
- Dianggotai oleh 54 buah negara bekas tanah jajahan British kecuali Mozambique dan Republik Rwanda.
- Ibu pejabat Sekretariat Komanwel terletak di London, England.

The Commonwealth

Logo Komanwel

Matlamat Penubuhan Komanwel

- Membina semangat setia kawan sesama negara anggota.
- Mewujudkan kerjasama dalam bidang pendidikan, pembangunan ekonomi, kesihatan serta belia dan sukan.

Sumber: Kementerian Luar Negeri Malaysia.



PAK-21 Peta Minda (Mind Map)

1. Secara individu, kumpulkan maklumat tentang sumbangan Malaysia untuk keamanan dunia.
2. Bina peta minda secara kreatif.
3. Pamerkan pada Sudut Sejarah.



CEPAT JAWAB

Di manakah lokasi ibu pejabat Sekretariat Komanwel?

IMBAS SAYA

Negara Anggota Komanwel



Faedah Penyertaan Malaysia dalam Komanwel

Pendidikan

- Memberikan peluang kerjasama antara negara anggota bagi meningkatkan taraf pendidikan.
- Mewujudkan peluang bagi rakyat Malaysia untuk melanjutkan pendidikan tinggi dalam pelbagai bidang melalui tawaran biasiswa Komanwel.

Perdagangan

- Malaysia berpeluang untuk menyuarakan pandangan dan bertukar idea dengan negara anggota Komanwel tentang isu pembangunan ekonomi.
- Memudahkan barangan Malaysia menembusi pasaran antarabangsa, khususnya di negara anggota Komanwel.

Kesihatan

- Memberikan peluang kepada negara anggota untuk berkongsi pendapat dan pengalaman dalam bidang kesihatan.
- Memberikan peluang untuk bekerjasama melalui perkongsian maklumat dan data sesama negara anggota bagi menangani wabak seperti COVID-19.

Belia dan Sukan

- Menganjurkan Sukan Komanwel pada tahun 1998.
- Memberikan peluang kepada ahli sukan Malaysia bersaing dalam Sukan Komanwel.
- Memberikan peluang kepada belia untuk mewakili Malaysia dalam pelbagai persidangan belia anjuran Sekretariat Komanwel.

Sumbangan Malaysia dalam Komanwel

- Mengecam dasar Aparteid di Afrika Selatan yang membezakan penduduk mengikut warna kulit.
- Membantu menamatkan amalan Aparteid pada tahun 1993 hasil desakan bersama-sama negara anggota Komanwel.
- Menjadi tuan rumah Commonwealth Heads of Government Meeting (CHOGM) pada tahun 1989.
- Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi 1989 yang berkaitan dengan tanggungjawab mengawal dan mengatasi masalah pencemaran alam sekitar.

Semangat setia kawan negara anggota Komanwel telah membantu mempertahankan keamanan dan kedaulatan negara kita. Oleh itu, kita perlu bersyukur dan sentiasa berusaha untuk menjaga hubungan baik dengan negara lain.




NOTA GURU

- Bimbing murid memahami faedah dan sumbangan pelibatan Malaysia dalam Komanwel.

Malaysia dan Pertubuhan Kerjasama Islam

Peranan dan ketokohan pemimpin negara jelas dilihat dalam usaha pembentukan Organisation of Islamic Cooperation (OIC) atau Pertubuhan Kerjasama Islam. Malaysia merupakan antara negara pengasas OIC.



Latar Belakang OIC

- OIC ditubuhkan pada 25 September 1969.
- Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Setiausaha Agung OIC yang pertama.
- Pejabat OIC terletak di Jeddah, Arab Saudi.
- OIC dianggotai oleh 57 buah negara.
- Bahasa rasmi OIC ialah bahasa Arab, Inggeris dan Perancis.



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia.

Matlamat Penubuhan OIC

Matlamat utama OIC adalah untuk mengukuhkan perpaduan dan mengeratkan hubungan sesama negara Islam serta mengekalkan keamanan.

Sumber: Kementerian Luar Negeri Malaysia.



Logo OIC



CEPAT JAWAB

Apakah jawatan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dalam OIC?

IMBAS SAYA

Negara Anggota OIC



Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Faedah Penyertaan Malaysia dalam OIC

Antara faedahnya termasuklah:

- Meningkatkan kerjasama sesama negara Islam dalam pelbagai bidang seperti politik, sosial dan budaya.
- Mendapat bantuan pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam.
- Menawarkan kemudahan biasiswa pendidikan.

Sumbangan Malaysia dalam OIC

Malaysia berperanan besar dalam memenuhi matlamat OIC, antaranya termasuklah:

- Membantu penubuhan Bank Pembangunan Islam pada tahun 1975.
- Menangani isu Bosnia dan Herzegovina pada tahun 1991.
- Menyokong penuh perjuangan rakyat Palestin menentang kekejaman Israel.
- Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1983.
- Menjadi tuan rumah Persidangan OIC pada tahun 1974 dan 2003.



Ibu pejabat OIC di Jeddah, Arab Saudi.



Sidang Kemuncak Luar Biasa OIC pada tahun 2017.

Malaysia sentiasa berusaha ke arah mencapai matlamat penubuhan OIC. Pelibatan dan sumbangan Malaysia penting untuk mengekalkan keamanan dunia menerusi amalan rundingan perdamaian.

AKTIVITI

Secara berkumpulan, bincangkan kepentingan sumbangan OIC di Malaysia. Laporkan secara kreatif.

12.4.4
K12.4.7

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kepentingan pelibatan Malaysia dalam OIC.

Malaysia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Penyertaan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menonjolkan kewibawaan negara sebagai penyumbang kepada keamanan sejagat. Pandangan Malaysia berkaitan dengan isu global disuarakan menerusi persidangan PBB.



Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Logo PBB

Latar Belakang PBB

- Ditubuhkan pada 24 Oktober 1945 selepas Perang Dunia Kedua.
- Keahliannya terbuka kepada semua negara di seluruh dunia.
- Ibu pejabat PBB terletak di New York, Amerika Syarikat.
- Bahasa rasmi yang digunakan ialah bahasa Arab, Mandarin, Inggeris, Perancis, Rusia dan Sepanyol.

Matlamat Penubuhan PBB

- Menjamin keamanan dan keselamatan dunia.
- Menggalakkan hubungan baik antara negara anggota.
- Menjalin kerjasama dalam menyelesaikan masalah antarabangsa dan melindungi hak asasi manusia.



Ibu pejabat PBB di New York, Amerika Syarikat.

Mengapakah terdapat lebih daripada satu bahasa rasmi dalam PBB?

Faedah Penyertaan Malaysia dalam PBB

Antara faedahnya termasuklah:

- Memelihara dan mempertahankan kepentingan negara dalam sebarang keputusan yang diambil oleh PBB.
- Meneruskan peranan aktif Malaysia dengan menyumbang pendapat dan pandangan dalam pelbagai isu global.
- Membantu meningkatkan komitmen Malaysia dalam menangani pelbagai isu.

Sumbangan Malaysia dalam PBB

Membawa Isu Perjuangan Rakyat Palestin

- Memainkan peranan dalam usaha mencari penyelesaian yang adil dan berkekalan kepada konflik Palestin-Israel.

Menyelesaikan Konflik Antarabangsa

- Ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB 1965, 1989–1990, 1999–2000 dan 2015–2016.
- Menghantar pasukan pengaman PBB ke Congo (1961), Namibia (1989), Somalia (1992), Bosnia dan Herzegovina (1992) dan Lubnan (2007).
- Menghantar pasukan pemerhati PBB ke sempadan Iran–Iraq (1990).

Mendesak Usaha Memerangi Gejala Penyalahgunaan Dadah

- Mendorong Penganjuran Persidangan Antarabangsa Dadah di Vienna, Austria pada bulan Jun 1987.
- Perdana Menteri Malaysia keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad diberi penghormatan sebagai Presiden persidangan tersebut.

Menyarankan Usaha Meningkatkan Mutu Pendidikan

- Memperjuangkan prinsip "Pendidikan untuk Semua" menerusi United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO).
- Menganggotai Lembaga Eksekutif UNESCO pada tahun 2017.

Sumber: Kementerian Luar Negeri Malaysia.



TAHUKAH ANDA?

UNESCO ialah agensi khas PBB yang bertujuan untuk mempromosikan keamanan dunia menerusi kerjasama antarabangsa dalam pendidikan, sains dan budaya.



12.4.5
K12.4.8

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami pelibatan dan peranan Malaysia dalam PBB.

Pengiktirafan PBB kepada Malaysia

Sumbangan cemerlang Malaysia dalam melaksanakan segala tanggungjawab pada peringkat antarabangsa mendapat pengiktirafan PBB.

Pasukan Pengaman PBB diiktiraf menerusi pemberian sijil dan pingat perkhidmatan PBB



Pasukan Pengaman PBB di Lubnan.
Sumber: Aminuddin bin Baharudin.



Sumbangan individu warga Malaysia yang mendapat pengiktirafan PBB



Tan Sri Razali Ismail

- Pengerusi Majlis Keselamatan PBB (1989–1990).
- Pengerusi Perhimpunan Agung PBB sesi ke-51 (1996–1997).



Datuk Dr. Mazlan Othman

- Pengarah Hal Ehwal Angkasa Lepas PBB (1999–2002 dan 2007).
- Melaporkan aktiviti angkasa lepas kepada anggota PBB.

IMBAS SAYA

Sijil-sijil pengiktirafan UNESCO

AKTIVITI

Secara berkumpulan, cipta puisi berkaitan dengan kepentingan mengekalkan pengiktirafan negara luar terhadap Malaysia. Persembahkan.

NOTA GURU

- Bimbing murid menghuraikan kepentingan mengekalkan pengiktirafan negara luar.

K12.4.8

Malaysia juga mendapat pengiktirafan daripada PBB menerusi UNESCO. Pengiktirafan ini merangkumi beberapa kategori seperti Tapak Warisan Dunia, Daftar Memori Dunia dan Daftar Warisan Budaya Tidak Ketara Kemanusiaan.



Hikayat Hang Tuah.

Tapak Warisan Dunia Kategori Alam Semula Jadi (2000)

- Taman Negara Gunung Mulu, Sarawak.
- Taman Kinabalu, Sabah.

Gua Mulu, Sarawak.

Daftar Memori Dunia

- *Hikayat Hang Tuah* (2001).
- Surat-menyurat Almarhum Sultan Kedah (1882–1943) (2001).
- *Sulalatus Salatin* (2002).
- Batu Bersurat Terengganu (2009).



Makyung.

Daftar Warisan Budaya Tidak Ketara Kemanusiaan

- Makyung (2005).
- Dondang Sayang (2018).
- Silat (2019).
- Wangkang (2020).

Tapak Warisan Dunia Kategori Kebudayaan

- Melaka dan George Town, Bandar Bersejarah Selat Melaka (2008).
- Warisan Arkeologi Lembah Lenggong, Perak (2012).



Dewan Bandaraya, George Town, Pulau Pinang.

Sumber: Jabatan Warisan Negara, 2013. *World Heritage Malaysia, Al Bukhary Series VI*. Kuala Lumpur.

Peranan dan sumbangan Malaysia menerusi PBB mendapat pengiktirafan daripada negara-negara anggota. Sebagai rakyat, kita perlu berasa bangga dan sentiasa berusaha untuk mengekalkan pengiktirafan daripada negara luar.





IMBAS KEMBALI

Malaysia dalam Pertubuhan Serantau dan Antarabangsa

Pertubuhan Serantau
- Southeast Asia Friendship and Economic Treaty (SEAFET)
- Association of Southeast Asia (ASA)
- Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)

Pertubuhan Antarabangsa
- Komanwel
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM)
- Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

- **Malaysia dan Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)**
- **Malaysia dan Komanwel**
- **Malaysia dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)**
- **Malaysia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)**

The Commonwealth



- **Latar Belakang Penubuhan**
- **Matlamat Penubuhan**
- **Faedah Penyertaan**
- **Sumbangan Malaysia**

Pelibatan aktif Malaysia dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa memberikan faedah kepada kemajuan negara. Dengan itu, negara kita dikenali dengan imej yang baik dan mendapat pengiktirafan daripada negara lain.

FIKIR DAN JAWAB

Lengkapkan maklumat pada jadual di bawah.

Logo Pertubuhan	Nama Pertubuhan	Tahun Penyertaan	Faedah	Sumbangan
asean		1967		
The Commonwealth	Komanwel			
			Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).	
				Menyertai Pasukan Pengaman PBB.

IMBAS SAYA
Fikir dan jawab

NOTA GURU

- Bimbing murid melengkapkan jadual dengan maklumat yang betul.
- Aktiviti boleh dijalankan secara individu atau berkumpulan.



CINTA AKAN NEGARA

Pelibatan Malaysia dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa bermula sejak negara mencapai kemerdekaan. Pandangan dan sumbangan Malaysia untuk memastikan kesejahteraan dan keamanan dunia menjadikan Malaysia sebuah negara yang dihormati.



Diri
Kita perlu memelihara hubungan baik dengan jiran agar keharmonian dapat dipupuk.

Masyarakat
Hubungan baik dalam masyarakat membentuk perpaduan dan mendatangkan faedah kepada semua.

Negara
Kesepakatan yang dibentuk menjadikan negara kita dihormati serta disegani.

RUJUKAN

A. Rahman Tang Abdullah dan Saidah Alih. "Proses Kemerdekaan Sabah dan Sarawak (1961-1963): Tinjauan Kembali Aplikasi Perundangan Dalam Penubuhan Malaysia" dlm. *Jebat Malaysian Journal of History, Politik & Strategic Studies*. Vol 444(1), Universiti Kebangsaan Malaysia, Julai 2017.

Abd. Rahim Abd. Rashid, 2004. *Patriotisme: Agenda Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Aziz Abdul Rahman dan Sumangala Pillai, 1997. *MAHATHIR Kepimpinan dan Wawasan dalam Sains dan Teknologi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Abdul Aziz Bari, 2015. *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Aziz Rahman, 2012. *100 Wira Negara*. Kuala Lumpur: MUBARAK.

Abdul Halim Ahmad Tajuddin, 2004. *Pemimpin Terbilang: Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.

Abdul Rahman Ibrahim, 2011. *13 Mei di Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Samad Idris, 1987. *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd.

Adham bin Baba, 2020. *Malaysia Health Sector Respon to Covid-19 Pandemic*. Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia.

Ahmad Sarji Abdul Hamid, 2008. *Sport and Recreation*. Singapura: Editions Didier Millet.

Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, 2016. S*ejarah Kedah Dua Millenia*. Sintok: Univesiti Utara Malaysia Press.

Ann Wan Seng, 1996. *Kepercayaan Orang Cina*. Shah Alam. Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Ariah Judah, 2017. *Raja Payung Negara Daulat Sepanjang Zaman*. Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia.

Arkib Negara Malaysia, 2020. *50 Fakta Rukun Negara*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Asmah Haji Omar, 2004. *The Encyclopedia of Malaysia. Language and Literature*. Kuala Lumpur. Didier Millet.

B. Saidin, 1980. *Iban: Adat and Augury*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Buyong Adil, 1981. *Sejarah Selangor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Buyong Adil, 1984. *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Charlie Anak Ungang, 2014. *Etnik Bidayuh: Budaya dan Warisan*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.

Cheah Boon Kheng, 2001. *The Encyclopedia of Malaysia. Early Modern History (1800-1940)*. Kuala Lumpur: Didier Millet.

Cheu Hock Tong, 1988. *Chinese Beliefs and Practice in South East Asia*. Subang Jaya: Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd.

Danny Wong Tze Ken. "The Name of Sabah and the Sustaining of a New Identity in a New Nation". Dicapai dalam https://journals.openedition.org/archipel/495.

Dharmala N.S., 2005. *Tradisi Kepimpinan Berjiwa Rakyat: Tun Abdul Razak Bapa Pembangunan*. Batu Caves: Thinkers Library Sdn. Bhd.

Gan Chee Keong dan Ahmad Azam Mohd Shariff, 2018. *Perlembagaan Persekutuan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ghazali Shafie, 2015. *Memoir Ghazali Shafie Penubuhan Malaysia*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

H. Osman Rani, 2007. *The Economy: The Encyclopedia of Malaysia*. Kuala Lumpur: Archipelago Press, Didier Millet.

Harun Derauh dan Shafie Nor, 1982. *Mahathir: Cita-cita dan Pencapaian*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Hood Salleh, 2006. *Peoples and Traditions: The Encyclopedia of Malaysia*. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet.

Irene Benggon Charuruks dan Janatte Padasian (ed.), 1992. *Culture, Custom dan Traditions of Sabah*. Kota Kinabalu. Sabah Tourism Promotion Corporation.

Ishak Saat, 2009. *Malaysia 1945-2000*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, Sdn. Bhd.
Iskandar Hasan Tan Abdullah dan Nur Azuki Yusuff, 2019. *Politik Pentadbiran Perdana Menteri Malaysia*. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
J. Victor Morais, 1982. *Hussein Onn dalam Arus Suratan*. Singapura: Times Books International.
Jabatan Warisan Negara, 2013. *World Heritage Malaysia, Al Bukhary Series VI*. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.
Jacqueline Pugh-Kitingan dan Cifford Sather. "Storytelling in Sabah and Sarawak" dlm. Ghulam-Sarwar Yousof, 2004. *Performing Arts: Ecyclopedia of Malaysia*. Kuala Lumpur: Didier Millet.
Jasiman Ahmad dan Rosnah Ramli, 1997. *Siri Kebudayaan Masyarakat Malaysia: Masyarakat Orang Asli*. Melaka: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
K.Sri Dhammananda, 1998. *What Buddhist Believe*. Kuala Lumpur: Budddhist Missionary Society.
Kamarudin Hussin, Ramlah Adam dan Asiah Sarji, 2013. *Najib Razak: Pemacu Transformasi Negara*. Kangar: Penerbit Universiti Malaysia Perlis.
Kementerian Luar Negeri, 1995. *Malaysia dalam Misi Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu*. Kuala Lumpur: Kementerian Luar Negeri.
Khairul Hisyam Kamarudin dan Ibrahim Ngah, 2007. *Pembangunan Mapan Orang Asli*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
Leon Comber, 1985. *Peristiwa 13 Mei: Sejarah Perhubungan Melayu-Cina*. Kuala Lumpur: International Book Services.
Leonard Andaya. "Orang Asli and the Melayu in the History of Malay Peninsular" dlm. JMBRAS, Volume. 95, 2002.
M. Kamal Hassan dan Ghazali Basri, 2005. *Religions and Beliefs*. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet.
M. Rajantheran dan S. Manimaran,1994. *Perayaan Orang India*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
Mardiana Nordin, Abdullah Zakaria Ghazali, 2012. *Kedah: Warisan dan Sejarah*. Bangi: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
Noriah Mohamed dan Muhammad Haji Salleh, Mahani Musa, 2006. *Sejarah Awal Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
Othman Puteh dan Aripin Said, 2010. *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributor.
P.J. Rivers. "The Origin of Sabah and a Reappraisal of Overbeck as Maharajah" dlm. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol 77. No.1 (286), 2004.
Raja Masittah Raja Ariffin, Che Ibrahim Salleh, Norazlina Mohd Kiram dan Hasnah Mohamad, 2016. *Etimologi Nama Negeri di Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
Ramlah Adam, 2009. *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
S. Baring-Gould dan C.A. Bampfylde, 2019. *A History of Sarawak Under Its Two White Rajahs, 1839-1908*. Kuala Lumpur: Silverfish Books.
Syed Mahadzir, 2009. *Permainan Tradisi Rakyat (Siri Khazanah Budaya)*. Selangor: EI Publication Sdn. Bhd.
Taha Abd.Kadir, 1985. *Hari Perayaan Penduduk Malaysia*. Selangor: Pelanduk Publication.
Tan Chee-Beng, 2021. *The Baba of Malaka*. Selangor: SIRD.
Wan Ramli Wan Muhammad, 2006. *Adat Resam Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kedudayaan dan Kesenian Negara.
Yahaya Ismail, 1998. *The Cultural Heritage of Sabah*. Petaling Jaya: Dinamika Kreatif Sdn. Bhd.
Zainal Abidin Abdul Wahid, 2008. *Kesultanan Melayu Melaka: Pentadbiran Kuno atau Moden*. Melaka: Institut Kajian dan Patriotisme Malaysia.
Zakiah Hanum, 1989. *Asal Usul Negeri-negeri di Malaysia*. Kuala Lumpur: Times Books International

IMBAS SAYA

- Rujukan
- Kod gambar Arkib Negara Malaysia
- Jawapan Fikir dan Jawab
- Maklumat lain dari semasa ke semasa

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks

Sekolah _____

Tahun	Darjah	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: _____

Tarikh Penerimaan: _____

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL









RM13.10
ISBN 978-983-49-3279-4
9 789834 932794
BT09001